# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Aluan Dekan | 3 |
| **PENGENALAN UNIMAS** | 4 |
| Latar Belakang | |
| Visi UNIMAS | |
| Misi UNIMAS | |
| Nilai-Nilai UNIMAS | |
| Pengurusan Tertinggi UNIMAS | |
| **FSKPM : *The Signature Faculty*** | 7 |
| Visi FSKPM | |
| Misi FSKPM | |
| Objektif FSKPM | |
| Budaya dan Nilai Fakulti | |
| Pengurusan Fakulti | |
| **OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM/ HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM** | 12 |
| **PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN** | 16 |
| Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dengan Kepujian | 16 |
| Sarjana Muda Sains Kognitif dengan Kepujian | 21 |
| Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian | 26 |
| Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian | 30 |
| Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian | 34 |
| **KURSUS UNIVERSITI** | 38 |
| **KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI** | 44 |
| **PERATURAN AKADEMIK IJAZAH SARJANA MUDA UNIMAS** | 48 |
| Pindah Kredit/Gred | |
| Kod Pakaian Pelajar | |
| Larangan Terhadap Plagiarisma | |
| Gred dan Nilai Gred | |
| Yuran Pengajian | |
| **KOD GANGGUAN SEKSUAL** | 82 |
| **LATIHAN INDUSTRI/INTERNSHIP** | 84 |
| Latihan Industri Program Pembangunan Sumber Manusia | |
| Latihan Industri Program Sains Kognitif | |
| Internship Program Kaunseling | |
| Latihan Industri Program Psikologi | |
| Orientasi Sekolah Dan Latihan Mengajar Program Pendidikan Islam | |
| **PENASIHAT AKADEMIK** | 92 |
| **SINOPSIS KURSUS TERAS** | 94 |
| Program Pembangunan Sumber Manusia | |
| Program Sains Kognitif | |
| Program Kaunseling | |
| Program Psikologi | |
| Program Pendidikan Islam | |
| Kursus Teras Fakulti | |

**DIREKTORI STAF** 118
Staf Akademik
Staf Pentadbiran

**KALENDAR AKADEMIK 2022/2023** 131

**Aluan Dekan**
**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْم
Assalamualaikum dan salam sejahtera

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang berjaya melangkah ke menara gading di Bumi Kenyalang ini. Kedatangan anda sebagai warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) amat dialu-alukan.

Selaras dengan misi dan visi universiti, Fakulti berhasrat untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, tetapi berketerampilan dan berkualiti tinggi dari aspek sahsiah, personaliti dan akhlak yang mulia. Modal insan yang berwadahkan ciri-ciri di atas akan dapat menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang akan disegani.

Fakulti amat berbangga untuk melihat mahasiswa yang akan lahir sebagai ilmuan dalam pelbagai bidang khasnya bidang Pembangunan Sumber Manusia, Sains Kognitif, Kaunseling, Psikologi dan Pendidikan Islam. Fakulti juga menggalakkan mahasiswa untuk saling berinteraksi dan membina kolaborasi dalam menjalankan aktiviti samada di peringkat fakulti atau universiti. Persatuan Mahasiswa Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (PESAKMA) merupakan satu medium untuk mahasiswa FSKPM bergabung tenaga untuk bersama-sama menjalankan aktiviti yang dapat memberi manfaat samada dari aspek akademik, kepimpinan, sahsiah dan juga pembinaan keterampilan diri. Fakulti juga sangat menggalakkan para mahasiswa yang akan lahir nanti mempunyai matlamat untuk peningkatan diri dari aspek akademik di peringkat pasca siswazah. FSKPM komited menawarkan program di peringkat pascasiswazah samada dalam mod penyelidikan atau kerja kursus.

Kecemerlangan, keterampilan dan kemahiran dalam bidang ilmu tidak dapat dikecapi hanya dengan impian. Kegigihan, kewibawaan diri dan disiplin tinggi perlu dipupuk untuk mencapai kejayaan yang diidamkan. Oleh itu, adalah menjadi harapan fakulti agar anda dapat menggunakan peluang di UNIMAS ini sebaik yang mungkin sebagai asas kepada kecemerlangan masa hadapan. Semoga kehadiran mahasiswa dan mahasiswi di UNIMAS dan FSKPM khasnya bakal menjadi titik permulaan dalam mengatur langkah ke arah kecemerlangan demi masa depan yang gemilang.

**Prof. Madya Dr Surena binti Sabil**
Dekan
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

### 1.1 LATAR BELAKANG

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah memasuki tiga dekad (1992-2022) dan ini bermakna pada tahun 2022 ini,UNIMAS menjangkau usianya yang ke-30 tahun. Selaras dengan tiga dekad tersebut, UNIMAS di bawah kepimpinan YBhg. Prof. Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi, Naib Canselor UNIMAS, telah bersedia untuk menuju ke arah universiti global yang disegani selaras dengan perancangan strategik untuk menjadikan *"UNIMAS as a Global Brand"*. Dalam amanat Naib Canselor 2022 yang bertajuk "Mendepani Cabaran Pendidikan Tinggi Global", beliau telah menzahirkan hasrat dan impian UNIMAS untuk bersama- sama memikul amanah dan tanggungjawab demi kelestarian dan kecemerlangan universiti.

UNIMAS secara rasminya ditubuhkan pada 24 Disember 1992. Bermula dengan kira-kira 30 staf akademik, UNIMAS membuka pintunya kepada kumpulan pertama 118 pelajar pada 8 Ogos 1993. Kini, pada tahun 2022 UNIMAS telah mempunyai 10 buah fakulti iaitu:

- Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
- Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
- Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
- Fakulti Kejuruteraan
- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Fakulti Alam Bina

Kini, UNIMAS menawarkan 47 program di peringkat Sarjana Muda, 28 program Sarjana (Secara Penyelidikan) dan 17 program Sarjana (Kerja Kursus). Selain itu, UNIMAS juga meletakkan Kecemerlangan Penyelidikan sebagai salah satu fokus dalam perancangan strategik universiti. Sehingga kini, UNIMAS mempunyai lapan (8) Pusat Penyelidikan dan tujuh (7) Institut Penyelidikan.

UNIMAS telah diterajui oleh beberapa kepimpinan Naib Canselor sejak tahun 1992. Naib Canselor UNIMAS yang pertama ialah Profesor Emeritus Dato' Ir. Dr Mohamad Zawawi bin Ismail diikuti dengan Profesor Datuk Dr Yusuf bin Hadi sebagai Naib Canselor kedua pada tahun 2000. Profesor Datuk Dr Abdul Rashid bin Abdullah telah dilantik sebagai Naib Canselor ketiga pada 1 Februari 2005 manakala Naib Canselor yang keempat adalah Prof. Datuk Dr Khairuddin Ab. Hamid kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor pada tahun 2001 sehingga 31 Mac 2013. Prof. Dr Morshidi bin Sirat kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor kelima pada 1 April 2013. Kini, YBhg. Prof. Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi telah dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS keenam sejak 16 April 2013.

### 1.2 PUNCA KUASA

1.2.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30);
1.2.2 Perintah (Perbadanan) Universiti Malaysia Sarawak 1992 [P.U.(A) 543/92] berkuatkuasa 1992;
1.2.3 Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak [P.U.(A) 457] (Pindaan) 2010; dan
1.2.4 Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak [P.U.(A) 390] (Pindaan) 2012.
1.2.5 Jawatankuasa Eksekutif

**Visi UNIMAS**
Universiti global peneraju kelestarian masa hadapan.

**Misi UNIMAS**
Untuk meningkatkan impak sosial dan ekonomi komuniti global melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan strategik.

**Nilai-Nilai UNIMAS**

**Teladan**
Kami sentiasa berusaha untuk menjadi suri teladan kepada orang lain melalui tingkah laku cemerlang dalam konteks peribadi dan profesional.

**Keserakanan**
Kami menghargai perpaduan. Kami bersama-sama berusaha dan bekerjasama dalam mencapai matlamat demi kegemilangan Universiti.

**Integriti**
Kami berpegang teguh pada akauntabiliti dan memberi komitmen penuh terhadap etika kerja cemerlang.

**Cekal**
Kami tidak mengalah kepada kesulitan. Kami gigih dan cekal dalam mengurus dan mencari penyelesaian bagi cabaran-cabaran yang dihadapi.

**Ekuiti**
Kami menerima perbezaan dan berusaha mewujudkan persekitaran selamat yang menghargai, menghormati, dan bersifat adil terhadap setiap individu dalam komuniti kami.

# PENGURUSAN TERTINGGI
# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



**NAIB CANSELOR**
YBhg. Prof. Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi



**TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**
Prof. Dr. Ahmad Hata bin Rasit



**TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**
Prof. Dr. Haji Kamarudin bin Kana



**TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**
Prof. Dr Wan Hashim bin Wan Ibrahim



**PENOLONG NAIB CANSELOR**
Prof. Datu Mohd Fadzil bin Abd Rahman



**PENDAFTAR**
Tuan Haji Azlan bin Ramli



**BENDAHARI**
Tuan Haji Mazlan bin Kiflie

## FSKPM: *The Signature Faculty*

FSKPM merupakan salah sebuah fakulti yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1994. Fakulti kini menawarkan lima (5) program pengajian peringkat pra siswazah iaitu **Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dengan Kepujian, Sarjana Muda Sains Kognitif dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian**, **Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian dan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian** dan empat (4) program pengajian peringkat Sarjana iaitu **Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, Sarjana Sains Pembelajaran, Sarjana Sains Kaunseling** dan **Sarjana Sains (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)** selain turut menawarkan program peringkat kedoktoran (PhD).

***Program Pembangunan Sumber Manusia*** memfokus kepada peningkatan keupayaan individu untuk menjadi tenaga kerja yang cekap, mahir, inovatif dan beriltizam ke arah meningkatkan produktiviti organisasi.

***Program Sains Kognitif*** pula merupakan ilmu gabungan pelbagai disiplin seperti Psikologi, Kepintaran Buatan, Neurosains, Pendidikan, Linguistik, Falsafah, Ergonomik, dan Sains Komputer Program ini menekankan mengenai fungsi minda dalam meneroka aspek inovasi teknologi, prestasi insan dan produktiviti organisasi.

***Program Kaunseling*** bertujuan untuk melahirkan kaunselor yang memiliki nilai-nilai positif seperti toleransi, cintakan ilmu dan mempunyai kekuatan untuk menghadapi cabaran dan memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan.

***Program Psikologi*** dirancang untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan luas dalam bidang psikologi yang mencakupi ilmu kepelbagaian personaliti, perkembangan manusia, perilaku sosial, perilaku abnormal, neurosains kognitif, dan aspek-aspek fisiologi manusia.

***Program Pendidikan (Pendidikan Islam)*** bertujuan menghasilkan graduan yang boleh menjadi pendidik di sekolah yang mencakupi ilmu pendidikan dan ilmu pendidikan Islam supaya mereka mampu menyampaikan ilmu yang dipelajari.

**Visi FSKPM**
Menjadi Fakulti pilihan dalam bidang Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia.

**Misi FSKPM**
Visi FSKPM di atas akan dicapai berdasarkan misi yang telah dikenal pasti iaitu:

- Membangunkan modal insan yang cemerlang.
- Mewujudkan persekitaran pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif.
- Mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dalam pelbagai konteks kehidupan.
- Mempraktikkan budaya kesarjanaan cemerlang.
- Mengamalkan cara hidup yang sihat.

**Objektif FSKPM**
Beberapa objektif telah dikenal pasti untuk menjayakan visi dan misi FSKPM iaitu

i. Menghasilkan siswazah yang kompeten dan berdaya saing melalui program pengajian yang kontemporari.
ii. Menghasilkan penyelidikan ke arah meluaskan ilmu mengenai fungsi minda, peningkatan keupayaan serta potensi manusia khususnya melalui penggunaan teknologi tinggi,
iii. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan khidmat.
iv. Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar untuk menyokong dan menyumbang kepada perkembangan dan penyebaran ilmu.
v. Menggalakkan pembangunan komuniti fakulti melalui pembelajaran yang berterusan.

**Budaya dan Nilai Fakulti**
Beberapa budaya dan nilai telah dikenal pasti untuk diamalkan oleh warga fakulti seperti:

1. **Semangat Bekerja Sebagai Satu Pasukan**
   Semangat bekerja sebagai satu pasukan penting dalam mencapai matlamat fakulti di samping mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan saling hormat menghormati.

2. **Beriltizam**
   Dalam memastikan kesinambungan budaya kerja yang cemerlang, keazaman dan dedikasi yang tinggi menjadi pemangkin dalam menyemarakkan kesarjanaan di kalangan komuniti fakulti.

3. **Berbakti**
   Budaya berbakti kepada masyarakat, pelajar dan organisasi hendaklah diamalkan oleh warga fakulti untuk meningkatkan imej fakulti.

4. **Membudayakan Kualiti**
   Hasil penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan perkhidmatan yang berkualiti dapat meningkatkan imej fakulti di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa.

5. **Mesra Teknologi**
   Dalam usaha membentuk imej yang tersendiri sesuai dengan kerancakan perkembangan teknologi, usaha yang berterusan untuk menguasai teknologi harus dijadikan budaya kerja sebagai usaha meningkatkan kecemerlangan semua warga fakulti.

## PENGURUSAN FAKULTI



**Prof. Madya Dr Surena binti Sabil**
Dekan

### Timbalan- Timbalan Dekan



**Dr Hana binti Hamidi**
Timbalan Dekan
(Prasiswazah)



**Dr Mohamad Hardyman bin Barawi**
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengkomersilan)



**Dr Amalia binti Madihie**
Timbalan Dekan
(Hubungan Industri & Komuniti)/
Pengarah
Pusat Resilien & Potensi



**Dr Dayang Kartini binti Abang Ibrahim**
Timbalan Dekan
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

## Penyelaras Program Prasiswazah & Pascasiswazah



**Prof. Madya Dr Zaimuariffudin Shukri bin Nordin**
Ketua Jabatan Pendidikan dan Pengajian Islam/
Penyelaras Program Pendidikan Islam



**Dr Victoria Jonathan**
Penyelaras Program Pembangunan Sumber Manusia



**Dr Edris bin Aden**
Penyelaras Program Kaunseling



**Dr Lee Jun Choi**
Penyelaras Program Psikologi



**Cik Oon Yin Bee**
Penyelaras Program Sains Kognitif



**Encik Heng Chin Siong**
Penyelaras Program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) melalui Kerja Kursus



**Encik Mohd Hafizan bin Hashim**
Penyelaras Program Sarjana Sains (Sains Pembelajaran) melalui Kerja Kursus



**Dr Azzahrah binti Annuar**
Penyelaras Program Sarjana (Kaunseling) melalui Kerja Kursus



**Dr Florianna Lendai anak Michael Mulok**
Penyelaras Program Sarjana Sains (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) melalui Kerja Kursus



**Prof. Madya Dr Zaiton binti Hassan**
Penyelaras Program Pascasiswazah melalui Penyelidikan



**Puan Sheilla Lim Omar Lim**
Penyelaras Program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) melalui Kerja Kursus
Mod Pembelajaran Jarak Jauh dalam Talian

## Ketua/ Penyelaras di Peringkat Fakulti



**Prof. Madya Dr Mohd Kamal bin Othman**
Ketua Strategi Fakulti



**Ts. Ahmad Sofian bin Shminan**
Penyelaras Pengurusan Kualiti Akademik Fakulti (FQMC)



**Puan Nor Hasniah Ibrahim**
Penyelaras Unit Pembangunan & Inovasi Kurikulum (UPIK)



**Dr Muhammad Sophian**
Ketua Unit Peperiksaan



**Dr Wan Norizan Wan Hashim**
Penyelaras Latihan Industri - Sains Kognitif



**Puan Aina Razlin binti Mohammad Roose**
Penyelaras ProCEL



**Dr Dayang Kartini binti Abang Ibrahim**
Penyelaras Latihan Mengajar - Pendidikan Islam



**Dr Ida Juliana Hutasuhut**
Penyelaras Latihan Industri - Psikologi



**Encik Mohd Razali bin Othman**
Penyelaras Internship Kaunseling



**Puan Nik Norsyamimi binti Md Nor**
Penyelaras Latihan Industri Pembangunan Sumber Manusia/ Kursus MPU

## Pentadbiran dan Sokongan Akademik



**Hajah Sharifah Mariawati bt Wan Kassim**
Timbalan Pendaftar (Ketua Unit Pentadbiran & Sokongan Akademik)



**Encik Muhammad Ramlie bin Hassan Shaari**
Penolong Pendaftar Kanan (Unit Sokongan Akademik)

# Objektif Pembelajaran Program/ Hasil Pembelajaran Program

# *Programme Educational Objectives (PEO) / Programme Learning Outcomes (PLO)*

## [UW6345004] Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dengan Kepujian

**Objektif Pembelajaran Program/*Programme Educational Objectives (PEO)***

Program ini akan menghasilkan graduan yang:

1. Mengaplikasikan pengetahuan berasaskan bidang pembangunan sumber manusia untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.
2. Mempraktikkan komunikasi berkesan sebagai ahli pasukan dan pemimpin.
3. Mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan diri dan profesional.
4. Memiliki daya saing dan daya tahan (resilience) berorientasikan keusahawanan dan kebolehpasaran.

**Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcomes (PLO)***

Setelah menamatkan program ini, para pelajar dapat:

1. Memiliki pengetahuan dalam bidang pembangunan sumber manusia, pengurusan sumber manusia dan kognisi.
2. Berfikir secara saintifik, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah.
3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pembangunan sumber manusia, pengurusan sumber manusia dan kognisi.
4. Boleh bekerja dalam pasukan dan sebagai ketua.
5. Berkomunikasi secara efektif.
6. Mengaplikasikan penggunaan peralatan digital untuk mendokong pembelajaran berterusan sebagai pekerja serta untuk membangunkan modal insan.
7. Menganalisa dan menterjemah data berangka kepada maklumat bermakna.
8. Memimpin dengan pertimbangan yang beretika, membuat keputusan dengan berautonomi dan menyesuaikan diri dalam persekitaran yang dinamik.
9. Menunjukkan kemahiran peribadi dan keusahawanan yang berkesan.
10. Memupuk pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan dan keusahawanan.
11. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran secara profesional dan beretika.

## [UW6440001] Sarjana Muda Sains Kognitif dengan Kepujian

**Objektif Pembelajaran Program/*Programme Educational Objectives (PEO)***

Program ini akan menghasilkan graduan yang:

1. Berfikiran saintifik dan beraras tinggi dalam penyelesaian masalah dalam bidang Sains Kognitif.
2. Berkomunikasi secara efektif dalam memimpin dan bekerja secara berkumpulan.
3. Mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains Kognitif secara profesional untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

**Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcomes (PLO)***

Setelah menamatkan program ini, para pelajar dapat:

1. Menguasai pengetahuan dalam bidang yang melibatkan proses kognitif manusia dan kepintaran buatan.
2. Menjana pemikiran kritis dan menggunakan pendekatan saintifik bagi menyelesaikan masalah berkaitan aplikasi Sains Kognitif dalam pelbagai konteks pembelajaran, penyelidikan dan pekerjaan.
3. Berkemampuan mengenalpasti dan menganalisa masalah yang bercorak teknikal di samping mampu merekabentuk dan membangun perkakasan dan perisian yang berkaitan dengan permasalahan sebenar industri.
4. Menguasai kemahiran sosial dan tanggungjawab sivik di peringkat individu dan kumpulan.
5. Berkomunikasi dengan jelas serta cemerlang.
6. Menggunakan aplikasi media dan teknologi, kemahiran pengurusan maklumat dalam pelbagai konteks pembelajaran.

7. Menggunakan angka dan grafik/visual dalam memproses, mengintepretasi, serta menganalisis data.
8. Menunjukkan kepimpinan dan kebertanggungjawaban dalam bekerjasama dengan rakan pasukan.
9. Menguasai kemahiran pengurusan dan keusahawanan bagi menggalakkan perkembangan diri.
10. Mengaplikasikan kemahiran pengurusan dan keusahawanan ke arah pembangunan Sains Kognitif yang mapan.
11. Melaksanakan tugas secara professional dan beretika dalam pelbagai konteks pembelajaran dan pekerjaan setiap masa.

**[UW6762002] Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian**

**Objektif Pembelajaran Program/*Programme Educational Objectives (PEO)***

Program ini akan menghasilkan graduan yang:

1. Mengaplikasikan ilmu, kemahiran dan etika dalam profesion kaunseling.
2. Memimpin dan menjana perubahan dalam perkhidmatan kaunseling.
3. Memiliki sifat kreatif, inovatif dan kontemporari.

**Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcomes (PLO)***

Setelah menamatkan program ini, para pelajar dapat:

1. Memiliki pengetahuan dalam bidang kaunseling.
2. Mengaplikasikan pendekatan saintifik, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah berkaitan isu-isu kaunseling.
3. Mempunyai kemahiran mengaplikasikan amalan kaunseling.
4. Melibatkan diri secara proaktif dalam perundingan kaunseling untuk pembangunan masyarakat dan organisasi.
5. Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai populasi dalam pelbagai seting.
6. Mengaplikasikan kemahiran pengurusan maklumat dan mengintegrasikan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling.
7. Menunjukkan kefahaman berhubung aplikasi kemahiran nombor dalam seting kaunseling.
8. Mempunyai kemahiran memimpin dalam membangunkan program berkaitan dengan kaunseling secara berpasukan.
9. Memperkasa pembangunan kemahiran personal dan identiti sebagai kaunselor.
10. Mengaplikasikan kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam menyediakan perkhidmatan kaunseling.
11. Mengamalkan etika kaunseling dalam menjalankan tanggungjawab sebagai kaunselor.

**[UW6311001] Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian**

**Objektif Pembelajaran Program/*Programme Educational Objectives (PEO)***

Program ini akan menghasilkan graduan yang:

1. Mengaplikasi ilmu, kemahiran dan etika dalam bidang psikologi.
2. Memimpin dan mencipta idea baru serta kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dalam menyelesaikan masalah berhubung dengan sikap dan tingkahlaku manusia.
3. Memiliki sikap bertanggungjawab, serta bersifat kreatif, inovatif dan kontemporari.

**Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcomes (PLO)***

Setelah menamatkan program ini, para pelajar dapat:

1. Memiliki pengetahuan dalam bidang psikologi.
2. Mengaplikasikan pendekatan saintifik, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah berkaitan isu-isu psikologi.
3. Melaksana dan mengaplikasikan prinsip-prinsip psikologi.
4. Melaksanakan secara proaktif dalam komunikasi serta penyampaian maklumat dan idea berkaitan dengan permasalahan psikologi kepada komuniti dan masyarakat secara amnya.

5. Menunjukkan dari segi kemahiran berkomunikasi, bidang, dan kerja berpasukan apabila mengendalikan program berkaitan dengan psikologi.
6. Menggunakan media dan teknologi, kemahiran digital dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dalam menyelesaikan masalah berkaitan sikap dan tingkahlaku manusia.
7. Menggunakan kemahiran numerasi dalam memproses, mengintepretasi, serta menganalisis data berkaitan dengan penyelidikan dalam bidang psikologi.
8. Berautonomi serta menunjukkan keupayaan membuat keputusan, akauntabiliti, kepimpinan dan profesionalisme dalam menangani sikap dan tingkahlaku manusia.
9. Mengintegrasikan secara berkesan kemahiran arah kendiri pembelajaran sepanjang hayat dan laluan profesional dalam menangani sikap dan tingkahlaku manusia.
10. Mengamalkan kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam melakukan penyelidikan psikologi dan menangani masalah berkaitan dengan sikap dan tingkahlaku manusia.
11. Mengamalkan standard etika yang tinggi dari segi prinsip psikologi dan menangani masalah berkaitan dengan sikap dan tingkahlaku manusia.

**[UW6145001] Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian**

**Objektif Pembelajaran Program/*Programme Educational Objectives (PEO)***

Program ini akan menghasilkan graduan yang:

1. Untuk melahirkan pendidik Pendidikan Islam yang mempunyai pengetahuan luas dengan kemahiran praktikal yang mampu menggunakan teknik numerik dan teknologi digital yang sesuai dalam persekitaran pendidikan.
2. Untuk melahirkan pendidik Pendidikan Islam yang memimpin dengan akauntabiliti, berkomunikasi dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran ketika bekerja dalam pelbagai persekitaran pendidikan.
3. Untuk melahirkan pendidik Pendidikan Islam yang mendukung tinggi amalan professional dan etika dalam semua persekitaran pendidikan.
4. Untuk melahirkan pendidik Pendidikan Islam dengan sikap positif, pemikiran keusahawanan dan amalan lestari yang memajukan kerjaya dan profesion mereka.

**Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcomes (PLO)***

Setelah menamatkan program ini, para pelajar dapat:

1. Menganalisis bidang pengetahuan yang luas mengenai struktur, kandungan dan metodologi dalam Pendidikan Islam untuk menangani cabaran kurikulum yang dinamik (Pengetahuan & Pemahaman).
2. Menunjukkan kemahiran praktikal dalam menggunakan teknik pengajaran semasa, termasuk penggunaan teknologi digital dalam persekitaran Pendidikan Islam yang berbeza (Kemahiran Praktikal & Kemahiran Digital).
3. Mengintegrasikan kemahiran analitik dan numerik dalam menganalisis dan menyelesaikan masalah kompleks yang berkaitan dengan amalan pengajaran Islam dan prestasi organisasi (Kemahiran Kognitif & Kemahiran Numerasi).
4. Menunjukkan kepemimpinan dengan tanggungjawab dan autonomi dalam semua persekitaran pendidikan Islam (Kepimpinan, Autonomi & Tanggungjawab).
5. Menyumbang dengan komitmen sama ada secara individu atau melalui kerja berpasukan dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik dalam memberikan perkhidmatan pendidikan Islam kepada pihak berkepentingan (Kemahiran Interpersonal & Kemahiran Komunikasi).
6. Memartabatkan profesionalisme dan etika untuk memenuhi standard pengajaran profesional Islam setiap masa (Etika & Profesionalisme).
7. Memperlihatkan sikap dan komitmen positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat dengan pemikiran minda keusahawanan sebagai tindak balas terhadap dunia pendidikan yang berubah dan untuk kemajuan kerjaya (Kemahiran Peribadi & Kemahiran Keusahawanan).

# [UW6345004]
# Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dengan Kepujian

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### Pembangunan Sumber Manusia

Organisasi dan industri dalam era moden memerlukan kecekapan dan adaptasi yang tinggi dalam menghadapi arus perubahan dan cabaran global yang kompleks. Maka, keperluan terhadap sumber manusia yang mahir, kompeten, proaktif dan responsif amatlah kritikal.

Program Pembangunan Sumber Manusia menawarkan kursus berbentuk pelbagai disiplin dan berfokuskan kepada pembangunan modal insan dengan keutamaan kepada peningkatan keupayaan minda dan pembangunan sikap yang positif bagi individu dan kumpulan serta organisasi keseluruhannya. Ini bertujuan untuk membantu pelajar mendalami ilmu dalam pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan produktiviti sumber manusia ke tahap yang paling maksima.

Program menjanjikan kelainan dalam mengendalikan kursus yang berjumlah 124 kredit yang telah ditetapkan. Berbanding dengan program Pembangunan Sumber Manusia di institusi yang lain, program Pembangunan Sumber Manusia FSKPM sentiasa menitikberatkan aspek kognitif dalam penggubalan kursus terutama dari aspek pembuatan keputusan di kalangan pengamal sumber manusia.

Penekanan diberikan dengan memfokuskan kepada kekuatan dan nilai berharga di sebalik minda sumber manusia itu sendiri. Oleh itu, pelajar akan dibimbing untuk menganalisis dan membuat sintesis mengenai pelbagai tingkah laku, pemikiran dan interaksi manusia dalam sesebuah organisasi. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan dengan situasi sebenar persekitaran kerja melalui latihan industri.

Peluang Pekerjaan (berdasarkan bidang pengajian):

i. Pegawai/Eksekutif Sumber Manusia (*Human Resource Officer/Executive*)
ii. Pegawai Pembelajaran & Pembangunan (*Learning & Development Officer*)
iii. Pegawai Pembangunan Organisasi (*Organization Development Officer*)
iv. Pegawai Pembangunan Bakat (*Talent Development Officer*)
v. Pegawai Latihan Pekerja (*Training Instructor*)
vi. Pereka Program Latihan (*Instructional Designer*)
vii. Penyedia Perkhidmatan HR (*HR Services Provider*)
viii. Pegawai Tabdbir Diplomatik (*Diplomatic Administrative Officer*)
ix. Penyelidik (*Researcher*)
x. Usahawan (*Entrepreneur*)

**PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN**

**Tahun 1 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PPD1041 | Kursus Kemahiran Insaniah dan Kesukarelawan | 1 | KU | Tiada |
| MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradapan | 2 | KU | Tiada |
| PBI1102 *atau* PBI1092 | *Academic English I* *atau* *Academic English II* | 2 | KU | *MUET Band 1 & 2, sila lengkapkan Kursus Persediaan Bahasa Inggeris 1 & 2 terlebih dahulu |
| MPU3222 | Asas Pembudayaan Keusahawanan | 2 | KU | Tiada |
| KMF1014 | Pengenalan Sains Kognitif | 4 | KT | Tiada |
| KMF1023 | Psikologi Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMS1023 | Pengurusan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| KMS1013 | Matematik Perniagan | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 1 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Kokurikulum Berkredit (kursus MPU Kelompok U4) | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 | KU | Tiada |
| PBI1072 *atau* PBI1082 | *English for Professional Communication* *atau* *English for Occupational Purposes* | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 1 m.s 41 |
| KMF1053 | Neurosains Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMF1043 | Psikologi Perkembangan Manusia | 3 | KT | Tiada |
| KMS1024 | Pengurusan Sumber Manusia | 4 | KT | Tiada |
| KMS1034 | Pembangunan Sumber Manusia | 4 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 2 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Kursus MPU Kelompok U3 | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| KMF2014 | Statistik | 4 | KT | Tiada |
| KMS2014 | Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan | 4 | KT | Tiada |
| KMS2094 | Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi | 4 | KT | Tiada |
| PBM2072 | Bahasa Melayu | 2 | KU | |
| | Kursus Elektif Universiti I | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMF2024 | Pengkaedahan Penyelidikan | 4 | KT | Tiada |
| KMS2024 | Pembangunan Organisasi dan Perubahan | 4 | KT | Tiada |
| KMS2144 *atau* KMS2154 | Pengurusan dan Perancangan Kerjaya *atau* Analitik Pembangunan Sumber Manusia | 4 | KE | Tiada |
| KMS2114 *atau* KMS2124 | Keseimbangan Hidup Bekerja *atau* Pembelajaran Organisasi | 4 | KE | Tiada |
| KMS2164 | Sistem Maklumat Sumber Manusia | 4 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 2 Antarsesi**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMS2135 | Latihan Industri | 5 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **5** | | |

**Tahun 3 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMS3103 | Projek Tahun Akhir I | 3 | KT | KMF2024 |
| KMF3013 | Tingkahlaku Manusia dan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| KMS3084 *atau* KMS3014 | Perundangan Pekerjaan *atau* Hubungan Industri | 4 | KE | Tiada |
| KMS3193 *atau* KMS3033 | Latihan Berasaskan Komputer untuk Pembangunan Sumber Manusia *atau* Pengurusan Prestasi | 3 | KE | Tiada |
| KMS3184 *atau* KMS3174 | Pembelajaran Dewasa *atau* Latihan Dalam Kerja Berstruktur | 4 | KE | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti II | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 3 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMS3053 *atau* KMS3073 | Pengurusan Strategik *atau* Pengurusan Projek | 3 | KE | Tiada |
| KMS3104 | Projek Tahun Akhir II | 4 | KT | KMS3103 |
| KMS3064 *atau* KMS3164 | Pembangunan Sumber Manusia Strategik *atau* Pembangunan Sumber Manusia Antarabangsa | 4 | KE | Tiada |
| KMS3203 *atau* KMS3063 | Pengurusan Kualiti dan Produktiviti *atau* Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | 3 | KE | Tiada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KMS3083<br><br>*atau*<br>KMS3213 | Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia<br>*atau*<br>Pengurusan Pampasan dan Faedah | 3 | KE | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti III | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

| Klasifikasi Kursus | Kredit |
|---|---|
| • Kursus Teras (KT)<br>• Kursus Univeristi (KU)<br>• Kursus Elektif (KE) | 66<br>26<br>32 |
| **Jumlah Keseluruhan Kredit** | **124** |

# [UW6440001]
# Sarjana Muda Sains Kognitif dengan Kepujian

**PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN**

**Program Sains Kognitif**

Di era Revolusi Industri 4.0, bidang-bidang seperti kepintaran buatan, psikologi kognitif semakin dipentingkan. Pemahaman proses minda penting untuk menghasilkan rekaan kepintaran buatan, interaksi antaramuka yang efisien, dan proses kerja / proses pembelajaran yang lebih lancar.

Program Sains Kognitif menawarkan kursus berbentuk pelbagai disiplin. Penumpuan khusus program adalah lebih menjurus kepada aplikasi dan ilmu pemprosesan maklumat dengan kognisi manusia terutamanya bidang Kepintaran Buatan. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan bidang Psikologi, Neurosains, Falsafah, Pendidikan, Linguistik, dan Ergonomik selaras dengan sifat bidang Sains Kognitif yang pelbagai disiplin. Jumlah kredit yang perlu dipenuhi sebelum bergraduat adalah sebanyak 122 kredit.

Objektif program Sarjana Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif) adalah untuk membolehkan pelajar:

i. Menguasai pengetahuan tentang keupayaan minda manusia memperoleh, memproses, mentafsir, menyimpan, membuat keputusan dan tindakan terhadap sesuatu maklumat dan pengetahuan.
ii. Mengaplikasi pengetahuan yang dipelajari untuk merekabentuk produk yang mesra pengguna serta membangunkan sistem dan perisian bagi membantu mengoptimumkan prestasi manusia.
iii. Membina kemahiran insaniah yang membolehkan graduan memberikan sumbangan ke arah disiplin Sains Kognitif.

Subjek-subjek penting seperti reka bentuk antaramuka perisian dan juga produk dengan menggunakan prinsip-prinsip ergonomik dan psikologi kognisi juga diterapkan dalam kurikulum program.

Pada Tahun Pertama pengajian, pelajar akan didedahkan dengan asas Sains Komputer dan bidang Sains Kognitif. Manakala pada Tahun Kedua dan Tahun Ketiga pengajian, pelajar akan mempelajari dengan lebih mendalam bidang ini disamping turut diberi peluang untuk mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari ke dalam industri.

Peluang Pekerjaan (berdasarkan bidang pengajian):

i. Perekabentuk Antaramuka Sistem *(System Interface Designer)*
ii. Pembangun Perisian *(Software Developer)*
iii. Pengaturcara dan Penganalisis Sistem *(Programmer and System Analyst)*
iv. Perekabentuk Sistem Pengajaran dan Pembelajaran *(Teaching and Learning System)*
v. Penyelidik *(Researchers)*
vi. Penganalisis Sains Data *(Data Science Analyst)*

**PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN**

**Tahun 1 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PPD1041 | Kursus Kemahiran Insaniah dan Kesukarelawan | 1 | KU | Tiada |
| MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 | KU | Tiada |
| PBI1102 *atau* PBI1092 | *Academic English I* *atau* *Academic English II* | 2 | KU | *MUET Band 1 & 2, sila lengkapkan Kursus Persediaan Bahasa Inggeris 1 & 2 terlebih dahulu |
| MPU3222 | Asas Pembudayaan Keusahawanan | 2 | KU | Tiada |
| KMF1014 | Pengenalan Sains Kognitif | 4 | KT | Tiada |
| KMF1023 | Psikologi Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMK1093 | Asas Pengaturcaraan | 3 | KT | Tiada |
| KMK1103 | Struktur Diskrit | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 1 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 | KU | Tiada |
| MPU3XX2 | Kokurikulum Berkredit (kursus MPU Kelompok U4) | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| KMF1043 | Psikologi Perkembangan Manusia | 3 | KT | Tiada |
| KMK1133 | Pengantar Analisis Linguistik | 3 | KT | Tiada |
| KMK1143 | Asas Kepintaran Buatan | 3 | KT | Tiada |
| KMK1123 | Kalkulus dan Algebra Linear | 3 | KT | Tiada |
| KMF1053 | Neurosains Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3xx2 | Kursus MPU Kelompok U3 | 2 | KU | Tiada |
| KMF2014 | Statistik | 4 | KT | Tiada |
| KMK2543 | Kognisi dan Rekabentuk | 3 | KT | Tiada |
| KMK2333 *atau* KMK2553 | Analisis dan Rekabentuk Sistem Pintar *atau* Alatan Kognitif untuk Pembelajaran | 3 | KE | Tiada |
| KMK2213 *atau* KMK3503 | Pengaturcaraan Berorientasikan Objek *atau* Pemikiran Komputasi | 3 | KE | Tiada |
| PBM2072 | Bahasa Melayu | 2 | KU | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti I | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 2 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMF2024 | Pengkaedahan Penyelidikan | 4 | KT | Tiada |
| KMK2313 | Faktor Manusia dan Ergonomik | 3 | KT | Tiada |
| KMK2363 *atau* KMK2533 | Rekabentuk Pembangunan dan Teknologi Pembelajaran *atau* Asas Perlombongan Data | 3 | KE | Tiada |
| KMK2233 *atau* KMK2383 | Rangkaian Neuro Buatan *atau* Inkuiri Naratif dan Analisis Wacana | 3 | KE | Tiada |
| KMK2263 *atau* KMK2473 | Sistem Pengurusan Pangkalan Data *atau* Grafik Komputer | 3 | KE | Tiada |
| KMK2273 | Kognisi dan Pembelajaran | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Antarsesi**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMK2305 | Latihan Industri | 5 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **5** | | |

**Tahun 3 Semester 1**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PBI1072 *atau* PBI1082 | *English for Professional Communication* *atau* *English For Occupational Purposes* | 2 | KU | Tiada |
| KMK3533 | Falsafah Minda | 3 | KT | Tiada |
| KMK3323 | Interaksi Manusia Komputer | 3 | KT | Tiada |
| KMK3103 | Projek Tahun Akhir 1 | 3 | KT | KMF2024 |
| KMK3393 *atau* KMK3053 | Pengaturcaraan Web *atau* Komputasi Linguistik | 3 | KE | Tiada |
| KMK3483 *atau* KMK3163 | Visi Komputer *atau* Pengurusan Projek | 3 | KE | Tiada |
| KMF3013 | Tingkahlaku Manusia dan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 3 Semester 2**

| Kod | Nama Kursus | Kredit | Status | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMK3104 | Projek Tahun Akhir II | 4 | KT | KMK3103 |
| KMK3093 *atau* KMK3513 | Kepintaran Berkomputer *atau* Neurosains Gunaan untuk Kanak-Kanak Istimewa | 3 | KE | Tiada |
| KMK3113 *atau* KMK3523 | Realiti Maya *atau* | 3 | KE | Tiada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Masalah Pembelajaran Dalam Masyarakat Inklusif | | | |
| KMK3433<br>*atau*<br>KMK3013 | Perkomputeran Mudah Alih<br>*atau*<br>Sistem Berasaskan Pengetahuan | 3 | KE | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti II | 3 | KU | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti III | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

| Klasifikasi Kursus | Kredit |
|---|---|
| ▪ Kursus Teras (KT) | 66 |
| ▪ Kursus Universiti (KU) | 26 |
| ▪ Kursus Elektif (KE) | 30 |
| **Jumlah Keseluruhan Kredit** | **122** |

# [UW6762002] Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian

## PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

### Program Kaunseling

Pengamal kaunseling profesional perlu mempunyai kesedaran serta memahami cabaran dan isu yang dihadapi oleh klien dan mengenalpasti kaedah yang bersesuaian bagi mengendalikan sesi kaunseling secara efektif. Bagi mencapai hasrat ini, Program Kaunseling UNIMAS menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian sebagai satu usaha untuk melahirkan kaunselor yang berkualiti dan mempunyai kelayakan untuk menawarkan perkhidmatan kaunseling.

Program ini dipantau sepenuhnya oleh Lembaga Kaunselor (Malaysia) yang mana graduan yang dilahirkan layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdafar dan memiliki Perakuan Amalan sekaligus boleh menawarkan perkhidamatan kaunseling di pelbagai seting. Selain itu, program ini bertujuan untuk melahirkan kaunselor yang memiliki nilai-nilai positif seperti toleransi, cintakan ilmu, bertanggungjawab dalam memikul amanah dan mempunyai kekuatan untuk menghadapi cabaran.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, program ini menggabungjalinkan disiplin sains kognitif, pembangunan organisasi dan teknologi maklumat untuk melaksanakan transformasi dalam pendidikan kaunseling bagi memenuhi keperluan kebolehpasaran graduan dan menangani isu sosial dan psikologi yang kompleks. Pelajar yang diberi pendedahan tentang pendekatan multidisiplin ini mampu menilai isu-isu kaunseling daripada pelbagai perspektif dan seterusnya akan meningkatkan daya kreativiti dan kemahiran penyelesaian masalah.

Peluang Pekerjaan (berdasarkan bidang Pengajian):

i. Kaunselor *(Caunselor)*
ii. Pegawai Khidmat Sosial *(Social Service Officer)*
iii. Pegawai Kebajikan Masyarakat *(Community Welfare Officer)*
iv. Perunding Perkhidmatan Kaunseling *(Counseling Service Consultant)*
v. Penyelidik *(Researchers)*

## PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN

**Tahun 1 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC1013 | Falsafah dan Prinsip Kaunseling | 3 | KT | Tiada |
| KMC1273 | Teori Kaunseling dan Aplikasi I | 3 | KT | Tiada |
| KMC1083 | Kemahiran Asas Menolong | 3 | KT | Tiada |
| KMF1014 | Pengenalan Sains Kognitif | 4 | KT | Tiada |
| KMF1023 | Psikologi Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMC1293 | Pengurusan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| PPD1041 | Kursus Kemahiran Insaniah dan Kesukarelawan | 1 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 1 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC1033 | Psikologi Sosial | 3 | KT | Tiada |
| KMC1283 | Teori Kaunseling dan Aplikasi II | 3 | KT | KMC1273 |
| KMC1093 | Perkembangan Personaliti | 3 | KT | Tiada |
| KMF1043 | Psikologi Perkembangan Manusia | 3 | KT | Tiada |
| KMF1053 | Neurosains Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| PBI1102<br>*atau*<br>PBI1092 | *Academic English I*<br>*atau*<br>*Academic English II* | 2 | KU | *MUET Band 1 & 2, sila lengkapkan Kursus Persediaan Bahasa Inggeris 1 & 2 terlebih dahulu |
| MPU3XX2 | Kokurikulum Berkredit (kursus MPU Kelompok U4) | 2 | KU | Tiada<br>*Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC2013 | Kaunseling Remaja | 3 | KT | Tiada |
| KMC2293 | Pengenalan Pengujian dan Pengukuran | 3 | KT | Tiada |
| KMC2043 | Dinamika Kelompok | 3 | KT | KMC1283 |
| KMC2063 | Psikologi Bilazim | 3 | KT | Tiada |
| KMF2014 | Statistik | 4 | KT | Tiada |
| KMC2014 | Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan | 4 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 2 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC2303 | Makmal Kaunseling Kelompok | 3 | KT | Tiada |
| KMC2083 | Gaya Hidup dan Perkembangan Kerjaya | 3 | KT | Tiada |
| KMC2093 | Etika dan Perundangan dalam Kaunseling | 3 | KT | Tiada |
| KMF2024 | Pengkaedahan Penyelidikan | 4 | KT | Tiada |
| MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 | KU | Tiada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| MPU3xx2 | Kursus MPU Kelompok U3 | 2 | KU | Tiada |
| PBI1072 *atau* PBI1092 | *English for Professional Purpose* *atau* *Academic for Academic Purpose* | 2 | KU | |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 3 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC3313 | Aplikasi Pengujian dan Pengukuran | 3 | KT | Tiada |
| KMC3033 | Kaunseling Kerjaya | 3 | KT | Tiada |
| KMC3103 | Projek Tahun Akhir I | 3 | KT | KMF2024 |
| KMF3013 | Tingkahlaku Manusia dan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 | KU | Tiada |
| MPU3222 | Asas pembudayaan Keusahawanan | 2 | KU | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti I | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 3 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC3043 | Kaunseling Silang Budaya | 3 | KT | Tiada |
| KMC3053 | Seminar Isu-Isu Kaunseling | 3 | KT | Tiada |
| KMC3063 | Kaunseling Keluarga | 3 | KT | Tiada |
| KMC3073 | Perundingan | 3 | KT | Tiada |
| KMC3104 | Projek Tahun Akhir II | 4 | KT | KMC3103 |
| | Kursus Elektif Universiti II | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 4 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC4013 | Sistem Maklumat Kerjaya | 3 | KT | KMC3033 |
| KMC4023 | Kaunseling Pemulihan | 3 | KT | Tiada |
| KMC4263 | Praktikum Kaunseling | 3 | KT | KMC1273 |
| KMS3084 | Perundangan Pekerjaan | 4 | KT | Tiada |
| PBM2072 | Bahasa Melayu | 2 | KU | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti III | 3 | KU | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **18** | | |

**Tahun 4 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMC4326 | *Internship* | 6 | KT | KMC4263 |
| | **Jumlah Kredit** | **6** | | |

| Klasifikasi Kursus | Kredit |
|---|---|
| ▪ Kursus Teras (KT) | 114 |
| ▪ Kursus Universiti (KU) | 26 |
| ▪ Kursus Elektif (KE) | 0 |
| **Jumlah Keseluruhan Kredit** | **140** |

# [UW6311001]
# Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian

**PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN**

**Program Psikologi**

Program ini dirancang untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan luas dalam bidang psikologi yang mencakupi ilmu kepelbagaian personaliti, perkembangan manusia, perilaku sosial, perilaku abnormal, neurosains kognitif, dan aspek-aspek fisiologi manusia. Melalui pemahaman berkaitan prinsip-prinsip psikologi, diharapkan graduan daripada program ini akan memiliki kepakaran dan kemahiran dalam menangani dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Program sarjana muda ini adalah bersifat luas dan komprehensif yang dijalankan melalui gabungan kaedah ceramah, tutorial, kajian kes dan amalan dengan mempratikkan kod etika dalam profesion psikologi. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan dunia nyata menerusi amalan latihan industri, kerja sosial ke industri, hospital, sekolah dan masyarakat serta kajian bersifat eksperimental. Program ini juga merupakan program persediaan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat siswazah dan sebagai laluan kerjaya masa hadapan yang berlatarbelakangkan psikologi.

Antara peluang pekerjaan graduan program Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian adalah:

i. Perkhidmatan manusia *(Human services)*
ii. Kerjaya Kesihatan Mental *(Mental Health Careers)*
iii. Kerjaya Perniagaan *(Business Careers)*
iv. Kerjaya dalam bidang Pendidikan *(Career in Education)*
v. Jawatan lain (Pembantu Jururawat Psikiatri *(Psychiatric Nurse Assistant)*, Kaunselor Belia *(Youth Counselor)*, Juruteknik Kes *(Case Technician)*, Pegawai Pembantu Pemulihan *(Rehabilitation Assistant Officer*), Pegawai Penyelidik atau Penyelidik *(Research or Research Officer)*, Pegawai Polis *(Police Officer*), Pegawai Bomba *(Fire Officer)* dan sebagainya)

Untuk kerjaya sebagai Ahli Psikologi (Kaunselor, Ahli Psikologi Pendidikan, Ahli Psikologi Klinikal, Ahli Psikologi Jenayah, Ahli Psikologi Kerjaya dan Vokasional, Ahli Psikologi Klinikal, Ahli Psikologi Pengguna, Ahli Psikologi Experimental, Ahli Psikologi Kaunseling, Ahli Psikologi Kesihatan, Ahli Psikologi Industri dan Organisasi, Ahli Psikologi Sukan dan sebagainya.), seseorang pemegang Ijazah Sarjana Muda Psikologi atau seumpamanya perlulah melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Sarjana atau PhD.

**PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN**

**Tahun 1 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PBI1102 *atau* PBI1092 | Pilihan Bahasa Inggeris I/ *Academic English I* *atau* *Academic English II* | 2 | KU | *MUET Band 1 & 2, sila lengkapkan Kursus Persediaan Bahasa Inggeris 1 & 2 terlebih dahulu |
| PPD1041 | Kemahiran Insaniah dan Kesukarelawan | 1 | KU | Tiada |
| MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 2 | KU | Tiada |
| MPU3222 | Asas Pembudayaan Keusahawanan | 2 | KU | Tiada |
| KMF1014 | Pengenalan Sains Kognitif | 4 | KT | Tiada |
| KMF1023 | Psikologi Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMY1013 | Pengenalan Psikologi | 3 | KT | Tiada |
| KMY1063 | Kemahiran Asas Menolong | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **20** | | |

**Tahun 1 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Ko-Kurikulum Berkredit (kursus MPU Kelompok 4) | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa | 2 | KU | Tiada |
| PBI1072 *atau* PBI1082 | Pilihan Bahasa Inggeris II/ *English for Professional Communication* *atau* *English For Occupational Purposes* | 2 | KU | |
| KMF1043 | Psikologi Perkembangan Manusia | 3 | KT | Tiada |
| KMF1053 | Neurosains Kognitif | 3 | KT | Tiada |
| KMY1073 | Psikologi Sosial | 3 | KT | Tiada |
| KMY1014 | Pembangunan Sumber Manusia | 4 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Kursus MPU Kelompok U3 | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| PBM2072 | Bahasa Melayu | 2 | KU | Tiada |
| KMY2033 | Psikologi Bilazim | 3 | KT | Tiada |
| KMY2014 | Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan | 4 | KT | Tiada |
| KMF2014 | Statistik | 4 | KT | Tiada |
| KMY2043 | Psikologi Pembelajaran | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **18** | | |

**Tahun 2 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMF2024 | Pengkaedahan Penyelidikan | 4 | KT | Tiada |
| KMY2023 | Psikologi Kaunseling | 3 | KT | Tiada |
| KMY2013 | Psikologi Pelbagai Budaya | 3 | KT | Tiada |
| KMY2053 | Psikologi Fisiologi | 3 | KT | Tiada |
| KMY2063 | Personaliti dan Perbezaan Individu | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **16** | | |

**Tahun 3 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMY3113 | Dinamika Kelompok | 3 | KT | Tiada |
| KMY3013 | Psikologi Klinikal | 3 | KT | Tiada |
| KMY3023 | Psikologi Industri dan Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| KMY3033 | Psikologi Eksperimental | 3 | KT | Tiada |
| KMY3103 | Projek Tahun Akhir 1 | 3 | KT | KMF2024 |
| | Kursus Elektif Universiti I | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **18** | | |

**Tahun 3 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMY3123 | Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | 3 | KT | Tiada |
| KMY3053 | Etika Psikologi | 3 | KT | Tiada |
| KMY3063 | Pengujian Psikologi | 3 | KT | Tiada |
| KMY3104 | Projek Tahun Akhir II | 4 | KT | KMY3103 |
| | Kursus Elektif Universiti II | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **16** | | |

**Tahun 4 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMY4013 | Sensori dan Persepsi | 3 | KT | Tiada |
| KMY4023 | Motivasi dan Emosi | 3 | KT | Tiada |
| KMY4033 | Psikologi Kesihatan | 3 | KT | Tiada |
| KMY4043 | Psikologi Jenayah | 3 | KT | Tiada |
| KMY4053 | Psikologi Pengguna | 3 | KT | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti III | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **18** | | |

**Tahun 4 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMY4059 | Latihan Industri | 9 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **9** | | |

| Kursus | Kredit |
|---|---|
| ▪ Kursus Teras (KT) | 108 |
| ▪ Kursus Universiti (KU) | 17 |
| ▪ Kursus Elektif (KE) | 9 |
| **Jumlah Keseluruhan Kredit** | **134** |

# [UW6145001] Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian

**PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN**

**Program Pendidikan (Pendidikan Islam)**

Program ini dirancang untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan luas dalam bidang Pendidikan Islam yang mencakupi ilmu kepelbagaian pendidikan dan pendidikan Islam dan juga falsafah pendidikan negara. Melalui pemahaman berkaitan pendidikan dan juga Pendidikan Islam, diharapkan graduan daripada program ini akan memiliki kepakaran dan kemahiran dalam menangani dan meningkatkan kualiti pendidikan di bilik darjah sekolah.

Program sarjana muda ini adalah bersifat luas dan komprehensif yang dijalankan melalui gabungan kaedah ceramah, tutorial, kajian kes dan kajian tindakan. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan dunia nyata menerusi amalan latihan mengajar di sekolah. Program ini juga merupakan program persediaan kepada pelajar untuk menjadi pegawai perkhidmatan pendidikan yang mampu berkhidmat di sekolah.

Antara peluang pekerjaan graduan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian adalah:

i. Kerjaya berkaitan dengan pendidikan *(Career in Education)*
ii. Kerjaya sebagai penyelidik pendidikan *(Career as an Educational Researcher)*

**PENAWARAN KURSUS MENGIKUT TAHUN PENGAJIAN PENDIDIKAN ISLAM**

**Tahun 1 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PPD1041 | Kursus Kemahiran Insaniah dan Kesukarelawan | 1 | KU | Tiada |
| MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradapan | 2 | KU | Tiada |
| PBI1102 *atau* PBI1092 | *Academic English I* *atau* *Academic English II* | 2 | KU | *Sila rujuk Jadual 1 m.s 41 |
| MPU3222 | Warisan Nusa | 2 | KU | Tiada |
| KMP1013 | Falsafah Pendidikan Negara | 3 | KT | Tiada |
| KMP1023 | Masyarakat dan Budaya dalam Pendidikan | 3 | KT | Tiada |
| KMP1033 | Nahu Bahasa Arab 1 | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **16** | | |

**Tahun 1 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Kursus MPU Kelompok U4 | 2 | KU | Tiada |
| MPU3182 | Falsafah & Isu semasa | 2 | KU | Tiada |
| PBI1072 *atau* PBI1082 | *English for Profesional Communication* *atau* *English for Occupational Purposes* | 3 | KU | *Sila rujuk Jadual 1 m.s 41 |
| KMP1043 | Pedagogi Pendidikan Islam (Sekolah Menengah) | 3 | KT | Tiada |
| KMP1053 | Usul Fiqh | 3 | KT | Tiada |
| KMP1063 | Pengenalan Pengajian Hadis & Alquran | 3 | KT | Tiada |
| KMP1073 | Nahu Bahasa Arab II | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **19** | | |

**Tahun 2 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| MPU3XX2 | Kursus MPU Kelompok U3 | 2 | KU | Tiada *Sila rujuk Jadual 3 m.s 42-43 |
| KMF1023 | Psikologi Kognitif | 2 | KU | Tiada |
| KMP2023 | Inovasi & Kreativiti dalam Teknologi Pendidikan | 3 | KT | Tiada |
| KMP2033 | Fiqh Harian (Ibadah) | 3 | KT | Tiada |
| KMP2043 | Aqidah Islamiah | 3 | KT | Tiada |
| KMP2053 | Pemerolehan Bahasa Arab/ Kemahiran Berbahasa Arab | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **17** | | |

**Tahun 2 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| PBM2072 | Bahasa Melayu | | | |
| KMP2063 | Kurikulum, Pedagogi dan reka bentuk Pengajaran | | | |
| KMP2073 | Pentaksiran Pendidikan | 3 | KT | Tiada |
| KMP2083 | Tilawah dan Hafazan | 3 | KT | Tiada |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KMP2093 | Sirah Nabawiyah | 3 | KT | Tiada |
| KMP2103 | Pengajian Fiqh-Muamalat dan Munakahat | 3 | KT | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **16** | | |

**Tahun 3 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMF3013 | Tingkahlaku Manusia & Organisasi | 3 | KT | Tiada |
| KMP3032 | Pengurusan Ko-Kurikulum & Sukan Sekolah | 3 | KT | Tiada |
| KMP3033 | Pemikiran Islam Semasa | 3 | KT | Tiada |
| KMP3034 | Pengajaran dan Khat | 3 | KT | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti I | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **18** | | |

**Tahun 3 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMF3053 | Psikologi Perkembangan Manusia | 3 | KT | Tiada |
| KMF2024 | Pengkaedahan Penyelidikan | 4 | KT | Tiada |
| KMP3073 | Akhlak & Tasawuf | 3 | KT | Tiada |
| KMP3083 | Fiqh Perbandingan | 3 | KT | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti II | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **16** | | |

**Tahun 4 Semester 1**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMP4013 | Bimbingan & Kaunseling | 3 | KT | Tiada |
| KMP4023 | Orientasi Sekolah | 3 | KT | Tiada |
| KMP4033 | Kepimpinan & Pengurusan Sekolah | 3 | KT | Tiada |
| KMP4043 | Pengajaran Mikro | 3 | KT | Tiada |
| | Kursus Elektif Universiti III | 3 | KE | Tiada |
| | **Jumlah Kredit** | **15** | | |

**Tahun 4 Semester 2**

| Kod | Kursus | Kredit | Klasifikasi | Prasyarat |
|---|---|---|---|---|
| KMP4058 | Latihan Mengajar | 8 | KT | Tiada |
| KMP4063 | Projek Tahun Akhir | 3 | KT | |
| | **Jumlah Kredit** | **11** | | |

| Kursus | Kredit |
|---|---|
| ▪ Kursus Teras (KT) | 99 |
| ▪ Kursus Universiti (KU) | 17 |
| ▪ Kursus Elektif (KE) | 9 |
| **Jumlah Keseluruhan Kredit** | **125** |

# Kursus-Kursus Universiti

**Kursus-Kursus Universiti**

Sebagai salah satu syarat untuk bergraduat, pelajar perlu mengambil kursus universiti di antara (17 hingga 21 jam kredit) bergantung kepada struktur program-program akademik yang ditawarkan di Fakulti ini.

Kursus ini mampu meningkatkan kemahiran analitikal, berkomunikasi dan teknologi maklumat. Selain itu, ia dapat menghasilkan pelajar yang mahir berdwibahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris).

Semua kursus yang ditawarkan adalah tertakluk kepada perubahan semasa. Senarai Penawaran Kursus Wajib Universiti mulai Kohort 2020/2021 adalah seperti di bawah:

**i) Kursus Wajib Universiti Mulai Kohort Sesi 2020/2021 (Warganegara)**

| Kod Kursus | Nama Kursus | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|
| *PPD1041 | Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan | Tahun 1, Semester 1 |
| PBM2072 | Bahasa Melayu | 1 & 2 |
| PBIxx | Kursus Bahasa Inggeris (2 kursus – 4 kredit)<br>**Rujuk Jadual 1** untuk senarai kursus | 1 & 2 |
| *MPUxxxx | Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)<br>Rujuk **Jadual 2 & Jadual 3** untuk senarai kursus | Rujuk senarai kursus |
| Rujuk Senarai KEU | Kursus Elektif Universiti (KEU)<br>Rujuk **muka surat 46,** senarai Kursus Elektif Universiti | Tertakluk kepada kursus yang dipilih |

**ii) Kursus Wajib Universiti Mulai Kohort Sesi 2020/2021 (Bukan Warganegara)**

| Kod Kursus | Nama Kursus | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|
| *PPD1041 | Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawan | Tahun 1, Semester 1 |
| PBM2082 | Bahasa Melayu Komunikasi Lanjutan | 1 & 2 |
| PBIxx | Kursus Bahasa Inggeris (2 kursus – 4 kredit)<br>**Rujuk Jadual 1** untuk senarai kursus | 1 & 2 |
| *MPUxxxx | Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)<br>Rujuk **Jadual 2 & Jadual 3** untuk senarai kursus | Rujuk senarai kursus |
| Rujuk Senarai KEU | Kursus Elektif Universiti (KEU)<br>Rujuk **muka surat 46,** senarai Kursus Elektif Universiti | Tertakluk kepada kursus yang dipilih |

**Nota:** Pengecualian terhadap kursus PPD1041 dan kursus MPU Kokurikulum Berkredit kepada pelajar yang melengkapkan sekurang-kurangnya 3 kredit kursus-kursus badan beruniform dari agensi yang sama.

**Jadual 1: Kursus Bahasa Inggeris Sesi 2020/2021 dan seterusnya**

| **i) Pelajar Warganegara** | |
|---|---|
| **Kelayakan Masuk BI** | **Kod dan Nama Kursus** |
| MUET Band 1 & 2 | *Preparatory English 1*<br>*Preparatory English 2*, **DAN**<br>PBI1102 - *Academic English I*<br>PBI1072 - *English for Professional Communication* |
| MUET Band 3 | PBI1102 - *Academic English I*<br>PBI1072 - *English for Professional Communication* |
| MUET Band 4,5 & 6 | PBI1092 - *Academic English II*<br>PBI1082 - *English for Occupational Purposes* |

| **ii) Pelajar Bukan Warganegara** | |
|---|---|
| **Kelayakan Masuk BI** | **Kod dan Nama Kursus** |
| MUET Band 3/ IELTS 5.5/TOEFL iBT 42/ *Pearson Test of English* 47/*Cambridge English Qualifications Test* 154 | PBI1102 - *Academic English 1*, **DAN**<br>PBI1072 - *English for Professional Communication* |
| MUET Band 4-6/ IELTS 6/TOEFL iBT 60/ Pearson Test of English 59/Cambridge English Qualifications Test 169 | PBI1082 - *English for Occupational Purposes*, **DAN**<br>PBI1092 - *English for Academic Purposes* |

**Jadual 2: Kursus MPU Sesi 2020/2021 Tahap DIPLOMA**

| **i) Pelajar Warganegara** | | | |
|---|---|---|---|
| **Kelompok** | **Kod Kursus** | **Nama Kursus** | **Semester Ditawarkan** |
| **U1** | MPU2112 | Falsafah dan Isu Semasa<br>*Philosophy and Current Issues,* **ATAU** | 2 |
| | MPU2122 | Penghayatan Etika dan Peradaban<br>*Appreciation of Ethics and Civilization* | 1 |
| **U2** | MPU2212 | Asas Pembudayaan Keusahawanan<br>*Foundation of Entrepreneurship Inculturation* | 1 & 2 |
| **U3** | MPU2312 | Warisan Nusa<br>*National Heritage* | 1 & 2 |
| **U4** | MPU2412 | Kokurikulum Berkredit (Kesukarelawanan)<br>*Credited Co-curricular (Volunteerism)*, **ATAU** | 2 |
| | MPU2422 | Kokurikulum Berkredit (Sukan)<br>*Credited Co-curricular (Sports)* | |

| **ii) Pelajar Bukan Warganegara** | | |
|---|---|---|
| **Kod Kursus** | **Nama Kursus** | **Semester Ditawarkan** |
| MPU2122 | Falsafah dan Isu Semasa<br>*Philosophy and Current Issues* | 2 |
| MPU2212 | Asas Pembudayaan Keusahawanan<br>*Foundation of Entrepreneurship Inculturation* | 1 & 2 |
| MPU2322 | Budaya dan Etnisiti Malaysia<br>*Malaysian Culture and Ethnicity* | 2 |
| MPU2412 | Kokurikulum Berkredit (Kesukarelawanan)<br>*Credited Co-curricular (Volunteerism)*, **ATAU** | 2 |
| MPU2422 | Kokurikulum Berkredit (Sukan)<br>*Credited Co-curricular (Sports)* | |

**Jadual 3: Kursus MPU Mulai Sesi 2020/2021 Tahap SARJANA MUDA**

**i) Pelajar Warganegara**

| Kelompok | Kod Kursus | Nama Kursus | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| **U1** | MPU3192 | Penghayatan Etika dan Peradaban<br>*Appreciation of Ethics and Civilization,* **DAN** | 1 |
| | MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa<br>*Philosophy and Current Issues* | 2 |
| **U2** | MPU3222 | Asas Pembudayaan Keusahawanan<br>*Foundation of Entrepreneurship Inculturation* | 1 & 2 |
| **U3** | MPU3332 | Warisan Nusa<br>*National Heritage*, **ATAU** | 1 & 2 |
| | MPU3352 | Kerajaan Dan Pentadbiran di Malaysia<br>*Government and Administration in Malaysia*, **ATAU** | |
| | MPU3362 | Pengenalan Kepada Tingkah Laku Organisasi<br>*Introduction to Organization Behavior in Malaysia*, **ATAU**<br>*Tidak ditawarkan kepada Pelajar Program Pembangunan Sumber Manusia, Sains Kognitif, Kaunseling dan Pendidikan Islam. | |
| | MPU3372 | Integriti dan Anti-Rasuah (KIAR)<br>*Integrity and Anti-Corruption* | |
| **U4** | MPU3432 | Kokurikulum Berkredit (Daya Usaha dan Inovasi)<br>*Credited Co-curricular (Initiative and Innovation),* **ATAU** | 2 |
| | MPU3442 | Kokurikulum Berkredit (Kebudayaan)<br>*Credited Co-curricular (Culture)*, **ATAU** | |
| | MPU3452 | Kokurikulum Berkredit (Kepimpinan)<br>*Credited Co-curricular (Leadership)*, **ATAU** | |
| | MPU3462 | Kokurikulum Berkredit (Kesukarelawanan)<br>*Credited Co-curricular (Volunteerism)*, **ATAU** | |
| | MPU3472 | Kokurikulum Berkredit (Keusahawanan)<br>*Credited Co-curricular (Entrepreneurship)*, **ATAU** | |
| | MPU3482 | Kokurikulum Berkredit (Khidmat Komuniti)<br>*Credited Co-curricular (Community Service)*, **ATAU** | |
| | MPU3492 | Kokurikulum Berkredit (Sukan)<br>*Credited Co-curricular (Sports)*, **ATAU** | |
| | MPU34102 | Kokurikulum Berkredit (Pengucapan Awam)<br>*Credited Co-curricular (Public Speaking)* | |
| | Rujuk **Lampiran 1** | *Mana-mana kursus Badan Beruniform daripada agensi yang sama (minimum 2 kredit), rujuk **muka surat 44** | 1 & 2 |

**ii) Pelajar Bukan Warganegara**

| Kelompok | Kod Kursus | Nama Kursus | Semester Ditawarkan |
|---|---|---|---|
| **U1** | MPU3142 | Bahasa Melayu Komunikasi 2<br>*Malay Language for Communication 2*, **DAN** | 1 & 2 |
| | MPU3182 | Falsafah dan Isu Semasa<br>*Philosophy and Current Issues* | 2 |
| **U2** | MPU3222 | Asas Pembudayaan Keusahawanan<br>*Foundation of Entrepreneurship Inculturation* | 1 & 2 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **U3** | MPU3342 | Budaya dan Etnisiti Malaysia<br>*Malaysian Culture and Ethnicity* | 2 |
| **U4** | MPU3432 | Kokurikulum Berkredit (Daya Usaha dan Inovasi)<br>*Credited Co-curricular (Initiative and Innovation)*, **ATAU** | 2 |
| | MPU3442 | Kokurikulum Berkredit (Kebudayaan)<br>*Credited Co-curricular (Culture)*, **ATAU** | |
| | MPU3452 | Kokurikulum Berkredit (Kepimpinan)<br>*Credited Co-curricular (Leadership)*, **ATAU** | |
| | MPU3462 | Kokurikulum Berkredit (Kesukarelawanan)<br>*Credited Co-curricular (Volunteerism)*, **ATAU** | |
| | MPU3472 | Kokurikulum Berkredit (Keusahawanan)<br>*Credited Co-curricular (Entrepreneurship)*, **ATAU** | |
| | MPU3482 | Kokurikulum Berkredit (Khidmat Komuniti)<br>*Credited Co-curricular (Community Service)*, **ATAU** | |
| | MPU3492 | Kokurikulum Berkredit (Sukan)<br>*Credited Co-curricular (Sports)*, **ATAU** | |
| | MPU34102 | Kokurikulum Berkredit (Pengucapan Awam)<br>*Credited Co-curricular (Public Speaking)* | |

**Lampiran 1: Senarai Kursus, Pelan Pembelajaran dan Penawaran Badan Beruniform**

| A (i) | Latihan Ketenteraan (Darat) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Tahun** | **Semester** | **Nama Kursus** | **Kod Kursus** | **Jam Kredit** |
| | 1 | 1 | Latihan Ketenteraan Darat 1 | MPU34112 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Darat 2 | PPA1102 | 2 |
| | 2 | 1 | Latihan Ketenteraan Darat 3 | PPA2112 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Darat 4 | PPA2122 | 2 |
| | 3 | 1 | Latihan Ketenteraan Darat 5 | PPA3132 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Darat 6 | PPA3142 | 2 |

| B (i) | Latihan Ketenteraan (Udara) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Tahun** | **Semester** | **Nama Kursus** | **Kod Kursus** | **Jam Kredit** |
| | 1 | 1 | Latihan Ketenteraan Udara 1 | MPU34122 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Udara 2 | PPB1072 | 2 |
| | 2 | 1 | Latihan Ketenteraan Udara 3 | PPB2082 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Udara 4 | PPB2092 | 2 |
| | 3 | 1 | Latihan Ketenteraan Udara 5 | PPB3102 | 2 |
| | | 2 | Latihan Ketenteraan Udara 6 | PPB3112 | 2 |

| C | Latihan Pertahanan Awam | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Tahun** | **Semester** | **Nama Kursus** | **Kod Kursus** | **Jam Kredit** |
| | 1 | 1 | Latihan Pertahanan Awam 1 | MPU34142 | 2 |
| | | 2 | Latihan Pertahanan Awam 2 | PPJ1102 | 2 |
| | 2 | 1 | Latihan Pertahanan Awam 3 | PPJ2112 | 2 |
| | | 2 | Latihan Pertahanan Awam 4 | PPJ2122 | 2 |
| | 3 | 1 | Latihan Pertahanan Awam 5 | PPJ3132 | 2 |
| | | 2 | Latihan Pertahanan Awam 6 | PPJ3142 | 2 |

| D | Latihan Kepolisan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Tahun** | **Semester** | **Nama Kursus** | **Kod Kursus** | **Jam Kredit** |
| | 1 | 1 | Latihan Kepolisan 1 | MPU34132 | 2 |
| | | 2 | Latihan Kepolisan 2 | PPP1102 | 2 |
| | 2 | 1 | Latihan Kepolisan 3 | PPP2112 | 2 |
| | | 2 | Latihan Kepolisan 4 | PPP2122 | 2 |
| | 3 | 1 | Latihan Kepolisan 5 | PPP3132 | 2 |
| | | 2 | Latihan Kepolisan 6 | PPP3142 | 2 |

# Kursus Elektif Universiti

**Kursus Elektif Universiti**

Pelaksanaan Kursus Elektif Universiti adalah seperti berikut:

i. Melibatkan semua program akademik prasiswazah di UNIMAS.
ii. Kursus Elektif Universiti ini adalah berjumlah **sembilan (9) kredit** dan akan ditawarkan mulai **Semester 1, Sesi 2019/2020**.
iii. Pelajar **WAJIB** mengambil kursus elektif universiti yang ditawarkan oleh **luar program** bagi memenuhi objektif meningkatkan pengalaman dan keupayaan pelajar mempelajari pengetahuan yang bersifat merentas disiplin.
iv. Kluster kursus elektif universiti pelajar adalah berdasarkan kluster yang dipilih semasa kali pertama pelajar mendaftar kursus elektif universiti. **Pertukaran kluster dibenarkan sehingga minggu ke-4 perkuliahan**.
v. Sebarang pertukaran atau pengguguran kursus bagi kursus elektif universiti adalah tertakluk kepada proses kerja sedia ada.
vi. Sekiranya pelajar bertukar program, sebarang kursus elektif universiti yang telah diambil pelajar tersebut dan lulus boleh dibawa ke hadapan untuk pindah gred.

| Kluster | Kategori Kluster | Kod dan Nama Kursus | Semester Ditawarkan | Fakulti |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | Sains, Teknologi dan Perubatan *Science, Technology and Medicine* | *BEU1013 Building Anatomy and Basic Estimating* | 1 | Fakulti Alam Bina (FAB) |
| | | *BEU1033 Fundamentals of the Built Environment (NEW)* | 2 | |
| | | *KNU1093 Water Resources in Community Development* | 1 & 2 | Fakulti Kejuruteraan (FK) |
| | | *KNU1033 Energy, Environment and Society* | 1 | |
| | | *KNU1053 Safety Management in Workplace* | 2 | |
| | | *KNU1103 Introduction to Hydro Power System* | 2 | |
| | | *KNU1073 Introduction to Solar Photovoltaic System* | 1 | |
| | | *KNU1013 Introduction to Green Technology* | 1 | |
| | | *KNU1023 Engineers in Society* | 2 | |
| | | *STU1033 Aquatic Science and Daily Life* | 1 & 2 | Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) |
| | | *STU1013 Introduction to Biotechnology* | 1 & 2 | |
| | | *STU1043 Introduction to Plant Physiology* | 1 & 2 | |
| | | *STU2063 Ecotourism Industry in Malaysia* | 1 & 2 | |
| | | *STU2073 Natural Resource Managements* | 1 & 2 | |
| | | *MDU1123 Introduction to Learning Disablities* | 1 | Fakulti Sains Kesihatan dan Perubatan (FPSK) |
| | | *MDU1033 Healthy Lifestyle* | 1 | |
| | | *MDU1043 Introduction to Medical Entomology* | 2 | |
| | | *MDU1073 Introduction to Biomedical Physiology* | 1 | |
| | | *MDU1083 Introduction to Health and Behavior* | 1 & 2 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | *MDU1013 Basic First Aid* | 2 | |
| | | *MDU1023 Introduction to Medical Genetics* | 2 | |
| | | *MDU1053 Introduction to Medical Parasitology* | 1 | |
| | | *MDU1133 Introduction to Community-Based Health Promotion* | 1 | |
| | | *KMU1053 Theories and Concepts: Human Computer Interaction*<br>*Tidak ditawarkan kepada Pelajar Program Sains Kognitif | 1 | Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) |
| | | *TMU1013 Introduction to Computer Technologies* | 1 & 2 | Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) |
| | | *TMU1023 Ethics in Information Technology* | 1 & 2 | |
| | | *TMU1043 Multimedia Technology* | 1 & 2 | |
| | | *TMU1053 Mathematics in Daily Life* | 1 & 2 | |
| **2.** | Sains Sosial dan Kemanusiaan<br>*Social Science and Humanities* | *KMU1013 Helping Relationship*<br>*Tidak ditawarkan kepada Pelajar Program Kaunseling dan Psikologi. | 1 & 2 | Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) |
| | | *KMU1063 Introduction to Mental Health*<br>*Tidak ditawarkan kepada Pelajar Program Kaunseling dan Psikologi. | 1 | |
| | | *SSU1013 Basics of Social Science* | 1 & 2 | Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) |
| | | *SSU1023 Basics of Anthropology and Sociology* | 1 & 2 | |
| | | *SSU1033 Introduction to Psychology* | 1 & 2 | |
| | | *SSU1053 Introduction to Social Interaction* | 1 & 2 | |
| **3.** | Perniagaan dan Pengurusan<br>*Business and Management* | *KMU1023 Introduction to Human Resource Development*<br>*Tidak ditawarkan kepada Pelajar Program Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi. | 2 | Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) |
| | | *EBU1063 Smart Money Management* | 1 & 2 | Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) |
| | | *EBU2043 Introduction to Intellectual Property* | 1 & 2 | |
| | | *EBU1023 Managing Small Business Accounts* | 1 & 2 | |
| | | *EBU1053 Online Business Management* | 1 & 2 | |
| | | *EBU1033 Malaysian Economic Environment* | 1 & 2 | |
| **4.** | Seni Kreatif dan Reka Bentuk<br>*Creative Arts and Design* | GKU1013 Drama dan Teater Moden Melayu Malaysia | 1 | Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif (FSGK) |
| | | GKU1033 Fotografi Digital dan Imejan Media Sosial | 1 | |
| | | GKU1043 Sejarah Sinema Malaysia | 1 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | GKU1053 Sejarah Drama dan Teater | 2 | |
| | | GKU1063 Pengenalan Kepada Asas Muzik | 2 | |
| | | GKU1083 Pengenalan Pengarahan Pentas | 2 | |
| | | GKU1093 Asas Lukisan Figura | 2 | |
| | | BEU1023 Lakaran Kreatif | 1 | Fakulti Alam Bina (FAB) |
| **5.** | Linguistik dan Komunikasi *Linguistic and Communication* | *PBU1133 Arabic Language Level 1* | 1 & 2 | Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) |
| | | *PBU1043 Japanese Language Level 1* | 1 & 2 | |
| | | *PBU1073 French Language Level 1* | 1 & 2 | |
| | | *PBU1103 Mandarin Language Level 1* | 1 & 2 | |
| | | *PBU0033 Iban for Communication* | 1 & 2 | |
| | | *PBU2143 Arabic Language Level 2* | 1 & 2 | |
| | | *PBU2053 Japanese Language Level 2* | 1 & 2 | |
| | | *PBU2083 French Language Level 2* | 1 & 2 | |
| | | *PBU2113 Mandarin Language Level 2* | 1 & 2 | |
| | | *PBU3153 Arabic Language Level 3* | 1 & 2 | |
| | | *PBU3063 Japanese Language Level 3* | 1 & 2 | |
| | | *PBU3093 French Language Level 3* | 1 & 2 | |
| | | *PBU3123 Mandarin Language Level 3* | 1 & 2 | |
| **6.** | Elektif Bebas *Free Elective* | Semua kursus yang dinyatakan dalam kluster di atas. Pelajar hanya dibenarkan memilih **maksimum 2 kluster** sahaja daripada 5 kluster. | Seperti maklumat diatas | Semua Fakulti |

# PERATURAN AKADEMIK IJAZAH SARJANA MUDA UNIMAS

**(Rujuk Laman Sesawang Bahagian Pengajian Prasiswazah di alamat https://www.bpps.unimas.my/my-unimas)**

## PERATURAN AKADEMIK UNIMAS

Semua pelajar adalah tertakluk kepada peraturan akademik UNIMAS. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS.

### 1. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

1.1 Pelajar prasiswazah adalah dinasihatkan untuk mengetahui dan memahami sepenuhnya Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda ini dan adalah menjadi tanggungjawab semua pelajar prasiswazah untuk memathui segala dasar yang dinyatakan dalam peraturan ini.

1.2 Tertakluk pada kuasanya sebagai badan akademik tertinggi Universiti, Senat berhak mengubah/ meminda mana – mana peraturan ini dari semasa ke semasa apabila keadaan memerlukannya dan ianya akan berkuatkuasa dari tarikh pindaannya disahkan oleh Senat.

1.3 Peraturan ini adalah berkuatkuasa ke atas semua pelajar prasiswazah berdaftar dengan Universiti ini termasuk pelajar antarabangsa, pelajar antarabangsa yang mengikuti program pertukaran pelajar dan pelajar yang mengikuti program antara kampus *(cross-campus programmes)* Institusi Pengajian Tinggi Awam.

1.4 Di mana ia tidak dinyatakan secara khusus dalam peraturan ini, bidang kuasa yang digunapakai dalam pelaksanaan peraturan ini adalah kuasa Senat. Kuasa Dekan dan Pendaftar dinyatakan dengan khusus dalam klausa – klausa tertentu peraturan ini.

1.5 Tertakluk pada perkara 1.1, pengecualian ke atas mana - mana perkara atau bahagian Peraturan Akademik ini adalah kuasa mutlak Senat.

### 2. TAKRIF

***"Aegrotat"*** ialah penganugerahan Ijazah Sarjana Muda kepada seseorang pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana hilang upaya kekal tertakluk kepada syarat-syarat dalam buku peraturan ini.

**"Anumerta (*Posthumous*)"** ialah penganugerahan Ijazah Sarjana Muda kepada seseorang pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana meninggal dunia tertakluk kepada syarat-syarat dalam buku peraturan ini.

**"Antarsesi"** ialah satu tempoh pengajian yang diadakan dalam masa cuti akhir tahun akademik.

**"Denda"** ialah penalti dalam bentuk bayaran yang dikenakan kepada pelajar yang memohon sesuatu urusan pendaftaran diluar tempoh yang telah ditetapkan.

**"Dekan"** ialah Ketua bagi sesuatu Fakulti, Pusat atau Sekolah yang dilantik oleh Naib Canselor menurut seksyen 24(4) Perlembagaan Universiti dan hendaklah mempunyai kuasa-kuasa seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut dan Kaedah.

**"Dewan Peperiksaan"** ialah mana-mana tempat/ruang yang digunakan untuk tujuan peperiksaan.

**"Fakulti"** ialah entiti akademik utama dan merupakan pihak berkuasa Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 16(1) Perlembagaan Universiti dan hendaklah menjalankan pengajaran bagi program-program Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran Falsafah sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat dan hendaklah juga menjalankan

penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan ilmuan dan profesionalisme dan ianya bukanlah sebahagian daripada Akademi atau Institut.

**"Gagal Kursus"** ialah tidak mencapai gred minimum sesuatu kursus yang ditetapkan oleh Universiti.

**"Hilang Upaya Kekal"** ialah pelajar kehilangan keupayaan secara kekal yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan tidak dapat meneruskan pengajian walaupun dengan bantuan tertentu.

**"Hukuman Akademik"** ialah hukuman yang dikenakan ke atas pelajar oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar bagi kesalahan akademik.

**"Jam Pembelajaran"** ialah jumlah masa pembelajaran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan kredit.

**"Jawatankuasa Akademik Fakulti"** ialah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dekan dan dianggotai oleh Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras Program, Pensyarah serta Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan sebagai Urus Setia/Setiausaha. Jawatankuasa ini akan membincangkan isu-isu berkaitan hal ehwal akademik Fakulti.

**"Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti"** ialah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dekan dan dianggotai oleh Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras Program, Pensyarah serta Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan sebagai Urus Setia/Setiausaha untuk mengesahkan keputusan penilaian pelajar, membuat pindaan keputusan sekiranya perlu dan menentukan pelajar yang layak bergraduat.

**"Jawatankuasa Rayuan Pelajar"** ialah Jawatankuasa yang dipengerusikan oeh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi mempertimbang dan meneliti kes rayuan pelajar bagi meneruskan pengajian setelah mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan (GB) bagi sesuatu semester.

**"Jawatankuasa Tatatertib Pelajar"** ialah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan dianggotai oleh Dekan Fakulti/Pusat. Jawatankuasa ini membicarakan kes-kes pelajar yang melanggar peraturan akademik dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2012) dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

**"Kepujian Dekan"** ialah pengiktirafan yang diberikan oleh Fakulti kepada pelajar yang mencapai kecemerlangan akademik bagi sesuatu semester dan memperolehi PNG 3.5 dan ke atas dan telah mengambil minimum dua belas (12) kredit kursus yang mempunyai nilai gred.

**"Kerja Kursus"** ialah pembelajaran yang boleh merangkumi dan tidak terhad kepada projek, laporan amali, praktikum, tugasan, kuiz, ujian lisan dan kerja lapangan bagi sesuatu kursus.

**"Ketua Jabatan"** ialah pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk mengetuai sesebuah jabatan di Fakulti.

**"Kredit"** ialah nilai yang diberi kepada sesuatu kursus untuk melambangkan beban pembelajaran kursus berkenaan.

**"Kredit untuk satu kursus"** ialah ukuran kuantitatif yang melambangkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

**"Kuliah"** ialah kelas pembelajaran sesuatu kursus.

**"Kursus"** ialah matapelajaran yang ditawarkan oleh setiap program dan mempunyai kod yang khusus.

**"Kursus Audit"** ialah sesuatu kursus yang didaftarkan oleh pelajar tetapi jam kredit kursus tersebut tidak dimasuk kira dalam pengiraan jumlah jam kredit untuk bergraduat dan pengiraan keputusan peperiksaan.

**"Kursus Elektif Universiti"** ialah kursus yang diambil sama ada daripada program lain di dalam atau di luar Fakulti.

**"Kursus Pembangunan Generik"** ialah kursus sepunya Universiti bertujuan membangun minda, sikap dan sahsiah pelajar.

**"Kursus Pengukuhan"** ialah kursus asas yang membantu meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar dalam sesuatu bidang.

**"Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)"** ialah kursus wajib universiti yang perlu diambil bagi memenuhi keperluan bergraduat. Kursus-kursus di bawah kategori MPU mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotism dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja. Kursus di bawah kategori ini bermula dengan kod MPU.

**"Kursus Teras"** ialah kursus yang wajib diambil oleh pelajar bagi sesuatu program.

**"Kesalahan Tatatertib"** ialah suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

**"Latihan Industri"** merujuk kepada penempatan pelajar secara sepenuh masa di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada, di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda.

**"Lulus Kursus"** ialah pencapaian gred minimum sesuatu kursus yang ditetapkan oleh Universiti.

**"Pelajar Aktif"** ialah pelajar yang telah membayar yuran universiti, melengkapkan pendaftaran semester dan pendaftaran kursus.

**"Pelajar Baharu"** ialah pelajar yang belum melengkapkan satu (1) semester pengajian di Universiti.

**"Pelajar Semasa"** ialah pelajar yang telah melalui sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di Universiti.

**"Pelajar Tidak Aktif"** ialah pelajar yang tidak membayar yuran, tidak menyempurnakan pendaftaran semester dan pendaftaran kursus.

**"Pelajar"** ialah seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti dan Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepasan ijazah atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

**"Pindah Kredit dengan Gred"** ialah proses pemindahan gred kepada kursus-kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit secara mendatar/*horizontal* (kursus yang berada ditahap kelayakan yang sama) sahaja dan tidak terpakai kepada kursus-kursus yang diluluskan pemindahan kredit secara menegak/*vertical*. Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Pindah gred hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

**"Pindah Kredit tanpa Gred"** ialah proses pemindahan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program yang lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Pindah kredit boleh dilakukan dengan pemindahan kredit daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi daripada institusi yang diiktiraf (*vertical*). Kredit yang dipindahkan diambil kira untuk bergraduat tetapi tidak digunakan dalam pengiraan PNG dan PNGK. Proses pindah kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

**"Penangguhan Pengajian"** ialah tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mengikuti pengajian.

**"Pendaftaran Kursus"** adalah proses pelajar mendaftar kursus tertentu dalam sesuatu program dalam tempoh yang ditetapkan.

**"Pendaftaran Pelajar"** adalah proses pelajar mendaftar program dan semester serta menjelaskan yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

**"Penilaian"** ialah suatu proses membuat pertimbangan dan keputusan mengenai prestasi pelajar bersandarkan kepada standard tanda aras yang dinyatakan oleh kriteria prestasi dan sasaran prestasi bagi sesuatu hasil pembelajaran berdasarkan bukti yang telah diperolehi oleh proses pentaksiran.

**"Penilaian Akhir"** ialah penilaian yang merangkumi penilaian akhir semester, persembahan/pembentangan akhir dan projek akhir.

**"Penilaian Berterusan"** ialah proses penilaian yang dilakukan secara berterusan di sepanjang perjalanan kursus/modul. Ia juga meliputi proses penilaian yang digunakan untuk mentaksir tahap pencapaian kursus yang ditawarkan oleh sesuatu program ke arah menyokong pencapaian hasil pembelajaran program.

**"Penilaian Ulangan Khas (PUK)"** ialah penilaian khas bagi sesuatu kursus yang gagal pada tahun terakhir pengajian dan dibenarkan untuk mengambil PUK maksimum dua (2) kursus sahaja per semester untuk tujuan bergraduat.

**"Pentaksiran"** ialah suatu kaedah pengumpulan data langsung dan tidak langsung serta bukti pembelajaran pelajar yang dijalankan secara sistematik, berterusan dan berulang dengan menggunakan sumber yang pelbagai dan berbeza.

**"Penyelaras Program"** ialah pegawai akademik yang dilantik oleh Naib Canselor untuk menyelaras sesuatu program pengajian.

**"Peperiksaan"** ialah apa-apa cara atau kaedah penilaian yang menyebabkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tersebut.

**"Plagiat"** ialah menciplak idea, kalimat atau maklumat tanpa mengiktiraf penulis asal dan mengakuinya sebagai hasil kerjanya sendiri.

**"PNG"** (Purata Nilai Gred) ialah ukuran pencapaian akademik seseorang pelajar dalam sesuatu semester.

**"PNGK"** (Purata Nilai Gred Kumulatif) ialah ukuran pencapaian akademik seseorang pelajar bagi keseluruhan semester yang telah disempurnakan.

**"Program"** ialah bidang pengajian peringkat ijazah yang ditawarkan oleh Fakulti.

**"Program mobiliti"** ialah suatu program yang melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran akademik sama ada dalam bentuk inbound (pelajar luar ke UNIMAS) atau

outbound (pelajar UNIMAS ke luar) dari / ke institusi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau luar Negara dalam tempoh satu atau dua semester.

**"Semester"** ialah satu tempoh pengajian (lazimnya tujuh belas (17) minggu) yang ditetapkan oleh Senat untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

**"Senat"** ialah badan akademik tertinggi Universiti yang berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

**"Sesi Akademik"** ialah tempoh pengajian bagi dua (2) semester dan satu (1) antarsesi dan dikenali sebagai Tahun Akademik Universiti.

**"SPP"** ialah singkatan bagi Sistem Pengurusan Pelajar. Sistem berkomputer "*real time*" ini adalah sistem digital yang menyimpan semua maklumat dan data bagi semua pelajar prasiswazah yang sedang dan telah menuntut di Universiti.

**"Tawaran Semula/*Clean Slate*"** ialah peluang kedua (ke-2) (satu (1) kali sahaja dalam satu-satu tempoh pengajian) yang diberikan kepada pelajar untuk memulakan pengajian dalam program yang sama atau berbeza dengan memansuhkan keputusan/rekod akademik yang terdahulu bermula pada sesi baharu.

**"Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)"** ialah pegawai utama Universiti yang membantu Naib Canselor dalam hal ehwal akademik.

**"Tutorial"** ialah sesi perbincangan yang diadakan di antara pelajar dan tutor/pensyarah/fasilitator.

**"Universiti"** ialah Universiti Malaysia Sarawak.

**"Yuran"** ialah bayaran yang ditetapkan oleh Universiti bagi tujuan tertentu.

**"Yuran Universiti"** ialah yuran yang ditetapkan oleh universiti kepada pelajar dari semasa ke semasa.

**"Yuran Pengajian"** ialah bayaran yang ditetapkan untuk pengajian sesuatu program sahaja.

## 3. SESI AKADEMIK

3.1 Sesi Akademik Pengajian Prasiswazah Universiti dibahagikan kepada **dua (2) semester** (**tujuh belas (17) minggu** setiap semester) dan **antarsesi (lapan (8) minggu)** dan **PENGECUALIAN** adalah bagi Program Perubatan.

Sesi Akademik Pengajian Prasiswazah Program Perubatan adalah tertakluk kepada Buku Panduan Akademik Fakulti.

3.2 Tertakluk kepada Perkara 3.1, sesi akademik bagi Program Perubatan dibahagikan kepada **sistem blok dan penempatan** di hospital.

## 4. PENDAFTARAN PELAJAR

### 4.1 Pendaftaran Pelajar Baharu

Semua calon pelajar hendaklah mendaftar sebagai pelajar dalam program yang ditawarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tawaran dianggap terbatal jika calon pelajar gagal berbuat demikian tanpa alasan yang boleh diterima oleh Universiti.

## 4.2 Pendaftaran Pelajar Semasa

4.2.1 Pelajar Semasa hendaklah mendaftar untuk pengajian setiap semester mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Universiti. Pelajar yang gagal menyempurnakan pendaftaran tanpa alasan yang munasabah akan digantung pengajian.

Tatacara pendaftaran adalah seperti di Lampiran 1.

4.2.2 Pelajar yang tidak menepati kredit minimum yang ditetapkan akan dibatalkan pendaftaran dan diberi status **Penangguhan Pengajian, tertakluk kepada Perkara 4.4.3**. Tempoh penangguhan pengajian ini akan diambilkira dalam tempoh maksimum pengajian pelajar.

4.2.3 Pelajar yang telah menangguh/digantung pengajian hendaklah membuat pendaftaran pada semester berikutnya setelah tamat tempoh penangguhan/penggantungan tersebut.

4.2.4 Pendaftaran pelajar dianggap sempurna setelah pelajar menjelaskan semua yuran semasa dan segala hutang dengan Universiti bagi semester sebelumnya.

4.2.5 Pelajar yang akan menjalani program mobiliti perlu mendaftar semester bagi mengaktifkan status pelajar.

## 4.3 Pendaftaran Antarsesi

Pelajar semasa yang perlu mengambil kursus semasa antarsesi, hendaklah melengkapkan proses pendaftaran pelajar dan kursus Antarsesi mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

Tatacara pendaftaran Antarsesi seperti di **Lampiran 1.**

## 4.4 Pendaftaran Kursus

4.4.1 Pendaftaran sesuatu kursus yang boleh didaftar adalah tertakluk kepada kursus yang ditawarkan oleh setiap Program pada semester berkenaan sahaja.
Bagi Program Perubatan, kursus yang boleh didaftarkan hanyalah kursus yang ditawarkan pada tahun yang berkenaan sahaja.

4.4.2 Pelajar dibenarkan mendaftar di antara lapan **(8) hingga dua puluh (20) kredit** pada setiap semester.

i) Pelajar Semasa yang perlu mengambil kursus semasa antarsesi, hendaklah melengkapkan proses pendaftaran pelajar dan kursus Antarsesi mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

Tatacara pendaftaran Antarsesi seperti di **Lampiran 1.**

ii) Bagi pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat (LB), Lulus Bersyarat Mengulang Kursus (LBMK), kredit maksimum yang dibenarkan ialah **dua belas (12)** kredit.

iii) Permohonan pendaftaran di luar julat bagi pelajar yang kurang lapan (8) kredit dan melebihi dua puluh (20) kredit hendaklah mendapat kelulusan Dekan.

4.4.3 Pelajar hanya dibenarkan menambah dan menggugur kursus sehingga minggu keempat (ke-4) perkuliahan. Walau bagaimanapun, penambahan dan pengguguran ini adalah tertakluk kepada keperluan dan ketetapan badan-badan profesional, bagi

program yang berkaitan. Gred tidak akan diberikan sekiranya pelajar gagal mendaftar sesuatu kursus secara sah.

Tambah/gugur kursus selepas minggu keempat (ke-4) adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan dan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh universiti. Permohonan yang diluluskan akan dikenakan denda seperti yang ditetapkan oleh universiti.

4.4.4 Pertukaran status kursus yang didaftarkan ke kursus Audit (U) dan kursus Tambahan (KT) boleh dilakukan sehingga **minggu keempat (ke-4)** semester berkenaan.

4.4.5 Kursus teras hanya akan ditawarkan pada semester **satu (1)** dan **dua (2)** sahaja. Penawaran kursus teras pada Antarsesi hanya dibenarkan untuk pelajar Tahun Akhir yang perlu mengulang kursus bagi keperluan bergraduat sahaja tertakluk kepada kelulusan Fakulti (kecuali bagi program Perubatan dan Kejururawatan).

4.4.6 Had maksimum pendaftaran kursus semasa Antarsesi adalah **lapan (8)** jam kredit sahaja.

4.4.7 Pelajar yang sedang mengikuti Latihan Industri (LI) tidak dibenarkan untuk mengikuti mana-mana kursus lain dalam tempoh LI tersebut.

4.4.8 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus mengikut struktur kurikulum/ pelan pembelajaran yang ditetapkan oleh Fakulti masing-masing.

## 5. SISTEM KREDIT

5.1 Setiap kursus mempunyai nilai kredit berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh Senat.

5.2 Nilai kredit bagi setiap kursus lazimnya berasaskan jam pembelajaran

## 6. PINDAH KREDIT TANPA GRED

6.1 Pelajar boleh memohon pindah kredit tanpa gred. Walau bagaimanapun, permohonan berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ketetapan Agensi Kelayakan Malaysia dan badan profesional yang berkenaan.

6.2 Kredit yang dipindahkan diambil kira untuk bergraduat tetapi tidak digunakan dalam pengiraan PNG dan PNGK.

6.3 Proses pindah kredit tanpa gred hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

6.4 Senarai kursus dan jumlah kredit yang diberi Pindah Kredit Tanpa Gred, simbol PK akan dicatat dalam transkrip akademik pelajar.

## 7. PINDAH KREDIT DENGAN GRED

7.1 Pelajar boleh memohon pindah kredit dengan gred. Walau bagaimanapun, permohonan berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ketetapan Agensi Kelayakan Malaysia dan badan profesional yang berkenaan.

7.2 Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

7.3 Pindah kredit dengan gred hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

7.4 Senarai kursus dan jumlah kredit yang diberi Pindah Kredit dengan Gred, simbol PG akan dicatat dalam transkrip akademik pelajar.

**Nota:**
Rujuk **muka surat 66** untuk perincian.

## 8. JUMLAH KREDIT BAGI PROGRAM

8.1 Pelajar dikehendaki mengikuti jumlah kredit minimum yang ditetapkan oleh setiap program. Walau bagaimanapun, Senat berhak menetapkan jumlah kredit minimum yang berbeza berdasarkan pada keperluan tertentu.

8.2 Jumlah kredit dalam **Perkara 8.1** hendaklah diambil daripada kelompok kursus tertakluk kepada standard program terkini atau keperluan badan profesional masing-masing. Bagi program yang tidak tertakluk kepada badan profesional dan tidak mempunyai standard program perlu mematuhi ketetapan **Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA)*** yang terkini.

8.3 Setiap pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus pengukuhan yang ditetapkan oleh universiti.

8.3.1 Ketetapan berhubung tatacara mengikuti kursus-kursus pengukuhan boleh dirujuk di Buku Panduan Akademik Fakulti.

8.3.2 Jumlah kredit bagi semua kursus di **perkara 8.3** akan diambil kira dalam jumlah keseluruhan jam kredit yang didaftar oleh pelajar bagi setiap semester.

## 9. TEMPOH PENGAJIAN

9.1 Tempoh pengajian di universiti ialah seperti berikut (Pindaan Senat Bil 02/2019 ke 178):

| Program | Tempoh Pengajian | |
|---|---|---|
| | Minimum | Maksimum |
| **3 tahun** | enam (6) semester | dua belas (12) semester |
| **3 1/2 tahun** | tujuh (7) semester | tiga belas (13) semester |
| **4 tahun** | lapan (8) semester | empat belas (14) semester |
| **5 tahun (Ijazah Doktor Perubatan)** | sepuluh (10) semester | empat belas (14) semester |

**Nota:** Pelajar yang melengkapkan pengajian kurang daripada tempoh minimum atau melebihi tempoh maksimum adalah tertakluk kepada keperluan ketetapan akreditasi lembaga profesional dan kelulusan Senat.

9.2 Permohonan untuk melanjutkan tempoh pengajian melebihi tempoh maksimum atau memendekkan tempoh minimum pengajian seperti dalam **perkara 9.1 hendaklah diperakukan oleh pihak fakulti**. **Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.**

9.3 Bagi kes **pelajar Gagal dan Diberhentikan (GB)** yang diluluskan oleh Senat untuk meneruskan pengajian, tempoh pengajian masih mengambil kira tahun kemasukan bagi seseorang pelajar.

## 10. SISTEM PENILAIAN

### 10.1 Kaedah Penilaian

10.1.1 Pentaksiran kursus lazimnya dibuat secara berterusan melalui penilaian (bertulis/lisan), tugasan dan lain-lain bentuk kerja kursus.

10.1.2 Pelajar akan dihalang dari menduduki peperiksaan bagi sesuatu kursus sekiranya:

i. pelajar tidak memenuhi keperluan kehadiran ke aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh universiti;
ii. pelajar tidak mempunyai Slip Menduduki Peperiksaan Akhir yang ditetapkan oleh universiti.

10.1.3 Penilaian kursus adalah terbahagi kepada penilaian berterusan dan penilaian akhir. Peratusan bagi dua penilaian adalah tertakluk kepada sama ada standard program terkini, badan profesional atau **Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia yang terkini.**

### 10.2 Klasifikasi Gred

10.2.1 Klasifikasi gred adalah berpandukan ketetapan oleh Senat Universiti yang terpakai ke atas kesemua pelajar prasiswazah.

Penilaian kursus tanpa gred boleh diberi simbol seperti berikut:

**L/G (Lulus/Gagal)**
Diberikan bagi kursus tertentu yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya catatan Lulus atau Gagal sahaja. Kredit diambil kira untuk tujuan bergraduat kecuali kredit bagi Kursus Pengukuhan.

**TL (Tidak Lengkap)**
Diberikan dengan Kelulusan Senat kepada kursus tidak dapat menyelesaikan keperluan kursus kerana alasan munasabah. Pelajar perlu melengkapkan keperluan sepenuhnya selewat-lewatnya pada **minggu keempat (ke-4)** selepas berakhirnya semester tersebut untuk mendapatkan penilaian penuh dan gred. Sekiranya pelajar masih mempunyai klasifikasi gred TL dalam penilaian sesuatu semester, pelajar tidak boleh diberi Anugerah Dekan dan GB. Keputusan penilaian yang dijana adalah tidak muktamat. Bagi kursus Latihan Industri sahaja, tempoh tersebut dilanjutkan kepada **minggu kelapan (ke-8)** selepas semester berakhir untuk mendapatkan penilaian penuh dan gred.

**TLK (Tidak Lengkap Khas)**
Diberikan dengan kelulusan Senat kepada kursus yang tidak melengkapkan keperluan kursus sepenuhnya selepas minggu keempat (ke-4) berakhirnya sesuatu semester tetapi tidak melangkaui dua semester kerana alasan munasabah.

**PK (Pindah Kredit tanpa Gred)**
Simbol ini dicatat dalam transkrip pelajar bagi senarai kursus yang mendapat kelulusan pemindahan kredit daripada Dekan Fakulti.

**PG (Pindah Kredit dengan Gred)**
Simbol ini dicatat dalam slip/transkrip pelajar bagi senarai kursus yang telah diluluskan pemindahan gred.

**U (Audit)**
Taraf dan gred U akan diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan mengikuti kursus Audit (U) dengan kehadiran sekurang-kurangnya 80% dan ke atas. Pendaftaran atau pertukaran status ke kursus Audit hendaklah dilakukan sebelum atau pada **minggu keempat (ke-4)** semester.

**KK (Kes Gangguan Kesihatan)**
Diberi kepada pelajar yang terhenti pengajiannya bagi sesuatu semester atas sebab kes gangguan kesihatan berasaskan laporan perubatan yang diiktirafkan oleh Universiti.

**TD (Tarik Diri)**
Diberi kepada pelajar yang telah diluluskan untuk berhenti secara sukarela daripada meneruskan pengajian di UNIMAS.

**KT (Kursus Tambahan)**
Diberi kepada kursus yang diikuti oleh pelajar sebagai tambahan kepada kursus yang diwajibkan. Pelajar mengikuti dan mengambil penilaian bagi kursus berkenaan. Nilai Gred bagi Kursus ini akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK tetapi bilangan kredit kursus tambahan tidak diambil kira bagi maksud pengijazahan. Pendaftaran atau pertukaran status ke Kursus Tambahan hendaklah dilakukan selewat-lewatnya pada **minggu kedua (ke-2)** sesuatu semester.

**Rn (Kursus Ulangan)**
Simbol ini dicatat dalam slip keputusan semester bagi kursus yang telah diulang selepas diambil tetapi gagal. Hanya kredit dan nilai gred terkini kursus yang diulangi akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Simbol **n** selepas huruf **R** adalah menunjukkan beberapa kali kursus berkenaan telah diulang.

**KBn (Kursus Baiki)**
Simbol ini dicatatkan bagi kursus yang diambil untuk memperbaiki gred bagi kursus yang pernah diambil sebelumnya. Gred terbaik akan diambil kira untuk pengiraan PNG dan PNGK. Simbol **n** selepas huruf **K B** adalah menunjukkan berapa kali kursus berkenaan telah dibaiki.

10.2.2 Gred dan nilai gred yang diberi bagi sesuatu kursus adalah seperti dalam jadual berikut:

| Gred | Julat Markah | Nilai Gred | Taraf Pencapaian Kursus Teras/ Generik/Elektif/MPU/ Pengukuhan |
|---|---|---|---|
| A | 80-100 | 4.00 | **Lulus Cemerlang** |
| A- | 75-79 | 3.67 | |
| B+ | 70-74 | 3.33 | **Lulus Kepujian** |
| B | 65-69 | 3.00 | |
| B- | 60-64 | 2.67 | **Lulus Baik** |
| C+ | 55-59 | 2.33 | |
| C | 50-54 | 2.00 | |
| C- | 45-49 | 1.67 | **Lulus** |
| D | 40-44 | 1.00 | **Gagal** |
| F | < 40 | 0.00 | |

**Jadual Gred di atas adalah berkuatkuasa ke atas pelajar kemasukan sesi akademik 2015/2016 dan ke atas.** Gred C- dengan julat markah di antara 45-49 dan nilai gred 1.67 dikira sebagai LULUS bagi semua taraf kursus.

Walau bagaimanapun, gred lulus untuk sesuatu kursus adalah tertakluk kepada taraf kursus yang ditetapkan oleh sesuatu program/fakulti.

Bagi program pengajian yang menetapkan keperluan gred selain daripada Jadual Gred di atas, rujuk Buku Panduan Akademik Fakulti masing-masing.

## 10.3 Keputusan Penilaian

10. 3.1 Pencapaian seseorang pelajar bagi sesuatu semester ditunjukkan dengan Purata Nilai Gred (PNG). Pencapaian keseluruhan pelajar dalam sesuatu program ditunjukkan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Kaedah pangiraan PNG dan PNGK adalah seperti berikut:

**Purata Nilai Gred (PNG)**

$$\textbf{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred dalam sesuatu semester}}{\text{Jumlah Kredit semua kursus untuk semester tersebut}}$$

Di mana:

Jumlah Nilai Gred = Nilai Gred x Kredit Kursus

**Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)**

$$\textbf{PNGK} = \frac{\text{Jumlah semua Nilai Gred dalam sesuatu semester}}{\text{Jumlah semua Kredit semua kursus untuk semester berkenaan}}$$

Contoh pengiraan PNG dan PNGK adalah seperti di **Lampiran 2.**

10.3.2 Semua kursus diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK kecuali kursus yang tidak diberi gred. Keputusan penilaian bagi pelajar yang mendapat gred **Tidak Lengkap** bagi sesuatu kursus adalah tidak muktamad sehingga gred sebenar disahkan oleh Senat.

10.3.3 Gred dan nilai gred muktamad bagi setiap kursus pada setiap semester yang diperolehi oleh seesorang pelajar akan dicatat dalam rekod akademiknya. Pelajar yang mendapat **PNG 3.50 dan ke atas** untuk satu-satu semester dengan mengambil minimum **dua belas (12) kredit** dan bergred layak dianugerahkan Sijil Kepujian Dekan.

Kepujian Dekan tidak layak diberikan kepada pelajar berikut:

i) Mempunyai klasifikasi gred **Tidak Lengkap** dalam keputusan penilaian pada satu-satu semester.

ii) Melebihi tempoh minimum pengajian (kecuali pelajar yang telah menjalani program mobiliti.

### 10.4 Penilaian Ulangan Khas

10.4.1 Penilaian Ulangan Khas (PUK) ialah penilaian khas bagi sesuatu kursus yang gagal pada tahun terakhir pengajian dan dibenarkan untuk mengambil PUK maksimum dua (2) kursus sahaja per semester untuk tujuan bergraduat. Walaubagaimanapun, PUK tidak dibenarkan untuk diambil bagi kursus latihan industri dan projek tahun akhir.

10.4.2 Pelajar yang layak hendaklah mengemukakan permohonan kepada Dekan Fakulti yang menawarkan kursus berkenaan dengan menyertakan bayaran yuran per kredit yang ditetapkan.

10.4.3 Permohonan pelajar untuk menduduki penilaian ulangan khas adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti kecuali untuk pelajar berikut:

i) Pelajar yang telah disekat menduduki peperiksaan akhir; atau
ii) Tidak hadir peperiksaan akhir; atau
iii) Melakukan kesalahan akademik ketika peperiksaan akhir.

10.4.5 Penilaian Ulangan Khas (PUK) adalah setara dengan topik peperiksaan akhir semester. Markah keseluruhan termasuk PUK dan penilaian berterusan.

### 10.5 Penangguhan Penilaian

10.5.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi masalah lain sewaktu penilaian diadakan, boleh memohon kepada Fakulti untuk menangguhkannya. Permohonan tersebut hendaklah dibuat tidak lewat dari **empat puluh lapan (48) jam** selepas penilaian itu diadakan.

10.5.2 Permohonan untuk menangguhkan penilaian atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan sijil perubatan daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti sahaja. Mana-mana perakuan lain yang bukan Doktor Panel Universiti mestilah diperaku oleh Doktor Panel Universiti. Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Fakulti. Penilaian gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tertentu.

**10.6 Rayuan Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus**

10.6.1 Rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian sesuatu kursus hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti berkenaan pada tarikh yang ditetapkan dengan mengemukakan resit bayaran bersama-sama dengan permohonan.

10.6.2 Keputusan penilaian semula hendaklah disahkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti dan Jawatankuasa Tetap Senat Perancangan dan Pembangunan Akademik (JTSPPA) sebelum dikemukakan untuk kelulusan Senat.

10.6.3 Setiap keputusan yang dibuat berpandukan kaedah ini adalah **muktamad** dan **tiada** rayuan akan dilayan selepas pengesahan Senat.

**10.7 Pengumuman Keputusan Penilaian Semester**

10.7.1 Keputusan pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester akan diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

10.7.2 Keputusan penilaian pelajar boleh diakses dan dimuat turun secara atas talian tertakluk kepada penjelasan hutang dengan Universiti.

10.7.3 Pelajar adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Universiti dari semasa ke semasa sebarang perubahan maklumat peribadi pelajar bagi tujuan pengemaskinian data dan rekod dengan mengemaskinikan sendiri maklumat tersebut secara atas talian.

## 11. STATUS AKADEMIK PELAJAR

11.1 Keputusan penilaian semester (kecuali bagi Program Perubatan yang berdasarkan keputusan akhir tahun) akan menentukan kelayakan seorang pelajar untuk meneruskan pengajian. Seseorang pelajar boleh diberi status **Lulus, Lulus Mengulang Kursus (LMK), Lulus Bersyarat (LB), Lulus Bersyarat Mengulang Kursus (LBMK) dan Gagal dan Diberhentikan (GB).**

11.1.1 **Lulus (L)**
Pelajar diberi status **Lulus** dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat **PNGK 2.00 atau lebih kecuali** bagi Program Perubatan yang mempunyai syarat-syarat tambahan seperti yang telah ditetapkan di Fakulti berkenaan.

11.1.2 **Lulus Mengulang Kursus (LMK)**
Pelajar diberi status **Lulus Mengulang Kursus** jika mendapat **PNGK 2.00 atau lebih** tetapi **Gagal** dalam sesuatu kursus dan perlu mengulang semula kursus berkenaan.

11.1.3 **Lulus Bersyarat (LB) dan Lulus Bersyarat Mengulang Kursus (LBMK)**

11.1.3.1 **Lulus Bersyarat (LB)**
Pelajar diberi status **Lulus Bersyarat** jika mendapat **PNGK di antara 1.75 dan 1.99.** Pelajar sedemikian akan diberi amaran supaya meningkatkan PNG dan PNGKnya ke paras 2.00 atau lebih pada semester berikutnya.

11.1.3.2 **Lulus Bersyarat Mengulang Kursus (LBMK)**
Pelajar diberi status Lulus Bersyarat Mengulang Kursus (LBMK) jika mendapat PNGK di antara 1.75 dan 1.99 dan **Gagal** dalam

sesuatu kursus dan perlu mengulang semula kursus berkenaan. Pelajar sedemikian akan diberi amaran supaya meningkatkan PNG dan PNGKnya ke paras 2.00 atau lebih pada semester berikutnya.

11.1.4 Gagal dan Diberhentikan (GB)

Pelajar diberi status Gagal dan Diberhentikan (GB) jika:

a) Mendapat **PNGK kurang dari 1.75** pada sesuatu semester; atau
b) Gagal meningkatkan PNGK ke paras 2.00 atau lebih setelah mendapat taraf **Lulus Bersyarat** pada semester sebelumnya; atau
c) Gagal meningkatkan **PNGK ke paras 2.00** atau lebih setelah mendapat status **Gagal dan Diberhentikan (GB)** pada semester sebelumnya dan dibenar untuk meneruskan semula pengajian; atau
d) Pelajar yang masih mempunyai gred TL dalam penilaian sesuatu semester tidak boleh diberi status Gagal Diberhentikan.

Bagi Program Perubatan, rujuk Buku Panduan Akademik Program Perubatan.

11.1.5 **Gagal dan Mengulang Tahun (Program Perubatan sahaja)**

Pelajar yang gagal lebih daripada **dua (2)** blok/dua penempatan pengajian dalam **satu (1)** tahun pengajian perlu mengulang tahun pengajian kecuali Tahun Satu. (Rujuk Buku Panduan Akademik Program Perubatan)

## 11.2 Mengulang Untuk Menebus Kursus Gagal

11.2.1 Pelajar yang gagal dalam **Kursus Teras boleh mengulang semula kursus** tersebut tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan.

11.2.2 Pelajar yang gagal dalam kursus Elektif, Generik dan MPU hendaklah mengulang semula kursus tersebut sehingga lulus.

a) Kursus Elektif yang gagal boleh diulang atau diganti dengan mana-mana kursus Elektif universiti lain. Walau bagaimanapun, kredit kursus yang gagal itu akan diambil kira dalam pengiraan PNGK.
b) Kursus Generik Bahasa Inggeris yang gagal boleh diulang dan diganti dengan mana-mana kursus generik Bahasa Inggeris yang setara.

11.2.3 Kursus yang gagal itu boleh ditebus dengan kursus lain di bawah kategori yang sama sekiranya kursus tersebut tidak ditawarkan lagi.

11.2.4 Pelajar yang telah memenuhi keperluan jumlah kredit untuk bergraduat tetapi masih mengambil kursus elektif tambahan dan mendapat keputusan gagal bagi kursus tersebut tidak perlu mengulang semula kursus berkenaan. Walau bagaimanapun, kredit dan nilai gred kursus yang gagal ini akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

11.2.5 Bagi setiap kursus diulang, hanya gred yang terkini diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Gred lain dicatat sebagai rekod sahaja.

11.2.6 Bagi setiap kursus teras elektif/opsyen program yang gagal dan mengulang kursus yang sama, hanya gred yang terkini diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Kursus teras elektif/opsyen program yang gagal boleh diulang atau diganti dengan mana-mana kursus teras elektif/opsyen program yang lain. Walau bagaimanapun, kredit kursus yang gagal akan diambilkira ke dalam pengiraan PNG dan PNGK.

11.2.7 Pelajar perlu membayar yuran bagi setiap kali kursus diulang atau diganti. Yuran Kursus Ulangan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar menggugurkan kursus tersebut selepas minggu keempat (ke-4) perkuliahan.

**11.3 Mengulang Untuk Memperbaiki Gred/PNGK**

11.3.1 Pelajar boleh mengulang sesuatu kursus Teras/Elektif/Generik/MPU yang telah lulus untuk memperbaiki gred kursus berkenaan, tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Pusat.

11.3.2 Pelajar boleh mengulang semula sehingga mendapat gred yang memuaskan dalam tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.

11.3.3 Gred yang terbaik diambil kira dalam pengiraan PNG/PNGK.

11.3.4 Pelajar perlu membayar yuran bagi setiap kali kursus diulang /dibaiki. Yuran Kursus Baiki tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar menggugurkan kursus tersebut.

## 12. ETIKA AKADEMIK

12.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti boleh dikenakan hukuman berpandukan kepada **Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2012)** dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar Pelajar) 1999.

12.2 Pelajar yang **disabitkan kesalahan tatatertib** tidak layak mendapat Kepujian Dekan bagi semester berkenaan walaupun telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan pada Perkara 10.3.3.

12.3 Pelajar perlu mematuhi Peraturan Kecil Penilaian Fakulti yang berkuat kuasa.

## 13. PENANGGUHAN PENGAJIAN

13.1 Pelajar berdaftar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian dengan kelulusan Dekan sebelum penghujung minggu kedua (ke-2) sesuatu semester. Permohonan penangguhan pengajian pelajar boleh dipohon untuk satu semester bagi satu sesi pengajian. Permohonan penangguhan pengajian pelajar hendaklah dipohon setiap semester sekiranya melebihi satu semester. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk pelajar menangguh pengajian adalah **terhad kepada tiga (3) kali** sahaja **(tiga (3) semester)** sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya penangguhan pengajian pelajar selain dari kes kesihatan melebihi tiga (3) semester, pelajar tersebut akan diberi status Diberhentikan dari Pengajian.

13.2 Permohonan penangguhan **selepas minggu kedua (ke-2)** pengajian dalam sesuatu semester tidak akan dipertimbangkan **kecuali kes gangguan kesihatan sahaja. Tempoh penangguhan pengajian ini tidak akan diambil kira dalam tempoh maksimum pengajian pelajar**.

13.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Dekan fakulti. Dalam kes seperti ini perakuan daripada Doktor Perubatan adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada Doktor Perubatan boleh dipertimbangkan dalam kes tertentu selepas pelajar berkenaan menjalani rawatan Doktor

Perubatan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kelulusan untuk mendaftar semula adalah tertakluk kepada Doktor Perubatan yang berkenaan.

13.2.2 Doktor Perubatan yang merawat pelajar berkenaan mestilah terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pakar Perubatan Universiti, Doktor Universiti, Doktor Panel Universiti atau doktor lain yang diiktiraf oleh Universiti.

13.2.3 Bagi pelajar yang telah menangguh pengajian atas sebab kes gangguan kesihatan melebihi empat (4) semester akan dirujuk kepada Jawatankuasa Perubatan Universiti. Sama ada pelajar tersebut layak untuk meneruskan pengajian atau tidak. Jawatankuasa Perubatan Universiti juga boleh untuk menyarankan agar pelajar tersebut menukar program pengajian.

13.2.4 Seseorang pelajar aktif yang menghadapi masalah selain daripada perkara 13.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian sebelum penghujung minggu ketiga belas (13) untuk sesuatu semester tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti, dan **tempoh pengangguhan ini akan diambil kira dalam tempoh maksimum pengajian pelajar**.

13.2.5 Pelajar yang telah diberi penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti selama tempoh penangguhan tersebut.

13.2.6 Pelajar semasa yang telah diluluskan penangguhan pengajian, layak untuk menuntut semula yuran pengajian yang telah dibayar kecuali yuran takaful. Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Bendahari. Kelulusan jumlah bayaran adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh universiti.

13.2.7 Pelajar baharu yang diluluskan untuk tangguh pengajian sebelum minggu pertama, **semua yuran** akan dikembalikan **kecuali** Yuran Tidak Berulang dan yuran takaful.

13.2.8 Pelajar semasa yang telah diluluskan penangguhan pengajian, layak untuk menuntut semula yuran pengajian yang telah dibayar kecuali yuran takaful. Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Bendahari. Kelulusan jumlah bayaran adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh universiti.

13.2.9 Bagi pelajar yang belum membuat pembayaran yuran universiti serta belum mendaftar sebagai pelajar aktif dan ingin membuat permohonan tangguh pengajian **sebelum penghujung minggu kedua (ke-2) perkuliahan** tidak akan dikenakan bayaran yuran pengajian bagi semester tersebut. **Manakala, bagi permohonan tangguh pengajian selepas minggu kedua (ke-2) perkuliahan, selain disebabkan kes kesihatan, pemohon perlu membayar yuran pengajian semester tersebut.**

## 14. GANTUNG PENGAJIAN

14.1 Pelajar yang tidak mendaftar dan tidak memohon penangguhan sebelum berakhirnya minggu kedua (ke-2) akan digantung pengajian pada semester berkenaan. Pelajar mesti mendaftar semula pada semester berikutnya.

14.2 Pelajar yang telah mendaftar semester tetapi tidak mendaftar kursus yang ditawarkan pada semester tersebut serta tidak memohon tangguh pengajian akan digantung pengajian pada semester berkenaan. Pelajar yang digantung pengajian bagi maksud klausa ini hendaklah mendaftar semula pada semester berikut untuk meneruskan pengajian.

14.3 Keputusan universiti untuk menggantung pengajian pelajar di bawah Perkara 14.1 dan 14.2 adalah muktamad dan pelajar tidak dibenarkan untuk membuat permohonan tangguh pengajian selepas digantung pengajian kecuali kes gangguan kesihatan. Pengecualian adalah merujuk kepada perkara 13.2.

14.4 Pelajar yang telah digantung pengajian melebihi tiga (3) semester sepanjang tempoh pengajian akibat daripada sebab-sebab yang terkandung pada Perkara 14.1 dan 14.2 akan diberi status Diberhentikan dari pengajian.

14.5 Tempoh gantung pengajian diambil kira dalam pengiraan tempoh maksimum pengajian pelajar keseluruhannya.

14.6 Pelajar boleh digantung daripada pengajian sekiranya pelajar didapati bersalah melakukan kesalahan tatatertib dan dikenakan hukuman gantung pengajian untuk tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti. Pelajar tidak layak menuntut balik yuran pengajian termasuk yuran universiti.

## 15. BERHENTI DARI PENGAJIAN

15.1 Pelajar akan diberhentikan dari pengajian apabila:

i) Pelajar gagal mendaftar semula sebelum penghujung minggu kedua (ke-2) perkuliahan semester semasa, setelah diberi status gantung pengajian pada semester sebelumnya, serta tidak memohon penangguhan pengajian pada semester berkenaan; atau
ii) Pelajar telah menangguh pengajian selain dari kes gangguan kesihatan melebihi tiga (3) semester sepanjang tempoh pengajian (Rujuk Perkara 13.1); atau
iii) Pelajar yang telah digantung pengajian melebihi (3) semester sepanjang tempoh pengajian (Rujuk Perkara 14.4); atau
iv) Pelajar telah melebihi tempoh maksimum pengajian; atau
v) Pelajar telah dikenakan hukuman dipecat daripada Universiti setelah disabitkan bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar Universiti kerana melakukan kesalahan tatatertib akademik.

## 16. PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN (dalam fakulti yang sama)

16.1 Pelajar yang telah mengesahkan pendaftaran dalam sesuatu program pengajian **TIDAK DIBENARKAN** bertukar program kecuali dengan syarat – syarat berikut:

(i) Pelajar telah menamatkan **satu (1)** semester pengajian;
(ii) Memperolehi PNGK sekurang – kurangnya 1.75;
(iii) Memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian ;
(iv) Bergantung kepada kekosongan dalam program yang dipohon;
(v) Pelajar mendapat kelulusan program yang menerima dan mendapat pelepasan dari program asal;
(vi) Perpindahan program hanya dibenarkan sekali (1 kali) sahaja sepanjang tempoh pengajian;
(vii) Jumlah tempoh pengajian pelajar tidak melebihi tempoh maksimum semasa pertukaran program dipohon;
(viii) Permohonan pertukaran program baharu yang melebihi tempoh maksimum adalah tertakluk kepada kelulusan Senat;
(xi) Pelajar dibenarkan memohon pertukaran ke mana – mana program pengajian Ijazah Sarjana Muda di UNIMAS kecuali ke program Ijazah Doktor Perubatan.

16.2 Kebenaran untuk bertukar program dalam Fakulti yang sama dan penentuan semester untuk memulakan program baru yang terlibat adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.

16.3 Gred penilaian kursus –kursus yang telah diikuti dalam program sebelumnya akan lupus kecuali kursus yang diluluskan untuk pemindahan gred oleh program penerima.

16.4 Permohonan pertukaran program boleh dibuat selewat – lewatnya pada penghujung minggu kedua (ke-2) perkuliahan sesuatu semester. Permohonan selepas minggu kedua (ke-2) hanya akan dipertimbangkan untuk pertukaran pada semester berikutnya. Permohonan hendaklah disertakan dengan resit bayaran yuran pemprosesan yang ditetapkan oleh pihak universiti.

## 17. PERTUKARAN FAKULTI

17.1 Pelajar yang telah mengesahkan pendaftaran dalam sesuatu fakulti **TIDAK DIBENARKAN** bertukar Fakulti kecuali dengan syarat – syarat berikut:

(a) Pelajar telah menamatkan **satu (1)** semester pengajian;
(b) Memperolehi PNGK sekurang – kurangnya 1.75;
(c) Memenuhi syarat am dan syarat khas program pengajian;
(d) Bergantung kepada kekosongan dalam program yang dipohon;
(e) Pelajar mendapat kelulusan Fakulti yang menerima dan mendapat pelepasan dari Fakulti asal;
(f) Perpindahan Fakulti hanya dibenarkan sekali (1 kali) sahaja sepanjang tempoh pengajian;
(g) Jumlah tempoh pengajian pelajar tidak melebihi tempoh maksimum semasa pertukaran Fakulti dipohon;
(h) Pelajar dibenarkan memohon pertukaran ke mana – mana Fakulti pengajian Ijazah Sarjana Muda di UNIMAS kecuali ke program Ijazah Doktor Perubatan;

17.2 Gred penilaian kursus –kursus yang telah diikuti dalam program di Fakulti sebelumnya akan lupus kecuali kursus yang diluluskan untuk pemindahan gred oleh Fakulti penerima.

17.3 Permohonan pertukaran program boleh dibuat selewat – lewatnya pada penghujung minggu kedua (ke-2) perkuliahan sesuatu semester. Permohonan selepas minggu kedua (ke-2) hanya akan dipertimbangkan untuk pertukaran pada semester berikutnya. Permohonan hendaklah disertakan dengan resit bayaran yuran pemprosesan yang ditetapkan oleh universiti.

## 18. PERTUKARAN UNIVERSITI

18.1 Pelajar yang telah mengesahkan pendaftaran dalam sesuatu program di Universiti Malaysia Sarawak TIDAK DIBENARKAN bertukar program ke universiti lain. Jika pelajar ingin mendaftar di universiti lain, pelajar tersebut hendaklah memohon untuk menarik diri daripada mengikuti program pengajiannya dengan membuat permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti. Surat kelulusan menarik diri akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah tertakluk kepada penjelasan hutang kepada Universiti.

## 19. RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN

19.1 Pelajar tempatan yang diberi status Gagal dan Diberhentikan (GB) bagi sesuatu semester boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

19.2 Hanya pelajar tempatan yang berstatus **GB** kali pertama sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan meneruskan pengajian. Pelajar antarabangsa yang ingin meneruskan pengajian hendaklah mengemukakan permohonan kemasukan yang baharu.

19.3 Setiap rayuan bersama yuran pemprosesan hendahklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dalam tempoh **yang ditetapkan** selepas Senat meluluskan keputusan peperiksaan semester berkenaan. Yuran pemprosesan rayuan hendaklah disertakan dengan resit bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

19.4 Pelajar boleh mengemukakan surat sokongan daripada Pegawai Psikologi yang berkelayakan/setaraf (jika perlu) sebagai dokumen sokongan rayuan.

19.5 Pelajar yang diterima rayuan untuk meneruskan pengajian selepas status GB akan ditawarkan semula secara *clean slate.*

## 20. MENARIK DIRI DARI PENGAJIAN

20.1 Seseorang pelajar boleh menarik diri daripada mengikuti program pengajiannya dengan membuat permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti. Surat kelulusan menarik diri akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengajian Prasiswazah.

20.2 Notis Peringatan akan dikeluarkan kepada pelajar yang memohon untuk menarik diri bagi pelajar menyelesaikan segala tunggakan hutang kepada universiti. Surat kelulusan tarik diri hanya dikeluarkan setelah pelajar melunaskan semua tunggakan hutang kepada universiti.

20.3 Pelajar yang telah diluluskan menarik diri daripada pengajian, layak untuk menuntut semula yuran universiti yang telah dibayar kecuali yuran takaful. Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Bendahari dan kelulusan jumlah bayaran adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh universiti.

20.4 Pelajar baharu yang diluluskan untuk menarik diri sebelum minggu pertama, yuran universiti kecuali Yuran Tidak Berulang akan dikembalikan.

20.5 Keputusan Universiti untuk meluluskan penarikan diri pelajar pelajar daripada pengajian adalah **muktamad** dan pelajar tidak dibenarkan untuk membuat pembatalan atau penarikan semula permohonan yang telah diluluskan tersebut.

## 21. PENGANUGERAHAN IJAZAH

21.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk bergraduat dan dianugerahkan **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:**

(a) **Lulus semua kursus yang disyaratkan** bagi program berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan;
(b) Mencapai **PNGK sekurang-kurangnya 2.00;**
(c) Melengkapkan sejumlah kredit yang ditetapkan oleh Senat;
(d) Memenuhi semua kehendak Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian;
(e) Diperakui supaya dianugerahkan Ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti serta disahkan oleh Senat;
(f) Memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh Senat;
(g) Syarat klasifikasi Penganugerahan Kepujian Ijazah Sarjana Muda adalah atas pertimbangan Senat.

21.2 Penganugerahan akademik secara *aegrotat* dan anumerta *(posthumous)* adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Pelajar memenuhi sekurang-kurangnya 75% keperluan bergraduat dalam program pengajiannya.
(b) Berstatus Lulus (L) pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
(c) Pelajar memperoleh PNGK 2.00 dan ke atas dalam setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya.

21.3 Klasifikasi Ijazah adalah seperti berikut:

2.1.4.1 Berkuatkuasa sebelum Semester 1 Sesi 2020/2021

| Ijazah | PNGK |
|---|---|
| Ijazah Pertama | 3.70 ke atas |
| Ijazah Kedua Atas | 3.00 – 3.69 |
| Ijazah Kedua Bawah | 2.00 – 2.99 |

21.4.2 Berkuatkuasa mulai Semester 1 Sesi 2020/2021 dan seterusnya

| Ijazah | PNGK |
|---|---|
| Ijazah Pertama | 3.67 ke atas |
| Ijazah Kedua Atas | 3.00 – 3.66 |
| Ijazah Kedua Bawah | 2.00 – 2.99 |

## 22 YURAN

22.1 Pelajar dikehendaki membayar yuran universiti yang telah ditetapkan sepenuhnya sebelum atau pada waktu pendaftaran.

22.2 Butiran yuran yang perlu dijelaskan oleh pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada hebahan kadar yuran terkini setiap semester.

22.3 Pelajar yang mendaftar kursus Tambahan/Baiki/Ulangan/Audit di samping kursus semasa akan dikenakan yuran berdasarkan jumlah kredit yang diambil.

22.4 Yuran berdasarkan kredit yang diambil juga akan dikenakan kepada pelajar yang mengambil **sebelas (11) kredit dan ke bawah pada semester akhir tahun akhir pengajian**. Pelajar semester akhir tahun akhir pengajian perlu menjelaskan keseluruhan yuran sebelum memohon kelulusan bagi mendapatkan pembayaran yuran per kredit. Kadar yuran berdasarkan jumlah kredit adalah seperti di Perkara 22.3.

22.5 Pembayaran yuran untuk Kursus Baiki/Ulangan/Tambahan/Audit hendaklah dibuat di Pejabat Bendahari dan resit perlu dikemukakan ke Bahagian Pengajian Prasiswazah sebelum atau pada **minggu keempat (ke-4)** pada semester semasa. Permohonan yang dibuat selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**Lampiran 1:**

**Tatacara Pendaftaran Pelajar Semasa**

| Minggu Perkuliahan | Peruntukan |
|---|---|
| Minggu Pertama | Pelajar dikenakan bayaran pendaftaran lewat mengikut kadar yang telah ditetapkan. |
| Minggu ke-2 | i) Pelajar perlu memohon kelulusan secara bertulis kepada Dekan Fakulti; dan<br>ii) Pelajar dikenakan bayaran pendaftaran lewat mengikut kadar yang telah ditetapkan. |
| Minggu ke-3 dan seterusnya | Digantung pengajian (tanpa alasan munasabah) |

**Tatacara Pendaftaran Antarsesi**

| Minggu Perkuliahan | Peruntukan |
|---|---|
| Minggu Pertama | Pelajar dikenakan bayaran pendaftaran lewat mengikut kadar yang telah ditetapkan. |
| Minggu ke-2 | Pendaftaran dengan kebenaran Dekan dan bayaran pendaftaran lewat dikenakan mengikut kadar yang telah ditetapkan. |

**Lampiran 2:**

**Contoh Pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)**

**1. Pengiraan Purata Nilai Gred (PNG)**

Semester 1

| Kod Kursus | Kredit | Gred | Nilai Gred | Jumlah Nilai Gred |
|---|---|---|---|---|
| EBM1013 | 3 | B+ | 3.33 | 9.99 |
| EBQ1013 | 3 | B | 3.00 | 9.00 |
| EBF1013 | 3 | A- | 3.67 | 11.01 |
| SSX0012 | 2 | A | 4.00 | 8.00 |
| | **11** | | | **38.00** |

**Purata Nilai Gred (PNG)**

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah nilai gred dalam sesuatu semester}}{\text{Jumlah kredit semua kursus untuk semester berkenaan}}$$

$$= \frac{38.00}{11}$$

$$= 3.45$$

**2. Pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)**

Semester 1

| Kod Kursus | Kredit | Gred | Nilai Gred | Jumlah Nilai Gred |
|---|---|---|---|---|
| EBF1023 | 3 | B | 3.00 | 9.00 |
| EBQ1023 | 3 | B- | 2.67 | 8.01 |
| PBF1012 | 2 | A | 4.00 | 8.00 |
| SSX0022 | 2 | A | 4.00 | 8.00 |
| | **11** | | | **33.01** |

$$PNG = \frac{\text{Jumlah semua nilai gred yang diperolehi hingga kini}}{\text{Jumlah semua kredit yang diambil hingga kini}}$$

$$= \frac{38.00 + 33.01}{11 + 10}$$

$$= \frac{71.01}{21}$$

$$= 3.38$$

**Lampiran 3:**

**Kadar Bayaran Denda dan Yuran Pemprosesan**

**A. Bayaran Denda**

| Bil | Jenis Denda | Jumlah Bayaran |
|---|---|---|
| 1. | Daftar lewat pelajar semasa | RM100.00 |
| 2. | Daftar kursus luar tempoh dengan kelulusan Dekan<br>- Semester 1 dan 2 mulai minggu kelima (ke-5) sehingga minggu keenam (ke-6) perkuliahan<br>- Antarsesi pada minggu kedua (ke-2) perkuliahan sahaja | RM100.00 per kursus |
| 3. | Gugur kursus luar tempoh dengan kelulusan Dekan<br>- Semester 1 dan 2 mulai minggu kelima (ke-5) sehingga minggu kelapan (ke-8) perkuliahan<br>- Antarsesi pada minggu kedua (ke-2) sehingga minggu keempat (ke-4) perkuliahan sahaja | RM100.00 per kursus |

**Nota:**
Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama-sama surat / borang permohonan yang telah ditetapkan.

**B. Yuran Pemprosesan**

| Bil | Jenis Permohonan | Jumlah Bayaran |
|---|---|---|
| 1. | Cetakan semula surat tawaran | RM5.00 |
| 2. | Cetakan semula slip keputusan penilaian | RM5.00 per slip |
| 3. | Cetakan semula Sijil Kepujian Dekan | RM5.00 per slip |
| 4. | Rayuan menyemak semula keputusan penilaian kursus | RM50.00 per kursus |
| 5. | Pertukaran Program Pengajian | RM100.00 |
| 6 | Pertukaran Fakulti | RM100.00 |
| 7. | Rayuan meneruskan pengajian | RM50.00 |
| 8. | Kursus Tambahan/Kursus Audit/Yuran per kredit | |

a) Pelajar Tempatan

| Aliran | Kursus Berkredit | Kursus Tidak Berkredit |
|---|---|---|
| Sastera | RM40.00 per kredit | RM40.00 per kursus |
| Sains / Kejururawatan | RM50.00 per kredit | RM50.00 per kursus |
| Perubatan | RM70.00 per kredit | RM70.00 per kursus |

b) Pelajar Antarabangsa

| Aliran | Kursus Berkredit | Kursus Tidak Berkredit |
|---|---|---|
| Sastera | RM120.00 per kredit | RM120.00 per kursus |
| Sains /Kejururawatan | RM150.00 per kredit | RM150.00 per kursus |
| Perubatan | RM210.00 per kredit | RM210.00 per kursus |

Nota: **Penilaian Ulangan Khas (PUK)** akan menggunakan pengiraan yuran per kredit seperti jadual di atas.

| Bil | Jenis Permohonan |
|---|---|
| 9. | Kursus Baiki/Ulangan |

a) Pelajar Tempatan

| Aliran | Kursus Berkredit | Kursus Tidak Berkredit |
|---|---|---|
| Sastera | RM30.00 per kredit | RM30.00 per kursus |
| Sains / Kejururawatan | RM40.00 per kredit | RM40.00 per kursus |
| Perubatan | RM60.00 per kredit | RM60.00 per kursus |

b) Pelajar Antarabangsa

| Aliran | Kursus Berkredit | Kursus Tidak Berkredit |
|---|---|---|
| Sastera | RM90.00 per kredit | RM900.00 per kursus |
| Sains / Kejururawatan | RM120.00 per kredit | RM120.00 per kursus |
| Perubatan | RM180.00 per kredit | RM180.00 per kursus |

**Nota:**
Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama-sama surat / borang permohonan yang telah ditetapkan.

**C. Kadar tuntutan semula yuran bagi penangguhan pengajian**

| Kadar Tuntutan | Butiran Tuntutan | |
|---|---|---|
| | **Minggu Perkuliahan** | **Pendaftaran Kursus** |
| 100% | Sehingga minggu 2 | Kursus tidak ditawarkan |
| 75% | Minggu 3 hingga 4 | Tidak menepati kredit minimum yang ditetapkan seperti dalam Perkara 4.2.2 |
| 50% | Minggu 5 hingga 10 | - |
| 0% | Selepas minggu 10 | - |

**Nota:** Pengiraan kadar tuntutan semula yuran pengajian dikira bermula daripada tarikh permohonan diterima daripada pelajar.

**D. Kadar tuntutan semula yuran bagi menarik diri dari pengajian**

| Kadar Tuntutan | Minggu Perkuliahan |
|---|---|
| 100% | Sehingga minggu 2 |
| 75% | Minggu 3 hingga 4 |
| 50% | Minggu 5 hingga 10 |
| 0% | Selepas minggu 10 |

**Nota:** Pengiraan kadar tuntutan semula yuran pengajian dikira bermula daripada tarikh permohonan diterima daripada pelajar.

**PINDAH KREDIT / GRED**

**1. PINDAH KREDIT TANPA GRED**

1.1 Atas kelulusan Fakulti, pelajar boleh memohon pindah kredit tanpa gred, tertakluk kepada syarat-syarat umum pindah kredit yang berikut:

a) Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah kredit ialah Gred C.

Bagi program-program akademik yang terikat dengan badan professional adalah tertakluk kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh badan profesional yang berkenaan.

b) Keputusan yang digunakan untuk pindah kredit tanpa gred hendaklah keputusan bagi diperolehi dalam masa lima (5) tahun yang terkini.

c) Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%;

d) Kandungan kursus yang dibenarkan untuk disetarakan tidak melebihi dua kursus jika digabungkan dan jumlah kredit tanpa gred tidak kurang daripada nilai kredit kursus yang akan disetarakan;

e) Nilai kredit kursus bagi program terdahulu mestilah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus bagi program yang diikuti; dan

f) Kursus yang dipohon untuk dipindahkan kredit tanpa gred mestilah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi.

1.2 Pindahan kredit tanpa gred untuk kelayakan Diploma ke Sarjana Muda secara menegak/*vertical* dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut:

| Peratusan Pindah Kredit (%) | Gred Minimum Kursus |
|---|---|
| 1 hingga 30 | Gred C |
| 31 hingga 50 | Gred B |

Bagi program-program akademik yang terikat dengan badan profesional, had pindahan kredit tanpa gred adalah tertakluk kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh badan profesional yang berkenaan.

1.3 Walau bagaimanapun, permohonan pindah kredit tanpa gred tidak dibenarkan bagi kes-kes berikut:

a) Semua kursus di peringkat Asasi/Matrikulasi ke program di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

b) Latihan Industri tidak dibenarkan untuk pemindahan kredit.

c) Kursus (MPU) pada peringkat Diploma kecuali bagi kursus di bawah kelompok U1 MPU seperti berikut:

i) Falsafah dan Isu Semasa
ii) Penghayatan Etika dan Peradaban

Pelajar hanya dibenarkan untuk memindah kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya pelajar telah memindah kredit bagi kursus MPU ini pada peringkat Diploma dan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda, pelajar tersebut diberikan pengecualian daripada mengambil kursus berkenaan dan perlu mengambil kursus lain untuk memenuhi jumlah jam kredit bergraduat.

Sebarang ketidaksepadanan dalam nilai kredit yang ditawarkan oleh IPT di bawah Kelompok U1 boleh diganti di mana pelajar mengambil kursus lain di bawah Kelompok U3 hingga U4 bagi memenuhi jumlah jam kredit bergraduat. Pengambilan kursus lain di bawah Kelompok U3 hingga U4 bagi memenuhi jumlah jam kredit bergraduat adalah seperti di Lampiran 1 - Jadual 1: Kursus MPU Sesi 2020/2021 Tahap SARJANA MUDA (Jumlah keseluruhan kredit: 10) yang berkuatkuasa mulai Semester 1, Sesi 2021/2022.

## 2. PINDAH KREDIT DENGAN GRED

2.1 Tertakluk kepada kelulusan pihak Fakulti/Pusat, permohonan Pindah Kredit dengan Gred oleh pelajar, hanya dibenarkan bagi situasi- situasi yang berikut:

a) Bagi pelajar yang sedang mengikuti program di UNIMAS:
i. Pelajar bertukar program pengajian di UNIMAS.
ii. Pelajar yang mengikuti program mobiliti.

b) Bagi pelajar sedang mengikuti program IPT lain
i. Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di UNIMAS pada peringkat dan program sama.
ii. Pelajar daripada IPT lain menyambung pengajian di UNIMAS pada peringkat yang sama program yang berlainan.

2.2 Bagi permohonan Pindah Kredit dengan Gred, syarat-syarat umum yang berikut perlulah dipatuhi:

a) Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah ialah Gred C;

b) Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%;

c) Kandungan kursus yang dibenarkan untuk disetarakan tidak melebihi dua (2) kursus jika digabungkan dan jumlah kredit tidak kurang daripada nilai kredit kursus yang akan disetarakan;

   Bagi Program Perubatan, pelajar perlu mendapatkan kelulusan pindah kredit dengan gred daripada badan profesional berkaitan.

d) Keputusan yang digunakan untuk pindah kredit dengan gred hendaklah keputusan bagi dalam masa lima (5) tahun yang terkini;

e) Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus bagi program yang diikuti;

f) Kursus yang dipohon untuk dipindahkan gred hendaklah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi;

g) Bagi Kursus Elektif Universiti, pindah kredit dengan gred hanya akan diambil kira jika kursus tersebut merupakan kursus Elektif Universiti yang tersenarai di dalam kluster/program yang berlainan dari program pelajar; dan

h) Pelajar yang bertukar universiti, maka pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar (residential year) sekurang-kurangnya setahun mengikuti pengajian di UNIMAS.

2.3 Tiada had pindah kredit dengan gred ditetapkan, kecuali bagi program- program akademik yang diiktiraf oleh badan professional, yang mana had pindah kredit dengan gred adalah tertakluk kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh badan profesional yang berkenaan.

2.4 Gred yang diperolehi bagi kursus terdahulu diberikan kepada kursus yang diluluskan pemindahan kredit dengan gred. Gred berkenaan kemudiannya diguna pakai untuk kiraan PNGK pelajar berkenaan dalam pengajian seterusnya.

2.5 Pindah Kredit dengan Gred TIDAK DIBENARKAN bagi kes-kes pelajar yang diberhentikan daripada pengajian atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang lain.

## 3. JUMLAH KREDIT BAGI PROGRAM

3.1 Setiap pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus pengukuhan seperti berikut:

a) Kursus Ko-kurikulum Berkredit (Untuk ambilan Sesi 2019/2020 ke bawah).
b) Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawanan.
c) Kursus Bahasa Inggeris Persediaan 1 dan Kursus Bahasa Inggeris Persediaan 2 untuk pelajar yang mendapat MUET Band 2.
d) Bagi pelajar yang mengikuti mana-mana kursus badan beruniform dengan melengkapkan Kursus Badan Beruniform latihan 1, 2 dan 3 dengan jumlah 3 kredit adalah dikecualikan daripada mengambil Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawanan dan Kursus Ko-kurikulum Berkredit. Pelajar boleh sama ada tidak atau meneruskan Kursus Beruniform latihan 4, 5 dan 6 untuk melayakan mereka ditauliahkan. Namun begitu pelajar yang tidak mencukupi 3 jam kredit dikehendaki

melengkapkan jam kredit dengan mengambil salah satu kursus berikut Kursus Ko-kurikulum berkredit atau Kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawanan.

3.2 Permarkahan dan gred akan diberikan kepada semua kursus yang disenaraikan di atas kecuali kursus Kemahiran Insaniah dan Asas Kesukarelawanan yang diberikan keputusan Lulus/Gagal sahaja.

## 4. SISTEM PENILAIAN

4.1 Bagi kes pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir, pengiraan markah keseluruhan kursus tersebut tetap mengambilkira markah penilaian berterusan dan markah penilaian akhir.

4.2 Jadual Gred dan Nilai Gred yang digunapakai bagi semua **Kursus Teras** untuk semua program di **Fakulti Kejuruteraan / Fakulti Alam Bina / Program Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan / Program Perakaunan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan** adalah seperti di bawah:

| Gred | Julat Markah | Nilai Gred | Taraf Pencapaian Kursus Teras |
|---|---|---|---|
| A | 80-100 | 4.00 | **Lulus Cemerlang** |
| A- | 75-79 | 3.67 | |
| B+ | 70-74 | 3.33 | **Lulus Kepujian** |
| B | 65-69 | 3.00 | |
| B- | 60-64 | 2.67 | **Lulus Baik** |
| C+ | 55-59 | 2.33 | |
| C | 50-54 | 2.00 | **Lulus** |
| C- | 45-49 | 1.67 | |
| D | 40-44 | 1.00 | **Gagal** |
| F | < 40 | 0.00 | |

4.3 Pemarkahan PUK diambil berdasarkan gred berikut:

a) C (Pelajar kemasukan sesi akademik 2014/2015 dan ke bawah).
b) C- (Pelajar kemasukan sesi akademik 2015/2016 dan ke atas) kecuali untuk kursus teras Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Perubatan Sains dan Kesihatan yang masih kekal C sebagai gred lulus.
c) C (Pelajar kemasukan sesi akademik 2017/2018 ke atas untuk kursus teras Fakulti Alam Bina.
d) C (Pelajar kemasukan sesi akademik 2020/2021 ke atas untuk kursus teras Program Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan),

Sekiranya pelajar masih gagal, gred yang diambil berdasarkan gred terbaik.

**KOD PAKAIAN PELAJAR**

Pelajar dikehendaki menjaga imej dan nama baik UNIMAS dengan mempamerkan penampilan diri, berpakaian kemas dan segak bersesuaian dengan status sebagai seorang pelajar UNIMAS. Kod berpakaian pelajar UNIMAS yang diwartakan adalah seperti berikut:

1. Pakaian untuk kuliah (lelaki);
    - kemeja dikemaskan ke dalam seluar;
    - seluar panjang;
    - kasut dan stoking;
    - memakai kad pelajar; dan
    - berambut kemas.

2. Pakaian untuk kuliah (perempuan);
    - selesa dan sopan;
    - berkasut;
    - memakai kad pelajar; dan
    - berambut kemas.

Nota : Pelajar **tidak dibenarkan** memakai pakaian sukan, selipar dan baju tanpa lengan (*sleveless*).

**Larangan Terhadap Plagiarisma**

1. Seseorang pelajar dilarang memplagiat apa-apa idea, penulisan dan/atau ciptaan orang lain.

2. Bagi maksud kaedah ini, plagiarisma termasuklah:
    i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
    ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan dan/atau ciptaan yang sebenarnya diambil dari satu atau beberapa sumber lain.

3. Tanpa menjejaskan keluasan makna sub-kaedah 2 di atas, seseorang pelajar memplagiat apabila dia :

    i. menerbitkan, dengan sendirinya sebagai pengarang suatu ringkasan, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain; atau
    ii. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel atau kertas saintifik/akademik/buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada hasil yang di atas; atau
    iii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik tertentu atau sebagai pengarang bersama apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama; atau
    iv. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, sama ada diterbitkan atau tidak, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian dari penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal; atau
    v. menggunakan data penyelidikan yang diperolehi melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak, orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian dari penyelidikan akademik yang berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperolehi keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data; atau
    vi. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam

apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu; atau

vii. menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain dari satu bahasa lain sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau

viii. memetik idea dari penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

ix. FSKPM telah menetapkan had peratusan *Turnitin Similarity Index* seperti berikut:
   a) Kerja kursus seperti tugasan, laporan bertulis dan sebagainya
   b) Projek Tahun Akhir (Final Year Project): 25%
   c) Peperiksaan (Exams): 10%

## PANDUAN PEPERIKSAAN

### Maklumat Am

Peperiksaan terbahagi kepada dua (2) bahagian:

1. Peperiksaan formatif
   1.1 Kerja kursus 30 – 50% yang mengandungi di dalamnya kuiz, tugasan dan esei.
   1.2 Penilaian berterusan 20 – 30% yang terdiri dari ujian pertengahan, ujian berterusan atau seumpamanya.

2. Penilaian sumatif
   2.1 Peperiksaan akhir semester 30 – 50%

### Kelayakan Untuk Menduduki Peperiksaan

1. Pelajar hanya layak menduduki peperiksaan sekiranya berstatus pelajar dan mendaftar kursus-kursus yang ditawarkan pada berkenaan (Sila rujuk Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS untuk mendapat maklumat lanjut berhubung syarat-syarat yang melayakkan mengikuti peperiksaan).

2. Pelajar yang tidak memenuhi syarat dalam Perkara Sepuluh (10) **Sistem Penilaian** di dalam buku Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda akan dihalang menduduki peperiksaan.

3. Pelajar yang masih berhutang akan dihalang dari menduduki peperiksaan.

4. Pelajar layak untuk menduduki peperiksaan akan diberi Slip Menduduki Peperiksaan oleh Universiti sebagai bukti yang menyatakan mereka layak untuk mengikuti peperiksaan sesuatu kursus.

### Soalan Peperiksaan Dan Skrip Jawapan

Soalan peperiksaan akan disediakan oleh Pensyarah yang mengendalikan sesuatu kursus. Pensyarah tersebut dilantik oleh Dekan/Timbalan Dekan/Ketua Program bagi mengajar sesuatu kursus tersebut. Soalan peperiksaan mestilah mengikut format kertas peperiksaan yang telah ditetapkan.

**Arahan Kepada Calon Peperiksaan**

**Arahan Umum**

1. Calon peperiksaan adalah pelajar yang mendaftar secara rasmi bagi sesuatu kursus. Pelajar tersebut sahaja yang dibenarkan untuk menduduki peperiksaan kursus yang didaftar.

2. Calon adalah dinasihatkan membaca Jadual Waktu Peperiksaan secara berhati-hati. Sebarang perubahan arahan atau perubahan Jadual Waktu Peperiksaan dan lain-lain akan dipaparkan di papan kenyataan Universiti.

3. Bagi membolehkan calon dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus, calon dikehendaki memiliki:
   - Kad Pelajar
   - Slip Pengesahan Peperiksaan

4. Calon tidak dibenarkan menduduki peperiksaan sesuatu kursus jika calon datang terlambat 30 minit selepas peperiksaan bermula.

5. Calon dikehendaki berpakaian kemas seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan masuk ke dewan peperiksaan dengan tertib.

**Peraturan Menduduki Ujian**

Peraturan-peraturannya adalah seperti berikut:

**Sebelum Ujian**

Membawa masuk kad matrik/kad pengenalan dan Slip Pengesahan Peperiksaan bersama alat tulis (pen, pensil, pembaris, dan mesin kira) sahaja. Dokumen yang disahkan oleh pengawas sahaja dibenarkan dibawa masuk oleh pelajar atau diedarkan oleh pengawas kepada pelajar. Barang-barang selain daripada di atas hendaklah diletakkan di tempat yang telah ditetapkan oleh pengawas.

Menghadirkan diri tepat pada waktu yang ditetapkan. Pelajar yang lewat tidak akan diberi masa tambahan. Pelajar yang lewat lebih daripada setengah jam (30 minit) dari masa peperiksaan bermula tidak dibenarkan masuk ke bilik ujian.

**Semasa Ujian**

i. Mempamerkan kad matrik/kad pengenalan serta Slip Pengesahan Peperiksaan dan menandatangani senarai kehadiran yang diedarkan.
ii. Menulis nombor matrik dan nama/kod kursus di atas setiap kertas jawapan yang digunakan;
iii. Menulis nombor matrik dan nama/kod kursus di atas setiap kertas jawapan yang digunakan;
iv. Mengangkat tangan untuk berhubung dengan pengawas yang bertugas. Pelajar tidak dibenarkan berhubung di antara satu sama lain sepanjang ujian dijalankan;
v. Meninggalkan bilik ujian hanya dibenarkan selepas setengah jam (30 minit) ujian bermula. Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan bilik ujian lima belas minit (15 minit) sebelum ujian berakhir;
vi. Berhenti menulis selepas isyarat tamat ujian diberikan oleh pengawas bertugas, dan memastikan kertas jawapan dikelipkan oleh pengawas bertugas;
vii. Meninggalkan bilik ujian setelah skrip jawapan dikumpulkan;
viii. Semasa ujian sedang dijalankan, pelajar tidak digalakkan keluar; dan
ix. Pelajar yang didapati meniru atau membolehkan orang lain meniru akan diambil tindakan mengikut peraturan peperiksaan yang sedia ada (sila rujuk Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda UNIMAS)

**Gred dan Nilai Gred**

| Gred | Julat Markah | Nilai Gred | Taraf Pencapaian Kursus Teras/ Generik/Elektif/MPU/ Pengukuhan |
|---|---|---|---|
| A | 80-100 | 4.00 | Lulus Cemerlang |
| A- | 75-79 | 3.67 | |
| B+ | 70-74 | 3.33 | Lulus Kepujian |
| B | 65-69 | 3.00 | |
| B- | 60-64 | 2.67 | Lulus Baik |
| C+ | 55-59 | 2.33 | |
| C | 50-54 | 2.00 | |
| C- | 45-49 | 1.67 | Lulus |
| D | 40-44 | 1.00 | Gagal |
| F | < 40 | 0.00 | |

**YURAN PENGAJIAN**

Berikut adalah maklumat Yuran Semester 1 Sesi 2022/2023 (pelajar baharu/warganegara Malaysia) bagi pelajar Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia:

| Butir-butir Yuran (RM) | Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia |
|---|---|
| Yuran Tidak Berulang | 540.00 |
| Takaful (Setahun Sekali) | 6.00 |
| Pengajian | 660.00 |
| Kesihatan | 25.00 |
| Makmal | 50.00 |
| Tabung Kebajikan | 5.00 |
| Penginapan (Kadar Kongsi) | 399.00 |
| Pelbagai | 120.00 |
| **Jumlah (RM)** | **1,805.00** |

**Nota:** Kadar ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

**BANTUAN KEWANGAN**

Pelajar boleh memohon pinjaman / biasiswa / tajaan dari pelbagai organisasi iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Malaysia (PTPTN), kerajaan negeri, badan berkanun dan sektor swasta. Perincian dapat diperoleh secara langsung dari pertubuhan yang disebutkan. Iklan untuk tawaran pinjaman / biasiswa / tajaan biasanya akan diiklankan di akhbar tempatan.

Pelajar yang telah memperoleh pinjaman / biasiswa / tajaan untuk pengajian mereka di Universiti, mereka perlu mengemukakan salinan surat tawaran pinjaman / biasiswa / tajaan pada hari pendaftaran.

Untuk membantu pelajar, Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Alumni (Pelajar Prasiswazah) dan Pusat Pengajian Siswazah (Pelajar Pascasiswazah) akan menghubungi wakil pinjaman / biasiswa / penajaan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan sumber bantuan.

# KOD GANGGUAN SEKSUAL

## KOD GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan seksual didefinisikan sebagai kelakuan yang bersifat seksual yang tidak diundang, tidak disenangi mahupun dikehendaki. Kelakuan tersebut akan menyebabkan seseorang merasa jijik, terhina atau terancam. Gangguan seksual boleh dikategorikan dalam lima (5) bentuk, seperti berikut:

1. Lisan – Contohnya, kata-kata dan jenaka berunsur lucah atau menjijikkan, komen, sindiran, dan perbualan yang berunsur seksual.
2. Bukan Lisan/Gerakan anggota badan – Contohnya, pandangan yang mengghairahkan, menjilat bibir dengan cara provokatif, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang menandakan aktiviti seksual.
3. Visual – Contohnya, menunjukkan bahan-bahan lucah, gambar yang menjijikkan, lakaran atau tulisan berunsur seksual dan mendedahkan bahagian seks.
4. Psikologikal – Contohnya, berterusan mengulangi jemputan social yang tidak disenangi.
5. Fizikal – Contohnya, kelakuan yang tidak senonoh seperti menyentuh, menepuk, mencubit, meraba, memeluk, mencium, dan serangan seksual.

Universiti memandang isu dan masalah mangsa gangguan seksual ini dengan amat serius. Pelajar diminta supaya tidak mendiamkan diri sekiranya mengalami gangguan seksual seperti yang dinyatakan di atas. Keberanian anda akan membantu mencegah masalah ini dan menyelamatkan pelajar lain dari menjadi mangsa. Sekiranya anda menghadapi masalah yang dianggap sebagai gangguan seksual, sila hubungi Mentor/Kaunselor/Ketua Jabatan/Timbalan Dekan/Dekan atau sesiapa di kalangan staf universiti yang anda percayai. Semua pertanyaan dan aduan yang dibuat akan dirahsiakan dan dipertimbangkan secara adil.

# LATIHAN INDUSTRI / INTERNSHIP/ LATIHAN MENGAJAR

## LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri merupakan salah satu keperluan untuk bergraduat dan diwajibkan kepada semua pelajar. Tempoh yang ditetapkan sila rujuk jadual di bawah.

| Program | Tempoh | Tahun | Pra Syarat |
|---|---|---|---|
| Sains Kognitif | 10 minggu | 2 | Melengkapkan pengajian 4 semester dan PNGK 2.0 ke atas |
| Pembangunan Sumber Manusia | 10 minggu | 2 | Melengkapkan pengajian 4 semester (3 semester sekiranya silang semester) |
| Kaunseling | 18 minggu | 4 | Lulus semua kursus |
| Psikologi | 18 minggu | 4 | Lulus semua kursus |
| Pendidikan Islam | 18 Minggu | 4 | Melengkapkan pengajian 6 semester dan PNGK 2.0 ke atas |

**Jadual: Latihan Industri setiap Program**

Pemilihan organisasi bergantung kepada minat pelajar dan persetujuan daripada pihak Fakulti. Program latihan industri yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar akan memberi peluang kepada mereka untuk mengasah minat dan bidang yang diceburi dalam arena pekerjaan yang sebenar daripada cabang-cabang ilmu yang terangkum dalam bidang program masing-masing. Selain itu, Latihan Industri mendedahkan skop serta bidang kerja sebenar yang bakal ditempuhi oleh pelajar kelak.

### Pengurusan Latihan

Untuk memastikan latihan industri dilaksanakan mengikut bidang-bidang yang relevan dan memberi manfaat yang berguna kepada pelajar dan organisasi serta kepentingan kepada masyarakat, latihan industri ini adalah lebih menjurus kepada bentuk pembelajaran berasaskan projek.

Ia adalah salah satu pendekatan yang komprehensif yang membolehkan pelajar bekerja dalam satu pasukan atau secara individu dalam satu projek yang telah dikenal pasti. Antara kelebihan pembelajaran berasaskan projek adalah:

- Mengetahui dan mempelajari ilmu pengetahuan dalam bidang yang diminati dengan lebih mendalam.
- Meningkatkan lagi '*self-direction*' dan motivasi diri.
- Pertingkat dan memperbaiki kemahiran dalam bidang penyelidikan dan penyelesaian masalah.

Antara hasil pembelajaran yang dicapai melalui Latihan Industri:

- Menghasilkan produk atau sistem.
- Penyediaan laporan penyelidikan.
- Penghasilan prototaip yang lengkap untuk diserahkan kepada organisasi dan fakulti beserta laporan akhir mengenai projek tersebut.
- Sesi kaunseling dan bimbingan serta pentadbiran
- Penyediaan laporan bertulis Latihan Industri yang telah dijalankan.

### Objektif Latihan Industri

Objektif latihan industri adalah untuk menyediakan dan mendedahkan pelajar-pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan daripada pihak organisasi serta mahir menghadapi situasi sebenar di alam pekerjaan.

**Objektif Khusus**

Objektif yang telah dikenal pasti adalah seperti di bawah:

1. Memperkenalkan peranan dan sumbangan bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling dan Psikologi kepada organisasi;
2. Memahami secara lebih mendalam tentang bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling, dan Psikologi secara praktikal dan teori;
3. Mengaitkan dan mengaplikasikan teori bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling dan Psikologi yang telah dipelajari kepada situasi sebenar dalam arena pekerjaan;
4. Mengetahui dan memberi tumpuan kepada konsep penyelidikan dan pembangunan di pelbagai organisasi; dan
5. Menjalinkan hubungan di antara universiti dengan organisasi.
6. Membentuk ciri-ciri positif dalam diri pelajar seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, berinovatif dan yakin melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam organisasi.

**Faedah Kepada Organisasi**

Latihan industri turut memberi pendedahan ilmu kepada organisasi. Di antaranya:

1. Memanfaatkan pengetahuan dan aplikasi bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling dan Psikologi di dalam organisasi untuk peningkatan kualiti dan produktiviti.
2. Menyumbang kemahiran dan kepakaran kepada organisasi daripada pelajar.
3. Melebarkan jaringan hubungan antara universiti dan organisasi.

**Faedah kepada pelajar**

1. Menghasilkan satu projek yang relevan dengan apa yang telah dipelajari di UNIMAS dalam bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling, Psikologi dan Pendidikan Islam serta memberi kepentingan kepada organisasi, masyarakat dan juga diri sendiri.
2. Memantapkan lagi tahap kemahiran dan kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan.
3. Menilai semula kekuatan, dan kelemahan sendiri, dan minat dalam bidang - bidang Sains Kognitif, Pembangunan Sumber Manusia, Kaunseling dan Psikologi.
4. Menambah pengalaman, kemahiran dan pengetahuan seperti berikut:
    - pengurusan organisasi
    - kepimpinan
    - pengurusan projek
    - kerjasama dan semangat berpasukan
    - komunikasi
    - keusahawanan

**Peranan Organisasi Dalam Latihan Industri**

1. Kelulusan dan kebenaran kertas cadangan projek
    - Meluluskan kertas kerja projek yang dicadangkan oleh pelajar dan membenarkan pelajar menjalankan projek yang telah diluluskan mengikut bidang yang relevan dalam penyelidikan dan pembangunan di organisasi terbabit.
2. Perlantikan penyelia
    - Melantik dan menempatkan seorang/lebih penyelia dalam bidang-bidang berkaitan untuk memantau, membimbing dan memberi tunjuk ajar serta arahan kepada pelajar sepanjang tempoh latihan.
    - Memberi penjelasan mengenai syarat, peraturan kerja dan disiplin yang perlu dipatuhi oleh pelajar semasa latihan industri dijalankan. Teguran yang membina untuk meningkatkan potensi diri pelajar amat digalakkan.
    - Menyediakan satu rancangan program latihan yang sesuai dengan aktiviti semasa organisasi dan bidang yang ditawarkan di Fakulti.

- Memantau etika kerja dan disiplin pelajar yang sedang menjalani latihan industri.

3 Penyeliaan dan penilaian
- Mengisi dan mengembalikan borang **LI-03** mengenai prestasi dan pencapaian pelajar sepanjang tempoh latihan di organisasi untuk penyelaras latihan industri di universiti.
- Menyediakan laporan terperinci mengenai prestasi dan pencapaian projek yang dijalankan sepanjang tempoh latihan di organisasi dan serahkan kepada penyelaras latihan industri di universiti.
- Antara isi kandungan laporan yang dicadangkan adalah seperti berikut:
  a. Ulasan terperinci penyelia organisasi mengenai prestasi dan pencapaian projek yang dijalankan seperti hasil projek, kepentingan projek, kelemahan, kekuatan dan kepentingannya kepada pelajar, organisasi serta masyarakat.
  b. Cadangan dan pengukuhan projek untuk masa akan datang.
     - Mengesahkan buku log pelajar pada setiap akhir minggu.

**Peraturan Dan Panduan Untuk Pelajar Semasa Menjalani Latihan Industri**

1. Pelajar diingatkan supaya bersifat bertanggungjawab kepada organisasi dengan melaksanakan semua tugas yang diberi dengan penuh dedikasi dan dengan cara yang terbaik.
2. Pelajar perlu menunjukkan inisiatif dan sifat proaktif, mereka perlulah mencari tugas-tugas yang perlu dilaksanakan daripada pihak penyelia.
3. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh organisasi.
4. Pelajar dilarang sama sekali datang lewat atau pulang awal dari waktu yang ditetapkan kecuali dengan izin penyelia.
5. Pelajar juga dilarang sama sekali tidak hadir ke tempat kerja kecuali kerana sakit atau kematian/sakit teruk anggota keluarga terdekat. Sijil sakit dan / atau sijil pengesahan kematian hendaklah diserahkan kepada penyelia secepat mungkin.
6. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan maklumat mengenai organisasi tempat latihan selain daripada tujuan latihan praktikal kecuali terlebih dahulu mendapat izin secara bertulis dari organisasi berkenaan.
7. Pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan dilarang sama sekali memakai jeans dan t-shirt serta pakaian menjolok mata.
8. Semua pelajar dikehendaki melengkapkan tempoh latihan industri yang telah ditetapkan.
9. Pada setiap masa, pelajar perlu menjaga nama baik Fakulti dan UNIMAS.

**Peranan Pelajar**

1. Disiplin
   Pelajar hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan.

2. Pembentukan Peribadi
   Pelajar hendaklah menganggap latihan industri sebagai peluang untuk membentuk peribadi dan sikap positif terhadap kerja dan mengendalikan kerja secara profesional.

3. Perlaksanaan Latihan dan Laporan
   Pelajar dikehendaki melaksanakan latihan/projek dan bekerjasama dengan pihak organisasi. Pelajar juga mesti merekod diari, log kerja pada setiap minggu sepanjang latihan untuk dijadikan bahan penulisan laporan. Pelajar perlu berbincang dengan penyelia latihan untuk memastikan ketepatan penulisan laporan.

**Penilaian**

Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai. Pengagihan markah penilaian prestasi latihan industri adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1. Penilaian penyelia latihan di organisasi berdasarkan borang **LI-03** dan laporan | **40%** |
| 2. Penilaian dari pensyarah (borang **CS-LI-04**) | **20%** |
| 3. Catatan aktiviti di dalam buku log oleh pelajar (perlu disahkan oleh penyelaras di organisasi) | **10%** |
| 4. Laporan bertulis oleh pelajar | **30%** |
| **Jumlah** | **100%** |

**Borang-Borang Yang Berkaitan**

| Program | Borang-Borang Yang Berkaitan |
|---|---|
| **a) Sains Kognitif** | i. Borang CS-LI-01: Borang Penerimaan Pelajar oleh Organisasi<br>ii. Borang CS-LI-02 : Borang Pendaftaran Pelajar Ke Organisasi<br>iii. Borang CS-LI-03: Borang Penilaian Latihan Industri (Organisasi)<br>iv. Borang CS-LI-04: Borang Penilaian Latihan Industri (Pensyarah)<br>v. Borang CS-LI-05: Borang Penilaian Latihan Industri (Pelajar) |
| **b) Pembangunan Sumber Manusia** | i. Borang HRD-LI-01: Borang Penerimaan Pelajar oleh Organisasi<br>ii. Borang HRD-LI-02: Borang Daftar Pelajar ke Organisasi<br>iii. Borang HRD-LI-03: Organisasi<br>iv. Borang HRD-LI-04: Penyelia Universiti<br>v. Borang HRD-LI-05: Pelajar |
| **c) Kaunseling** | Rujuk **Buku Panduan Internship** |
| **d) Psikologi** | i. Borang PSY-LI-01: Borang Penerimaan Industri / Organisasi<br>ii. Borang PSY-LI-02: Borang Laporan Bertugas<br>iii. Borang PSY-L1-03A dan PSY-LI-03B: Borang Penilaian Prestasi (Penyelia Industri)<br>iv. Borang PSY-LI-04A: Borang Penilaian Prestasi (Penyelia Universiti)<br>v. Borang PSY-LI-04B: Borang Penilaian Prestasi-LogBook (Penyelia Universiti)<br>vi. Borang PSY-LI-04C: Borang Penilaian Prestasi-Laporan Bertulis (Penyelia Universiti) |
| **e) Pendidikan Islam** | Rujuk Buku Panduan Latihan Mengajar |

**Penilaian Oleh Penyelia**

Laporan oleh penyelia akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. **Komunikasi**
   Keupayaan pelajar menyampaikan idea melalui lisan dan penulisan secara tersusun dan berkesan.

2. **Penampilan**
   Keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan (sosial dan profesional) dalam perhubungan dengan orang lain di tempat latihan iaitu kakitangan, pegawai atasan dan pelanggan.

3. **Rupa diri**
   Diukur dari segi ciri-ciri fizikal (lahiriah yang dipamerkan) seperti pakaian, rambut dan kebersihan diri.

4. **Keakuran**
   Kesanggupan pelajar menepati segala keperluan dan peraturan yang ditetapkan oleh agensi dan Fakulti.

5. **Kesungguhan**
   Dilihat dari segi minat yang ditunjukkan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

6. **Keyakinan diri**
   Kesanggupan pelajar melaksanakan tugas, menyuarakan pendapat tanpa rasa takut dan teragak-agak.

7. **Inisiatif**
   Diukur dari segi keinginan dan kesanggupan pelajar mempelajari sesuatu tugas tanpa mengharapkan terlalu banyak arahan.

8. **Pengetahuan**
   Keupayaan pelajar melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.

9. **Hasil tugas**
   Kemampuan pelajar menghasilkan kualiti kerja mengikut piawai yang ditetapkan.
   Seseorang pelajar yang diberi nilaian kurang daripada 50 markah dikehendaki supaya mengulang latihan industrinya.

**Internship Program Kaunseling**

Internship merupakan satu kursus teras yang bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan. Melalui kursus ini, pelajar diharap mendapat pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dengan tunjuk ajar serta bimbingan pihak organisasi. Kursus ini berlangsung selama 18 minggu dan diadakan pada tahun keempat pengajian. Pelajar akan ditempatkan di organisasi yang bersesuaian di seluruh Malaysia.

**Objektif**

- Mengetahui pelbagai fungsi dan proses pengurusan organisasi.
- Mengetahui isu dan masalah pembangunan dan pengurusan sumber manusia di pelbagai peringkat dalam organisasi.
- Merancang aktiviti kaunseling yang diperlukan oleh para pekerja dalam organisasi.
- Mempraktikkan pendekatan, kaedah dan teknik kaunseling yang telah dipelajari dalam situasi yang sebenar.
- Menghayati tanggungjawab dan peranan sebagai seorang kaunselor profesional.
- Membentuk ciri positif dalam diri pelajar seperti kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, berinovatif dan yakin melalui aktiviti yang dijalankan dalam organisasi.

**Faedah kepada Organisasi**

- Membantu organisasi dalam mengenal pasti isu dan permasalahan pekerja.
- Membantu organisasi merangka dan mengendalikan program pencegahan dan pembangunan diri pekerja.
- Membantu organisasi melaksanakan program yang berkaitan dengan bantuan dan sokongan pekerja.
- Memberi peluang organisasi mengenal pasti potensi kaunselor pelatih sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab.
- Menjalin kerjasama pintar antara fakulti dan universiti dengan organisasi yang terlibat.

**Penilaian**

Kaunselor pelatih akan dinilai berdasarkan:

| | | |
|---|---|---|
| **A. Penilaian Penyelia Akademik** | | **90%** |
| 1. Kaunseling individu | 20% | |
| 2. Kaunseling kelompok | 20% | |
| 3. Aktiviti bimbingan | 15% | |
| 4. Pengurusan dan Pentadbiran | 5% | |
| 5. Kompilasi Aktiviti Internship | 10% | |
| 6. Sikap dan Sahsiah | 10% | |
| 7. Jurnal | 10% | |
| **B. Penilaian Penyelia Lapangan** | | **10%** |
| Jumlah | | **100%** |

**Latihan Industri Program Psikologi**

Latihan Industri adalah satu proses pembelajaran bertujuan mendedahkan pelajar Psikologi kepada persekitaran kerja yang berkaitan dengan bidang psikologi. Latihan Industri ini dijalankan selama 18 minggu (9 jam kredit) dengan bimbingan dan penyeliaan oleh penyelia industri. Latihan Industri merupakan salah satu syarat pengijazahan dan diwajibkan kepada semua pelajar yang telah menamatkan semua kursus dalam program Psikologi. Program ini akan memberi peluang kepada mereka untuk mengasah minat dan kemahiran dalam dunia pekerjaan sebenar dengan mengaplikasikan teori dan prinsip yang telah dipelajari dalam kursus Psikologi. Pelajar juga dapat memerhati, membangunkan kemahiran profesional yang sesuai, meneroka pilihan kerjaya, membangunkan rangkaian dengan profesional, melihat bagaimana organisasi komuniti berfungsi, membangunkan kemahiran klinikal dan interpersonal mereka. Semasa latihan industri, pelajar akan

meningkatkan pemahaman mereka tentang bidang Psikologi tertentu yang merangkumi perkhidmatan profesional, klinikal, tingkah laku, pendidikan atau psikologi lain yang berkaitan.

**Objektif**

Objektif latihan industri adalah untuk menyediakan dan mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan sebenar supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui bimbingan daripada organisasi/industri serta berkemahiran dalam menghadapi situasi sebenar di alam pekerjaan.

a. Menghargai profesion psikologi dalam persekitaran tempat kerja.
b. Menghubungkait dan mengaplikasikan teori-teori bidang psikologi dengan situasi sebenar dalam dunia pekerjaan.
c. Fahami proses kerja organisasi/institusi dan peranan serta fungsi ahli psikologi dalam persekitaran tersebut.
d. Membuka ufuk pelajar tentang hala tuju kerjaya melalui memperoleh pengalaman latihan.
e. Membangunkan kemahiran bekerja yang baik dan bersedia untuk membuat peralihan daripada pelajar kepada profesional.
f. Mempraktikkan etika kerja semasa latihan dan semasa menulis laporan.

**Penilaian Latihan Industri**
Pelajar akan dinilai seperti berikut:

| Bil. | Item | Markah |
|---|---|---|
| A. | Penilaian Penyelia Industri | 40% |
| B. | Penilaian Penyelia Universiti | 20% |
| C. | LogBook | 10% |
| D. | Laporan Latihan Industri | 30% |
| | **Jumlah** | **100%** |

**Orientasi Sekolah dan Latihan Mengajar Program Pendidikan Islam**

**Latihan Mengajar**

Kursus ini menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasi ilmu dalam konteks pengajaran sebenar di sekolah selama 1 semester. Mereka akan diselia oleh seorang pensyarah dan guru pembimbing yang dilantik. Mereka perlu melaksanakan pengajaran dalam kelas, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan segala aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

**Objektif Latihan Mengajar**

a) Menggabungkan teori dengan amali pengajaran dan pembelajaran
b) Mengaplikasikan pelbagai strategi, kaedah, teknik dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran
c) Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran secara kreatif
d) Memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, menghayati dan mengamalkan nilai profesionalisme keguruan
e) Meningkatkan potensi diri sebagai pendidik melalui penerokaan ilmu, refleksi dan penilaian kendiri dalam semua aspek berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Maklumat lanjut berkaitan dengan Latihan Mengajar boleh dirujuk pada Buku Panduan Latihan Mengajar.

# PENASIHAT AKADEMIK

**PENASIHAT AKADEMIK**
**Pengenalan**

Sistem Penasihat Akademik telah diperkenalkan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2017 untuk menggantikan sistem Mentor-Mentee.

Sistem diwujudkan untuk membatu pelajar mencapai kecermerlangan akademik di samping mempunyai ciri-ciri yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam 10 Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi (PT)).

Pelajar-pelajar diletakkan di bawah bimbingan Penasihat Akademik (PA) daripada kalangan pensyarah sepanjang pengajian mereka di UNIMAS. PA berperanan menasihati dan membantu pelajar menyusun strategi untuk bergraduat dengan cemerlang dan bersedia untuk menghadapi dunia selepas graduasi.

**Tanggungjawab Penasihat Akademik (PA)**

Setiap staf akademik adalah penasihat akademik dan diberikan tanggungjawab ke atas sekumpulan pelajar. Tanggungjawab penasihat akademik adalah:

1. Memberi nasihat kepada pelajar mengenai perkara akademik dan bukan akademik (secara umum).
2. Menggalakkan pelajar cemerlang dalam pengajian mereka dan menjalani kehidupan yang seimbang serta fleksibel di universiti.
3. Memberikan pandangan tentang penyelidikan di dalam bidang dan perspektif kerjaya.
4. Memupuk nilai-nilai murni dan semangat cintakan fakulti dan universiti.
5. Merujuk pelajar kepada TD HEPA sekiranya terdapat kes pelajar yang berkaitan dengan perkara selain akademik.

**Pelantikan Penasihat Akademik (PA)**

PA hendaklah dilantik dalam kalangan staf akademik program di tempat pelajar tersebut berdaftar.

PA yang dilantik perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penasihatan akademik, termasuk kemahiran belajar, kerjaya, dan lain-lain pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan ACADS dengan berkesan.

PA yang dilantik bagi kumpulan tertentu perlu menjadi PA sepanjang tempoh pengajian pelajar tersebut sehingga bergraduat.

**Pelantikan Penyelaras Penasihat Akademik (PPA)**

Penyelaras Penasihat Akademik (PPA) untuk setiap Fakulti ialah Timbalan Dekan Prasiswazah (TDP).

Namun demikian, Timbalan Dekan Hal Ehwal dan Alumni (TD HEPA) bertanggungjawab mengambil tindakan sekiranya terdapat kes pelajar yang berkaitan dengan perkara selain akademik.

**Tanggungjawab PPA**

- Memastikan semua pelajar mempunyai Penasihat Akademik.
- Merancang aktiviti dan latihan berkaitan Penasihatan Akademik

**Tanggungjawab Pelajar**

- Menyemak janji temu daripada Penasihat Akademik melalui emel siswa dan portal pelajar dar semasa ke semasa.
- Menghadiri perjumpaan bersama-sama Penasihat Akademik sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar terhalang daripada menduduki peperiksaan akhir.

# SINOPSIS KURSUS TERAS

## SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

**KMS1013 Matematik Perniagaan**
Pengenalan kepada konsep kemahiran matematik dan pengetahuan yang dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah kewangan. Kursus ini menyediakan panduan yang jelas melalui sampel masalah dan penyelesaian yang berkenaan dengan perbankan, kredit, asas kewangan dan pelaburan.

**KMS1023 Pengurusan Organisasi**
Kursus ini membincangkan tentang pelbagai peranan asas, kemahiran dan fungsi dalam pengurusan. Penekanan turut diberikan kepada tanggungjawab pengurusan untuk mencapai matlamat organisasi secara berkesan dan efisien. Perbincangan juga meliputi tanggungjawab-sosial, etika pengurusan serta kepentingan sesebuah organisasi multinational.

**KMS1024 Pengurusan Sumber Manusia**
Kursus ini meninjau secara menyeluruh bidang PSM. Ia akan memberi tumpuan kepada isu-isu dan pembuatan keputusan berkaitan dengan perhubungan majikan-pekerja (employer-employee relations). Perkara yang dibincangkan meliputi pengambilan pekerja, jenis latihan dan peluang pembangunan pekerja, isu-isu pampasan dan faedah, dan isu-isu perhubungan industri dan pekerja. Kursus ini juga membincangkan unsur luaran yang mempengaruhi PSM, seperti polisi awam, undang-undang, keadaan buruh, tekanan pesaing, pengguna, pemilik saham dan teknologi.

**KMS1034 Pembangunan Sumber Manusia**
Kursus ini membincangkan konsep, teori dan strategi Pembangunan Sumber Manusia dan peranan yang dimainkan oleh individu yang bertanggungjawab dalam program dan aktiviti PSM di organisasi. Polisi, amalan, isu dan arah tuju dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia akan turut dibincangkan.

**KMS2014 Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan**
Latihan dan pembangunan sumber manusia akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Program latihan mestilah dirancang dan diuruskan dengan teliti untuk mencapai objektif organisasi dan pekerja. Kursus ini mengenengahkan konsep latihan dan pembangunan, prinsip-prinsip yang terlibat, dan juga garis panduan di dalam merancang program latihan yang berkesan. Topik yang akan diliputi adalah pengenalan konsep latihan dan pembangunan, analisis keperluan latihan, pembentukan objektif latihan, kaedah dan strategi latihan yang berkesan, pengurusan tempat latihan dan sumber, pentadbiran latihan dan penilaian program latihan. Faktor-faktor yang mempengaruhi program latihan dan pembangunan yang berkesan juga akan dibincangkan di dalam kursus ini.

**KMS2024 Pembangunan Organisasi dan Perubahan**
Pembangunan organisasi adalah merupakan disiplin sains 'applied behavioural' yang digunakan untuk memperbaiki organisasi dan para pekerja melalui penggunaan teori dan amalan perubahan terancang. Secara umumnya, kursus ini mengkaji bagaimana bidang pembangunan organisasi dapat membantu perubahan efektif di dalam konteks organisasi. Ia menyediakan kedua-dua pendekatan konseptual dan eksperiental pembangunan organisasi dan perubahan. Sebagai tambahan, pelajar akan diterangkan tentang kerangka konseptual dan teori semasa yang perlu bagi memahami isu yang relevan dalam pembangunan organisasi

**KMS2094 Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi**
Kursus ini membincangkan tentang konsep-konsep pembangunan kerjaya dalam organisasi. Antara topik-topik yang akan dibincangkan di dalam kursus ini adalah definisi konsep kerjaya, model-model pembangunan kerjaya, membangunkan satu sistem pembangunan kerjaya, amalan pembangunan kerjaya serta aktiviti-aktiviti dan isu-isu terkini berkenaan dengan pembangunan kerjaya di Malaysia.

**KMS2114 Keseimbangan Hidup Bekerja**
Kursus teras program ini membincangkan tentang konsep hidup bekerja dan aktiviti-aktiviti lain seperti keluarga dan komuniti, kehidupan bersosial, dan pembangunan diri. Topik yang akan dibincangkan juga adalah tentang prinsip keimbangan hidup bekerja, peranan kerajaan, budaya organisasi dan pembangunan diri.

**KMS2124 Pembelajaran Organisasi**
Kursus ini meneliti proses pembelajaran organisasi di tempat kerja. Penekanan akan dibuat terhadap bagaimana individu dan kumpulan mempunyai impak ke atas sistem organisasi. Teori dan amalan pembelajaran individu, kumpulan dan organisasi akan diterokai. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran di tempat kerja, seperti kuasa, jawatan di organisasi, kepelbagaian dan globalisasi akan dibincangkan. Isu-isu teoretikal dan praktikal pembelajaran organisasi di tempat kerja akan juga dibincangkan. Konsep-konsep lain yang berkaitan dengan pembelajaran organisasi seperti hubungan di antara manusia, dinamik kumpulan, kelakuan organisiasi dan pembangunan organisasi akan juga diberi penekanan.

**KMS2135 Latihan Industri**
Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mahir dengan realiti di bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia. Melalui kursus ini, pelajar juga akan diberi peluang untuk mempraktikkan perkara yang telah dipelajari di bilik kuliah ke keadaan yang sebenar.

**KMS2144 Pengurusan dan Perancangan Kerjaya**
Kursus ini membincangkan konsep-konsep pengurusan dan perancangan kerjaya dari perspektif individu dan organisasi. Antara topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah teori dan model yang berkaitan proses perancangan kerjaya individu dan sistem perancangan kerjaya, integrasi pengurusan kerjaya, perancangan kerjaya, sistem pembangunan kerjaya dan perancangan penggantian dalam organisasi serta pengurusan kerjaya di peringkat global.

**KMS2154 Analitik Pembangunan Sumber Manusia**
Kursus ini membincangkan tentang tiga (3) domain analisis yang utama iaitu konteks pembelajaran, pelajar dan tugas. Selain daripada itu, kursus ini juga membincangkan tentang penilaian pembelajaran termasuk model dan jenis-jenis penilaian.

**KMS2164 Sistem Maklumat Sumber Manusia**
Kursus ini cuba mendedahkan para pelajar akan kepentingan penggunaan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) dalam aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia. Aspek-aspek seperti kegunaan, isu dan ciri-ciri penting SMSM juga turut dibincangkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan diajar mengenai langkah-langkah dalam mengautomasikan aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia bermula dari perancangan sistem, mereka bentuk sistem, pemilihan vendor perisian, pelaksanaan sistem hinggalah kepada penyelenggaraan dan penilaian sistem. Para pelajar juga turut didedahkan dengan pelbagai jenis perisian terkini yang terdapat di pasaran selain daripada melihat trend penggunaan SMSM di Malaysia.

**KMS3014 Hubungan Industri**
Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan dan peranan kesatuan sekerja khususnya di Malaysia. Tumpuan utama kursus ini adalah kepada fungsi dan operasi kesatuan sekerja. Pelajar juga akan mempelajari sistem dan amalan hubungan industri di Malaysia serta cabarannya.

**KMS3033 Pengurusan Prestasi**
Kursus ini merangkumi pengukuran dan penilaian terhadap prestasi individu dan organisasi. Ia berasaskan kepada konsep bahawa keberkesanan dan prestasi organisasi adalah sebahagian besar dari fungsi keberkesanan dan prestasi individu dalam organisasi. Peningkatan keberkesanan dan produktiviti organisasi akan melibatkan peningkatan keberkesanan dan prestasi individu dan kerja kumpulan yang selanjutnya membangunkan organisasi. Kursus ini bermula dengan mengkaji konsep keberkesanan organisasi, dan seterusnya diikuti dengan pengendalian pengukuran terhadap prestasi kerja di tahap individu dan kerja kumpulan. Ia diakhiri dengan penekanan ke atas perancangan, pengukuran dan pengawalan prestasi organisasi melalui integrasi prestasi di tahap individu dan organisasi. Pelbagai kaedah penilaian prestasi dibincangkan dari sudut kesannya terhadap individu, penilai dan organisasi.

**KMS3053 Pengurusan Strategik**
Kursus ini memberikan gambaran tentang bidang Pengurusan Strategik. Ia juga memberikan kefahaman menyeluruh tentang strategi dan operasi perniagaan. Secara keseluruhan kursus ini bermatlamat untuk memastikan para pelajar memiliki pengetahuan yang mencukupi dalam memilih strategi yang bersesuaian bagi mencapai matlamat organisasi.

**KMS3063 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**
Kursus ini menyentuh tentang aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta pengurusannya. Ia membincangkan tentang konsep keselamatan dan kesihatan pekerjaan, teori, jenis dan punca kemalangan serta kesannya ke atas organisasi atau industri, mengkaji tujuan menjalani penyiasatan kemalangan dan penyediaan laporan, serta proses pengurusan risiko. Selain itu, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 juga akan turut dibincangkan dengan menekankan kepada peranan dan tanggungjawab majikan dan pekerja. Isu ergonomik, pampasan pekerjaan, dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga akan dihuraikan dengan lebih terperinci.

**KMS3064 Pembangunan Sumber Manusia Strategik**
Kursus teras program ini membincangkan peranan pembangunan sumber manusia dalam menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan organisasi. Penekanan kursus ini adalah pada pembangunan dan pelaksanaan strategi pembangunan sumber manusia yang menyokong pembangunan dan perkembangan individu dan juga organisasi.

**KMS3073 Pengurusan Projek**
Kursus ini merangkumi proses pengendalian dan pengurusan sesuatu projek, bermula daripada peringkat perancangan hinggalah pada peringkat akhir. Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar aspek tugasan dan halangan dalam menguruskan sesuatu projek, yang mana ianya merupakan satu fungsi yang amat penting dalam menangani sesuatu projek yang kompleks. Dalam pada itu, pelajar turut didedahkan kepada kaedah bagaimana untuk menjadi seorang pengurus projek yang berjaya dan mempunyai kecekapan dalam menguruskan ahli kumpulan, penjadualan, risiko, dan sumber. Kursus ini turut memberi panduan kepada pelajar dalam menggunakan peralatan pengurusan projek dan kecekapan tingkahlaku yang diperlukan dalam sesebuah organisasi, sama ada bercirikan untung atau tidak. Kursus ini juga menekankan kepada faktor-faktor kegagalan sesuatu projek, dan bagaimana ianya dapat diatasi melalui perancangan yang baik.

**KMS3083 Perancangan, Pengambilan dan Pemilihan Sumber Manusia**
Matlamat kursus ini adalah untuk mewujudkan kefahaman tentang teori, teknik dan amalan semasa berhubung dengan perancangan tenaga kerja dan hubungan teori dan praktikalnya dengan amalan semasa pengambilan dan pemilihan yang berkesan. Di akhir kursus ini, pelajar akan memahami hubungkait antara perancangan, pengambilan dan pemilihan sumber manusia dan bagaimana hasil yang efektif bagi setiap fungsi ini boleh diterangkan organisasi yang berjaya.

**KMS3084 Perundangan Pekerjaan**
Objektif kursus ini adalah untuk menyediakan pelajar dengan prinsip asas dan aplikasi undang-undang pekerjaan di Malaysia. Kursus ini akan memfokus kepada perspektif perundangan untuk menguruskan sumber manusia di tempat kerja.

**KMS3103 Projek Tahun Akhir 1**
Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman kepada pelajar mengenai cara penulisan dan menjalankan penyelidikan secara sistematik. Pelajar diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perancangan, peraturan projek dan pembentangan projek. Setiap pelajar diberi peluang memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Kebanyakan tajuk yang dicadangkan adalah mengikut teras penyelidikan fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu sama lain, pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengatur kerja-kerja di dalam penyediaan cadangan penyelidikan (proposal), penulisan (Bab 1) Pengenalan, (Bab 2) Sorotan Kajian dan (Bab 3) Metodologi Kajian.

**KMS3104 Projek Tahun Akhir 2**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi

peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian serta merumus, mengemukakan cadangan, dan mengkritik kajian yang dijalankan. Pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran dan penjilid dan tesis.

**KMS3164 Pembangunan Sumber Manusia Antarabangsa**
Kursus ini akan memberi pelajar gambaran mengenai pembangunan sumber manusia antarabangsa (IHRD), di peringkat makro dan mikro. Pelajar akan didedahkan kepada kajian kes dan bahan bacaan menggambarkan amalan HRD dari pelbagai rantau di dunia: Eropah, Afrika, Asia dan Amerika Latin. Kursus ini merangkumi model, rangka kerja dan takrif yang berkaitan dengan HRD antarabangsa, amalan HRD di pelbagai kawasan di dunia, mempengaruhi faktor persekitaran, isu-isu silang budaya dalam IHRD, reka bentuk dan penyampaian program HRD antarabangsa, dan latihan ekspatriat HRD.

**KMS3174 Latihan Dalam Kerja Berstruktur**
Kursus ini menawarkan panduan yang komprehensif untuk memahami, membangun dan menggunakan latihan berstruktur yang tersusun dalam pelbagai situasi latihan dan konteks organisasi. Kursus ini merangkumi topik seperti cabaran untuk membangunkan kepakaran pekerja, pandangan sistem SOJT, memutuskan sama ada menggunakan SOJT, menyediakan modul, dan menganalisis konteks di mana SOJT boleh digunakan.

**KMS3184 Pembelajaran Dewasa**
Kursus ini membincangkan pengenalan kepada prinsip, amalan, konsep, teori, tujuan dan strategi pembelajaran dewasa serta hubungannya dengan pembangunan sumber manusia. Ia memfokuskan kepada skop dan kepentingan pembelajaran dan pembangunan dewasa serta implikasinya kepada proses pembelajaran.

**KMS3193 Latihan Berasaskan Komputer untuk Pembangunan Sumber Manusia**
Kursus ini merangkumi konsep asas berkaitan penggunaan komputer dalam latihan. Pelajar akan didedahkan kepada proses merancang, menghasil dan menilai teknologi bagi membolehkan pakej latihan berasaskan komputer dibangunkan.

**KMS3203 Pengurusan Kualiti dan Produktiviti**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip, konsep, teknik dan proses serta amalan-amalan yang berhubung rapat dengan pengurusan kualiti dan produktiviti secara menyeluruh di dalam organisasi. Penekanan kepada kualiti servis dan produk melalui pendekatan secara Kualiti Menyeluruh (Total Quality) seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000, Perancangan Kualiti dan Analisis, Alat-alat Kualiti, Audit Kualiti, Jaminan Kualiti, Penandaarasan dan isu-isu terkini dalam pengurusan kualiti dan produktiviti.

**KMS3213 Pengurusan Pampasan dan Faedah**
Pengurusan pampasan dan faedah merujuk kepada pentadbiran pampasan, rekabentuk dan penstrukturan pampasan. Ini termasuklah penyelarasan gaji, pengurusan gaji strategik, faedah-faedah, kebajikan pekerja dan kesan upah/gaji yang diberikan kepada pekerja. Kursus ini juga memberi penekanan kepentingan ekuiti di dalam pentadbiran pampasan dan faedah, penentu struktur dalaman dan luaran organisasi dan kaitannya terhadap pembayaran upah/gaji, teknik-teknik penilaian kerja dan perletakan nilai kerja (job worth), jenis-jenis insentif dan faedah-faedah sampingan serta kepentingannya agar selaras dengan objektif organisasi. Di samping itu kursus ini juga membincangkan peranan kerajaan dan kesatuan sekerja dalam mempengaruhi pentadbiran pampasan dan faedah serta isu-isu semasa yang berkaitan dengannya. Sekiranya sistem pampasan dan faedah digunakan dan diuruskan dengan sempurna, ianya boleh dijadikan suatu alat untuk meningkatkan kualiti kerja, tahap motivasi diri dan juga kepuasan para pekerja.

**KMU1023 Pengenalan Pembangunan Sumber Manusia**
Kursus ini membincangkan tentang konsep, teori dan strategi, pembangunan sumber manusia serta peranan yang dimainkan oleh mereka yang bertanggung-jawab dalam program dan aktiviti pembangunan sumber manusia dalam organisasi. Perbincangan juga turut merangkumi polisi, amalan, tren, dan isu pembangunan sumber manusia di Malaysia.

## SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM SAINS KOGNITIF

**KMK1093 Asas Pengaturcaraan**
Kursus ini menyediakan pengenalan kepada bahasa pengaturcaraan C++. Kursus ini telah direkabentuk untuk memberi pelajar kebolehan untuk menulis program komputer asas menggunakan bahasa pengaturcaraan C++ dan juga berkebolehan untuk memahami kod program yang ditulis oleh pengaturcara yang lain. Antara topik-topik di dalam kursus ini ialah teknik penyelesaian masalah, penulisan algoritma, sintak asas C++, struktur kawalan (pemilihan, gegelung, suis), fungsi, dan operasi data masuk dan keluar. Kursus ini adalah sebahagian daripada kursus teras untuk program prasiswazah di dalam fakulti, dan menyediakan asas untuk kursus-kursus yang lain.

**KMK1103 Struktur Diskrit**
Kursus ini menyediakan asas dalam bidang matematik diskrit dimana adalah pra-syarat kepada permahaman dan rekabentuk algoritma atau struktur yang digunakan dalam pelbagai masalah komputasi. Topik yang akan di pelajari termasuk logik, set, teknik pembuktian, fungsi, fungsi rekusi, jujukan dan notasi tambahan, matematik induksi, teknik pengiraan, geraf dan pokok.

**KMK1123 Kalkulus dan Algebra Linear**
Kursus ini direka untuk memberi satu pendedahan berhubung cabang-cabang matematik Kalkulus dan Algebra Linear. Objektif utama adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar mengaplikasikan pengetahuan matematik bagi menyokong kerja-kerja akademik yang akan dilakukan pada masa hadapan termasuk pelbagai kajian asas dan gunaan. Kursus ini merangkumi komponen-komponen utama kalkulus termasuk konsep mengenai had, penghasilan, pembezaan dan pengkamilan. Kursus ini juga merangkumi topik-topik berkaitan dengan vektor dan operasi matriks. Aplikasi Kalkulus dan Algebra Linear turut dibincang dan dibuat secara praktik.

**KMK1133 Pengantar Analisis Linguistik**
Linguistik merupakan bidang yang mengkaji bahasa secara sistematik dan saintifik. Ia bertujuan untuk mengkaji ciri asas bahasa. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai disiplin dalam linguistik dan prinsip yang dikongsi oleh semua bahasa. Sebagai salah satu komponen penting Sains Kognitif, pengalaman pembelajaran melalui kursus ini akan membantu membina kefahaman pelajar tentang struktur-struktur minda, terutama struktur yang berkaitan dengan bahasa.

**KMK1143 Asas Kepintaran Buatan**
Kursus ini memberikan pelajar pengenalan kepada kepintaran buatan, dengan penekanan kepada rekabentuk agen yang bertindak secara pintar. Pembelajaran di fokuskan kepada agen yang boleh membuat penaakulan (contoh: menjawab soalan atau membuat rancangan) daripada pengetahuan yang disimpan, menggunakan logik ataupun teknik keberangkalian yang sesuai.

**KMK2213 Pengaturcaraan Berorientasikan Objek**
Kursus ini dirangka untuk membolehkan pelajar mengenalpasti penyelesaian kepada masalah pengkomputeran menggunakan konsep berorientasikan objek, memperoleh paten rekabentuk yang boleh diguna pakai serta menulis aturcara menggunakan bahasa pengaturcaraan yang berorientasikan objek. Kursus ini menumpukan konsep pengaturcaraan abstrak objek peringkat tinggi, abstrak jenis data, konsep Pengaturcaraan Berorientasikan Objek (OOP), dan metodologi pengaturcaraan.

**KMK2233 Rangkaian Neuro Buatan**
Kursus ini memberikan pendedahan Rangkaian Neural Buatan (RNB) kepada pelajar. RNB merupakan satu subjek kajian pemodelan otak dan rangkaian neuron sejak tahun 1940-an. Beberapa model RNB akan dibincang secara terperinci. Kursus ini mengandungi modul perbandingan neuron biologi dan buatan, perbincangan aspek umum RNB, teori pembelajaran, dan aplikasi RNB dalam bidang perniagaan, perubatan, kejuruteraan dan tekonologi. Kursus juga dilengkapi dengan latihan dan kajian RNB dengan menggunakan perisian yang sesuai.

**KMK2263 Sistem Pengurusan Pangkalan Data**
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas-asas dan kepentingan sistem pengurusan pangkalan data dalam sistem perisian. Pelajar-pelajar akan mempelajari bagaimana untuk mewakilkan data sesuatu aplikasi menggunakan lukisan Entity-Relationship dan bagaimana menukarkan pewakilan

tersebut kepada struktur hubungan yang sesuai. Pelajar juga akan mempelajari menggunakan bahasa SQL untuk melaksanakan operasi transaksi dengan pangkalan data. Pelajar juga akan mempraktis bagaimana menulis perisian berdiri-sendiri yang berinteraksi dengan sistem pangkalan data.

**KMK2273 Kognisi dan Pembelajaran**
Fokus kursus ini adalah kepada cara manusia belajar. Pelajar menerokai prinsip dan mekanisme dalam Perubahan Tingkahlaku, Pemerolehan Pengetahuan, dan Proses Pembelajaran yang berkait rapat dengan aktiviti minda manusia. Topik-topik kursus ini merangkumi teori behavioris dan cognitivis, daya ingatan manusia, peranan sistem pemprosesan maklumat, peranan emosi dalam pembelajaran, representasi ilmu pengetahuan, metakognisi, dan tahap daya pemikiran manusia. Para pelajar juga berpeluang belajar tentang pelbagai bentuk Kecerdasan Manusia dan perkaitannya dengan proses pembelajaran dan minda. Perbincangan pelajar dalam kelas dan atas talian akan mengukuhkan kefahaman tentang topik-topik kursus ini.

**KMK2305 Latihan Industri**
Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar ke alam pekerjaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kefahaman melalui tunjuk ajar dan bimbingan pihak organisasi serta mengenalpasti keperluan Sains Kognitif dalam organisasi. Melalui kursus ini pelajar akan berpeluang untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari di sepanjang pengajian mereka ke situasi pekerjaan yang sebenar.

**KMK2313 Faktor Manusia dan Ergonomik**
Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep, teori dan praktis yang menekankan rekabentuk antaramuka interaktif. Topik-topik utama merangkumi aspek teoretikal dan praktikal kebolehan kognitif manusia dan implikasinya ke atas kebolehgunaan antaramuka sistem interaktif. Pada akhir kursus ini, pelajar akan menjalankan kajian tentang perkaitan antara kebolehan kognitif dan rekabentuk antaramuka kepelbagaian sistem interaktif.

**KMK2333 Analisis dan Rekabentuk Sistem Pintar**
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada langkah asas dalam menganalisa dan merekabentuk sistem mulai dari proses perancangan hingga ke tahap mengimplementasi sistem. Pelajar juga akan belajar mengenai kaedah untuk membuat kajian analisis kesauran semasa diperingkat awal membuat perancangan. Kemudian pelajar akan didedahkan kepada beberapa kaedah permodelan sistem seperti (Data Flow Modeling, Entity Relationships Modeling and Object Oriented Modeling).

**KMK2363 Rekabentuk Pembangunan dan Teknologi Pembelajaran**
Kursus ini memberikan pelajar pengalaman-pengalaman yang penting dalam membangunkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk merekabentuk arahan yang efektif, yang memenuhi keperluan era maklumat. Kerangka kerja untuk kursus ini adalah pembelajaran berasaskan projek. Para pelajar akan mengkaji proses pembangunan sistem pengajaran (ISD), daripada analisis kepada penilaian, dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti rekabentuk pengajaran yang autentik.

**KMK2383 Inkuiri Naratif dan Analisis Wacana**
Kursus ini membuat pengkajian naratif sebagai satu metodologi untuk memahami pengalaman dalam pelbagai suasana sosio-linguistik, terutamanya dalam konteks Sarawak dan Malaysia. Pelajar akan belajar tentang isu-isu etika merangka, memaklumkan dan mendengar pelbagai naratif, dalam teks dan percakapan yang berada dalam kerangka social tertentu. Pelajar-pelajar juga akan belajar "bahasa dalam konteks" melalui analisis wacana, untuk memahami bagaimana manusia terlibat dalam wacana, dan bagaimana ia memberi kesan kepada keadaan mereka dan perhubungan mereka dengan orang lain.

**KMK2473 Grafik Komputer**
Grafik komputer adalah berkaitan dengan penghasilan imej dan animasi (atau siri imej) dengan menggunakan komputer. Kursus ini memberi fokus tentang cara pembinaan sistem grafik komputer serta matematik dan algoritma yang diperlukan dalam pembinaan sistem grafik berkenaan. Topik yang akan dibincangkan termasuklah aplikasi grafik komputer, pengenalan kepada bahasa pengaturcaraan grafik OpenGL, perasteran dan penukaran imbasan, objek geometri dan transformasi affin, projeksi, clipping, penyingkiran permukaan tersembunyi, shading, penteksturan dan ray tracing.

**KMK2533 Asas Perlombongan Data**
Seperti yang telah diperakui, data diibaratkkan seperti minyak yang baru. Analitik Data menjadi semakin popular apabila manusia sarat dengan data dan maklumat. Teknik Galian Data adalah kaedah mendapatkan maklumat yang berguna yang tersembunyi dalam data, terutama dalam zaman penuh data dan kekuasaan Internet. Pola cuaca, permohonan pinjaman, imej-imej satelit pertumpahan minyak, ramalan, diagnosis, pemasaran dan jualan minyak. Kursus ini membekalkan pelajar dengan kaedah teknik pembelajaran mesin secara terus yang sesuai dengan cabaran-cabaran yang melibatkan data. Para pelajar akan belajar bagaimana mengkonsepsikan set-set data kompleks dan memodelkannya dalam menyokong proses-proses membuat keputusan. Rapidminer & Weka, pakej galian data, akan digunakan sepanjang kursus sebagai tambahan kepada Python Asas untuk sains data.

**KMK2543 Kognisi dan Rekabentuk**
Kursus ini bertujuan memperkenalkan hubungan antara kognisi dan rekabentuk. Deskripsi secara am mengenai proses rekabentuk dan pembangunan dipertimbangkan berserta dengan pandangan perekabentuk tentang kedua-dua proses tersebut. Pendekatan kognitif formal dan tidak formal, dari segi garis panduan dan teknik rekabentuk turut dibincangkan. Pendekatan dari segi kebolehgunaan sesuatu produk dan rekabentuk dari segi sosial dan teknikal akan diterangkan dengan menekankan kepada keperluan untuk menerapkan faktor manusia di dalam proses rekabentuk dan pembangunan. Model-model terkini dalam rekabentuk ergonomik akan dibincangkan berserta dengan kajian kes.

**KMK2553 Alatan Kognitif untuk Pembelajaran**
Kursus ini membekalkan pelajar dengan pengalaman yang penting untuk membangunkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk menggunakan teknologi sebagai alat kognitif untuk medium pengajaran yang efektif yang boleh memperbaiki daya pemikiran pelajar. Para pelajar akan diperkenalkan kepada teori-teori pembelajaran dan pertimbangan-pertimbangan praktikal untuk kegunaan alat-alat kognitif. Para pelajar akan meneroka ke dalam pelbagai aplikasi alat-alat kognitif dalam pembelajaran dan latihan dari sudut bagaimana mereka membolehkan pelajar terlibat dalam, dan membantu meningkatkan pemikiran kritikal dan pembelajaran aras tinggi, dan pembinaan ilmu pengetahuan.

**KMK3013 Sistem Berasaskan Pengetahuan**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep teoretikal dan praktikal membangunkan sistem berasaskan pengetahuan. Topik-topik termasuklah pengenalan kepada sistem berasaskan pengetahuan, sistem pakar, kaedah membangunkan sistem pakar dan aplikasi sistem pakar di dalam pelbagai bidang. Pelajar juga didedahkan kepada proses elisitasi pengetahuan, perwakilan pengetahuan, dan penilaian terhadap sistem. Di akhir kursus, pelajar akan membangunkan satu sistem pakar berdasarkan domain-domain tertentu. Bahasa pengaturcaraan seperti PROLOG, CLISP, C, C++ atau mana-mana bahasa pengaturcaraan yang bersesuaian boleh digunakan untuk kursus ini.

**KMK3053 Komputasi Linguistik**
Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada teknik-teknik dan permasalahan dalam pemprosesan bahasa. Justeru, kursus ini memberi tumpuan kepada isu-isu linguistik yang berhubung dengan representasi bahasa dan pemprosesan data linguistik. Permasalahan dalam pemprosesan data linguistik pula merangkumi masalah pengkuantitian, modus bahasa dan faktor konteks dalam interpretasi makna dan repsentasi wacana. Pelajar akan didedahkan kepada rangkaian transisi, carta pemprosesan data linguistik dan permasalahan tatabahasa, termasuk juga pemprograman skrip.

**KMK3093 Kepintaran Berkomputer**
Kursus ini memberi penekanan kepada pelbagai cara dan teknik kepintaran komputasi. Pelajar diberi peluang untuk mengkaji prinsip dan mekanisme penghasilan sistem pintar melalui algoritma heuristik yang menggabungkan elemen-elemen seperti pembelajaran, adaptasi, evolusi dan logik kabur. Topik yang dirangkumi ialah masalah pengoptima, algoritma genetik, komputasi semulajadi, set rough dan sistem logik kabur.

**KMK3103 Projek Tahun Akhir I**
Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar tentang cara menulis dan mengendalikan projek penyelidikan secara sistematik. Pelajar mencadangkan atau memilih tajuk projek selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia. Lazimnya, tajuk projek adalah berdasarkan subjek teras program.

Walaupun projek berbeza di antara pelajar, pelajar mendapat pendedahan dan latihan yang sama bila mereka merancang dan mengendalikan projek penyelidikan. Perbincangan dengan penyelia, pembentangan projek dan penulisan projek yang dicadangkan adalah kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif pembelajaran bagi kursus ini.

**KMK3104 Projek Tahun Akhir II**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan lebih mendalam kepada pelajar tentang menulis dan mengendalikan projek penyelidikan. Pelajar merekabentuk atau membina instrumen/sistem/produk dan menganalisis data tentang projek penyelidikan. Perbincangan dengan penyelia, pembentangan dapatan kajian dan menulis laporan penyelidikan adalah kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif pembelajaran bagi kursus ini.

**KMK3113 Realiti Maya**
Kursus ini memperkenalkan konsep asas teknologi realiti maya. Ini merangkumi penerangan tentang definisi istilah realiti maya, sejarah perkembangan teknologi ini, jenis-jenis sistem realiti maya serta kelebihan dan kekurangan teknologi berkenaan. Penggunaan teknologi ini dalam pelbagai bidang aplikasi juga turut dibincangkan. Pelajar juga didedahkan kepada isu perkakasan dan perisian realiti maya serta diperkenalkan dengan pelbagai teknologi (paparan, pengesan kepala, tangan dan badan) yang pernah dan sedang digunakan. Selain daripada itu, kepentingan konsep animasi, permodelan berdasarkan fizikal dan pengesanan pelanggaran dalam sistem realiti maya juga ditekankan dan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan teori yang berkaitan. Isu faktor manusia dalam bidang realiti maya turut dikeutarakan. Penekanan diberikan kepada pengalaman sebenar merekabentuk dan membangunkan suatu aplikasi realiti maya jenis non-immersive.

**KMK3163 Pengurusan Projek**
Kursus ini merangkumi proses pengendalian dan pengurusan sesuatu projek, bermula daripada peringkat perancangan hinggalah pada peringkat akhir. Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar aspek tugasan dan halangan dalam menguruskan sesuatu projek, yang mana ianya merupakan satu fungsi yang amat penting dalam menangani sesuatu projek yang kompleks. Dalam pada itu, pelajar turut didedahkan kepada kaedah bagaimana untuk menjadi seorang pengurus projek yang berjaya dan mempunyai kecekapan dalam menguruskan ahli kumpulan, penjadualan, risiko, dan sumber. Kursus ini turut memberi panduan kepada pelajar dalam menggunakan peralatan pengurusan projek dan kecekapan tingkahlaku yang diperlukan dalam sesebuah organisasi, sama ada bercirikan untung atau tidak. Kursus ini juga menekankan kepada faktor-faktor kegagalan sesuatu projek dan bagaimana ianya dapat diatasi melalui perancangan yang baik.

**KMK3323 Interaksi Manusia Komputer**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada instrumen dan teknik untuk merekabentuk dan mempertingkatkan antaramuka sistem interaktif, kaedah untuk memperolehi keperluan pengguna serta proses rekabentuk yang berpusatkan pengguna. Kursus ini menekankan keperluan pengguna serta fungsi kognitif manusia dalam membangunkan antaramuka sistem interaktif yang efektif. Di akhir kursus ini, pelajar akan membangunkan antaramuka sistem interaktif yang menekankan proses rekabentuk, pembangunan dan penilaian yang berpusatkan pengguna.

**KMK3393 Pengaturcaraan Web**
Kursus ini menawarkan kepada pelajar kemahiran-kemahiran asas pemprograman dan pembangunan laman web. Para pelajar akan belajar mengaplikasi ilmu menulis skrip bagi pihak klien untuk merekacipta dan membuat helaian laman web dan menulis skrip bagi pihak pelayan untuk membuat laman web pangkalan data atas talian. Untuk penulisan skrip bagi pihak klien, pelajar-pelajar akan belajar HTML (HyperText Markup Language) dan CSS (Cascading Style Sheet) untuk membuat struktur dan gaya rekabentuk untuk laman web tertentu. Sementara itu, untuk penulisan skrip bagi pihak pelayan, para pelajar akan belajar mencipta laman web dinamik dengan pengkalan data menggunakan PHP (PHP: Hypertext Pre-processor) dan MySQL (My Sequel). Kursus ini juga memerlukan pelajar untuk membina laman web sendiri menggunakan beberapa alat laman web terkini. Kebolehgunaan laman web akan ditekankan di sepanjang proses pembelajaran. Dalam semester ini, kelas akan dijalankan menggunakan kaedah berorientasikan pelajar dan mereka perlu bersedia sebelum menghadiri aktiviti kelas. Aktiviti dan projek kelas yang berbeza akan dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembangunan laman web. Di akhir kursus, para pelajar perlu

menyiapkan projek tentang pembangunan laman web yang melibatkan aplikasi teknik dan pengetahuan yang diperolehi dalam kursus ini.

**KMK3433 Perkomputeran Mudah Alih**
Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada pengkomputeran mudah alih dan pembangunan aplikasi mudah alih. Pengkomputeran mudah alih akan dibincangkan menerusi tiga perspektif: teknologi mudah alih, bahasa pengkomputeran mudah alih dan pembangunan aplikasi. Para pelajar akan diperkenalkan kepada kerangka kerja aplikasi mudah alih dan membangunkan aplikasi mudah alih menggunakan konsep-konsep yang diajar. Oleh itu, pelajar dijangka akan belajar sekurang-kurangnya satu alat pembangunan perisian dan menggunakannya untuk melaksanakan tugasan dan projek kursus mereka.

**KMK3483 Visi Komputer**
Kursus ini memberi penekanan kepada kaedah dan teknik visi komputer. Kursus ini juga akan mengkaji perbandingan antara visi komputer dengan proses biologikal penglihatan manusia. Kaedah-kaedah seperti pemulihan imej, perwakilan imej, pembentukan imej, imej binari, pengesanan, pemadanan dan pengenalpastian, analisis keadaan dinamik serta aplikasi masing-masing akan dibincangkan secara terperinci. Kursus juga dilengkapi dengan latihan dan kajian visi komputer dengan menggunakan perisian komersial/percuma.

**KMK3503 Pemikiran Komputasi**
Kursus memberi kemahiran dalam penyelesaian masalah menggunakan konsep-konsep pemikiran secara pengiraan. Kursus melatih pelajar berdepan dengan proses menyelesaikan masalah menggunakan komposisi, pengabstrakan, menulis algoritma dan perakaunan untuk menjamin kebergantungan, kecekapan dan kualiti penyelesaian. Kursus ini memberi kemahiran dalam mewakili dan menganalisa data untuk membuat sesuatu kesimpulan. Penggunaan bahasa pemikiran pengkomputeran membekalkan pelajar dengan kosa kata dan notasi untuk menghuraikan dan memahami masalah dan jalan penyelesaian pengiraan. Para pelajar dilatih membentuk masalah dan memperolehi jalan penyelesaian untuk automasi, merekabentuk algoritma berkenaan dengan kecekapan, ekonomi dan tingkahlaku manusia. Tumpuan juga akan diberikan kepada menyelesaikan masalah, merenung dan mengkaji proses memperolehi jalan penyelesaian.

**KMK3513 Neurosains Gunaan untuk Kanak-kanak Istimewa**
Kursus ini bertujuan untuk menyediakan alat yang diperlukan untuk intervensi dengan kanak-kanak berkeperluan khas. Pelajar akan belajar tentang konsep asas EEG dan fungsi asas sistem, mekanisma pengawalseliaan kendiri neurofisiologi, dan bagaimana corak penyahkawalseliaan tertentu membawa kepada gejala fizikal, emosi dan tingkah laku. Dengan sesi hands-on, pelajar akan dapat mengalami betapa pantas dan kesan neurofeedback yang spesifik. Untuk ini, pelajar akan bekerja dalam kumpulan dua atau tiga orang dalam neurofeedback. Prosedur dan tafsiran keputusan latihan akan diajar dalam kumpulan kecil di bawah pengawasan pengajar latihan EEG yang berpengalaman. Kursus ini ditujukan kepada mereka yang berminat dalam neurofeedback dan ingin mempelajari pendekatan yang sangat cekap ini dalam teori dan amalan.

**KMK3523 Masalah Pembelajaran dalam Masyarakat Inklusif**
Kursus ini menawarkan pelajar ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk berdepan dengan ketidakupayaan pembelajaran dalam masyarakat inklusif. Pelajar-pelajar akan diperkenalkan kepada teori-teori sokongan tentang ketidakupayaan pembelajaran. Para pelajar akan mengkaji pelbagai perspektif sejarah dan kontekstual berkenaan dengan pengalaman individu dalam masyarakat yang terpisah dan juga inklusif. Kaedah-kaedah intervensi untuk individu yang mempunyai ketidakupayaan belajar akan dikaji untuk membolehkan pelajar menjadi individu yang bertanggungjawab, yang boleh mengenalpasti, membangunkan dan melaksanakan strategi-strategi intervensi demi kesejahteraan individu yang menghadapi ketidakupayaan pembelajaran.

**KMK3533 Falsafah Minda**
Kursus ini membincangkan isu-isu Sains Kognitif yang berkaitan dengan falsafah minda. Teori minda seperti *Materialism*, *Idealism*, *Dualism*, *Functionalism* dibincangkan termasuk tajuk kecil seperti kandungan minda, *causality*, dan *language of thought*. Kursus ini memberikan perbincangan yang mendalam tentang falsafah minda dalam konteks Sains Kognitif.

**KMU1053 Teori dan Konsep: Interaksi Manusia Komputer**
Dalam kursus ini, pelajar akan mempelajari bagaimana untuk merekabentuk teknologi yang melibatkan pengguna. Pelajar akan mempelajari prinsip-prinsip persepsi dan kognisi yang melibatkan prinsip kebolehgunaan dalam interaksi rekabentuk. Pelajar juga akan mempelajari asas dari teori-teori dan konsep prinsip reka-bentuk visual supaya mereka mampu mempamerkan maklumat atau komponen antaramuka pengguna dengan berkesan. Dalam kursus ini, pelajar akan disediakan dengan masalah sebenar iaitu dengan mengemukakan isu-isu semasa dalam interaksi manusia komputer. Kursus ini akan membantu pelajar untuk membangun dan membina kemahiran rekabentuk berpusatkan manusia, supaya mereka mempunyai prinsip dan kaedah untuk membangunkan antaramuka bersifatkan kebolehgunaan dengan mana-mana teknologi yang akhirnya boleh mewujudkan pengalaman yang interaktif kepada pengguna dalam interaksi komputer manusia.

## SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM KAUNSELING

**KMC1013 Falsafah dan Prinsip Kaunseling**
Kursus ini mendedahkan pelajar mengenai falsafah dan prinsip kaunseling. Kursus ini merangkumi sejarah perkembangan kaunseling, nilai dan etika kaunseling, isu-isu kaunseling serta penggunaan konsep kaunseling untuk memahami individu. Selain daripada itu, ia juga merangkumi topik dalam perspektif kemanusiaan bagi kesejahteraan diri klien, aplikasi kaunseling dalam organisasi dan situasi profesional, model-model intervensi kaunseling dan fungsi-fungsi khusus kaunseling.

**KMC1033 Psikologi Sosial**
Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar berhubung konsep dan praktis psikologi sosial. Pelajar akan belajar tentang kognisi sosial, persepsi sosial, sikap, pemujukan, prejudis, stereotaip, agresif, altruism dan konflik.

**KMC1083 Kemahiran Asas Menolong**
Kursus ini akan memperkenalkan kepada pelajar dengan konsep dan amalan kemahiran asas menolong. Pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan bagaimana menjadi penolong yang berkesan, perhubungan menolong, kemahiran menolong, peringkat penamatan, dan etika di dalam proses menolong.

**KMC1093 Perkembangan Personaliti**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan konsep dan praktis tentang perkembangan personaliti. Kursus ini akan menyentuh kepada pengenalan, teori personaliti, personaliti perkembangan remaja, personaliti perkembangan orang dewasa, personaliti perkembangan pertengahan umur, personaliti perkembangan akhir dewasa dan isu-isu dalam perkembangan personaliti.

**KMC1273 Teori Kaunseling dan Aplikasi I**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengenalan mengenai teori kaunseling dan psikoterapi serta perbezaaan di antara kedua-duanya. Beberapa jenis teori yang berkaitan turut dibincangkan di dalam kursus ini termasuk Teori Psikodinamik, Teori Humanistik, Teori Tingkah Laku,dan Teori Kognitif. Kursus ini mendedahkan pelajar dengan konsep asas teori, teknik dan aplikasi teori tersebut secara langsung.

**KMC1283 Teori Kaunseling dan Aplikasi II**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengenalan mengenai teori kaunseling dan psikoterapi serta perbezaaan di antara kedua-duanya. Kursus ini merupakan kesinambungan daripada kursus KMC1273 Teori Kaunseling dan Aplikasi I**.** Antara teori yang akan didedahkan ialah Teori Tingkah Laku Rasional Emotif, Teori Kognitif Tingkah Laku dan Teori Realiti. Kursus ini mendedahkan pelajar dengan konsep asas teori, teknik dan aplikasi teori tersebut secara langsung.

**KMC1293 Pengurusan Organisasi**
Kursus ini membincangkan tentang pelbagai peranan asas, kemahiran dan fungsi dalam pengurusan. Penekanan turut diberikan kepada tanggungjawab pengurusan untuk mencapai matlamat organisasi secara berkesan dan efisien. Perbincangan juga meliputi tanggungjawab-sosial, etika pengurusan serta kepentingan sesebuah organisasi multinational.

**KMC2013 Kaunseling Remaja**
Kursus ini mendedahkan pelajar dengan tujuh (7) topik utama dalam kaunseling remaja iaitu sifat-sifat remaja, perubahan asas dalam perkembangan remaja, masalah-masalah remaja, kemahiran dan strategi asas kaunseling, kaunseling pencegahan dan kaunseling psikologi, kaunseling remaja dan aplikasi kaunseling remaja.

**KMC2014 Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan**
Latihan dan pembangunan sumber manusia akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Program latihan mestilah dirancang dan diuruskan dengan teliti untuk mencapai objektif organisasi dan pekerja. Kursus ini mengenengahkan konsep latihan dan pembangunan, prinsip-prinsip yang terlibat, dan juga garis panduan di dalam merancang program latihan yang berkesan. Topik yang akan diliputi adalah pengenalan konsep latihan dan pembangunan, analisis keperluan latihan, pembentukan objektif

latihan, kaedah dan strategi latihan yang berkesan, pengurusan tempat latihan dan sumber, pentadbiran latihan dan penilaian program latihan. Faktor-faktor yang mempengaruhi program latihan dan pembangunan yang berkesan juga akan dibincangkan di dalam kursus ini.

**KMC2043 Dinamika Kelompok**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai konsep dan amalan di dalam dinamika kumpulan. Sebagai tambahan, pelajar akan diperkenalkan dengan dinamika kumpulan, pengenalan kepada dinamika kumpulan, kaunseling kelompok, kaunselor bagi kaunseling kelompok, proses kaunseling kelompok, peringkat-peringkat dalam kaunseling kelompok, kepimpinan dalam kaunseling kelompok, pengurusan ahli-ahli kelompok yang bermasalah, isu-isu di dalam kaunseling kelompok dan teori-teori di dalam kaunseling kelompok.

**KMC2063 Psikologi Bilazim**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar berkaitan teknik-teknik dan teori-teori psikologi, definisi tingkah laku bilazim, kecelaruan pada peringkat bayi, kanak-kanak atau remaja (kecelaruan perkembangan), kecelaruan perasaan, kecelaruan kebimbangan, kecelaruan personaliti, kecelaruan skizofrenia dan psikotik, kecelaruan tidur, kecelaruan pemakanan dan kecelaruan seksual.

**KMC2083 Gaya Hidup dan Perkembangan Kerjaya**
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada gaya hidup dan perkembangan kerjaya seseorang individu, teori-teori yang berkaitan seperti Teori Tingkahlaku dan Faktor, Teori Penyesuaian Kerjaya dan Teori Holland. Selain daripada itu, kursus ini juga membincangkan mengenai perkembangan kerjaya bermula dari alam kanak-kanak sehingga alam dewasa serta krisis-krisis kerjaya yang dihadapi dan seterusnya peralihan kerjaya serta aspek pemilihan kerjaya.

**KMC2093 Etika dan Perundangan dalam Kaunseling**
Kursus ini memfokus kepada etika dalam perkhidmatan kaunseling yang akan menekankan lapan (8) topik penting dalam etika kaunseling. Pelajar juga akan didedahkan tentang pengenalan kepada etika profesional, Akta Kaunselor 1998, Peraturan kaunselor: Disiplin dan tingkahlaku, hak kaunselor dan klien, model pembuatan keputusan, kerahsiaan, etika dan isu-isu perundangan dan kes serta isu implikasi perundangan.

**KMC2293 Pengenalan Pengujian dan Pengukuran**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar berhubung penggunaan pelbagai ujian psikologi dalam perkhidmatan kaunseling. Kursus ini merangkumi pengenalan mengenai ujian dan pengukuran, jenis-jenis inventori, kesahan dan kebolehpercayaan, cara untuk menjalankan ujian, skor ujian serta interpretasi serta etika dan halatuju pengujian psikologi.

**KMC2303 Makmal Kaunseling Kelompok**
Kursus ini akan menyediakan pelajar dengan konsep dan praktis kaunseling kelompok. Dalam kursus ini pelajar akan belajar tentang penyediaan modul latihan untuk program bimbingan, menggunakan aplikasi kemahiran asas menolong, mengenalpasti dan menjelaskan masalah, menjalankan penilaian keperluan dan menganalisa, mengenalpasti matlamat, menyediakan pelan intervensi dan menulis laporan kaunseling serta dokumentasi.

**KMC3033 Kaunseling Kerjaya**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran berhubung kaunseling kerjaya. Topik-topik yang dibincangkan merangkumi sejarah perkembangan kaunseling kerjaya, teori-teori mengenai perkembangan kerjaya, model-model yang berkaitan kaunseling kerjaya, teknik bagi menjalankan temubual dalam kaunseling kerjaya, isu-isu yang berkaitan dalam kaunseling kerjaya serta kaunseling kerjaya di dalam situasi pekerjaan.

**KMC3043 Kaunseling Silang Budaya**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep kaunseling silang budaya. Kursus ini merangkumi pemahaman asas budaya dan jenis-jenis kumpulan budaya, perubahan budaya, kepelbagaian kumpulan etnik serta hubungan antara nilai, sikap dan tingkahlaku dalam perbezaan budaya, dan isu-isu dalam kaunseling silang budaya.

**KMC3053 Seminar Isu Kaunseling**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang isu-isu kesihatan, isu keselamatan, isu dadah terlarang, isu keluarga, persaraan, kesan terhadap teknologi, isu perancangan serta aplikasi teknologi dan komunikasi dalam kaunseling. Pelajar diberi peluang untuk menganjurkan seminar berkaitan dengan isu-isu semasa dalam bidang kaunseling seterusnya membentangkan tugasan yang diberikan dalam situasi yang sebenar.

**KMC3063 Kaunseling Keluarga**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dengan konsep dan praktis kaunseling keluarga. Kursus ini merangkumi pemahaman berhubung keluarga, sejarah terapi keluarga, Therapi Keluarga Psikodinamik, Teori Eksperimental Keluarga, Teori Kognitif Tingkahlaku, Teori Keluarga Berstruktur, Terapi Strategik dan Sistematik Keluarga, Fokus Penyelesaian dan Terapi Penceritaan Keluarga, mengendalikan keluarga pelbagai budaya, terapi permainan dan keluarga ibu tunggal.

**KMC3073 Perundingan**
Kursus ini memfokuskan tentang konsep dan kaedah perundingan yang dipraktiskan dalam perundingan kaunseling. Kursus ini juga membincangkan tentang pendekatan teori, isu-isu perundingan kaunseling, dan proses perundingan dan intervensi melalui pendekatan kuliah, tugasan individu dan kumpulan serta pembentangan.

**KMC3103 Projek Tahun Akhir I**
Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berhubung konsep dan praktis mengendalikan penyelidikan. Ia merangkumi topik pengenalan, sorotan kajian lepas dan kaedah penyelidikan. Selain itu, pelajar turut diminta untuk membentangkan tiga (3) bab yang pertama iaitu (pengenalan, sorotan kajian lepas dan kaedah penyelidikan) dalam masa 15 minit.

**KMC3104 Projek Tahun Akhir II**
Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dengan kaedah penyelidikan dalam kaunseling. Pelajar dikehendaki menjalankan penyelidikan sebenar yang melibatkan pengumpulan data, analisa data dan penulisan laporan penyelidikan. Selain itu, pelajar juga dikehendaki untuk membuat pembentangan penyelidikan setelah menyiapkan proses menganalisa data.

**KMC3313 Aplikasi Pengujian dan Pengukuran**
Kursus ini direka untuk mendedahkan pelajar berkaitan ujian psikologi dalam perkhidmatan kaunseling. Kursus ini memfokuskan kepada kaedah pengujian, penganalisaan dan intervensi dalam kaunseling serta isu-isu yang berkaitan dengan pengujian psikologi dalam bidang kaunseling.

**KMC4013 Sistem Maklumat Kerjaya**
Kursus ini direka bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berhubung konsep dan kemahiran dalam sistem maklumat kaunseling kerjaya. Topik yang akan dibincangkan adalah Konsep Asas Sistem Maklumat Kaunseling Kerjaya, Pangkalan Data dan Sistem Maklumat Kerjaya, Teknologi Komunikasi Maklumat dan Kaunseling Kerjaya, Kerangka Sistem dan Analisis, Aplikasi CIS, Isu dan Cabaran dalam Sistem Maklumat Kaunseling Kerjaya dan Etika di dalam Sistem Maklumat Kaunseling Kerjaya. Selain itu, pelajar berpeluang untuk menghasilkan sistem maklumat kaunseling kerjaya yang boleh digunakan dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya.

**KMC4023 Kaunseling Pemulihan**
Kursus ini menyediakan para pelajar dengan konsep dan praktis dalam kaunseling pemulihan. Kursus ini merangkumi pengenalan mengenai kaunseling pemulihan, mengenalpasti keperluan klien melalui proses pemulihan kaunseling dan intervansi, aspek perubatan dan psikososial individu kurang upaya (OKU), pentadbiran dan pengurusan kes dalam kaunseling pemulihan, dan isu-isu dan cabaran dalam kaunseling pemulihan.

**KMC4263 Praktikum Kaunseling**
Kursus ini direka bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktik kaunseling individu dan kelompok serta aktiviti bimbingan di beberapa organisasi yang terpilih. Selain itu, kursus ini juga menyediakan pelajar dengan pengalaman sebagai klien dengan kaunselor berdaftar. Pelajar dikehendaki untuk menyempurnakan 252 jam aktiviti kaunseling.

**KMC4326 Internship**
Kursus ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran kaunseling dalam alam pekerjaan. Pelajar dikehendaki untuk menjalankan penilaian keperluan dalam organisasi, mengendalikan kaunseling individu dan kaunseling kelompok, mengendalikan sesi bimbingan dan mengaplikasikan kerja-kerja pentadbiran di organisasi yang berjumlah 504 jam.

**KMU1013 Hubungan Menolong**
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada prinsip dalam hubungan menolong profesional, peranan penolong profesional, teori, model serta proses menolong, strategi menolong dan isu-isu yang berkaitan dengan hubungan menolong. Kursus ini akan disampaikan melalui kuliah, tutorial, perbincangan dan kajian kes.

**KMU1063 Pengenalan Kesihatan Mental**
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas dalam kesihatan mental serta perspektif sejarah kesihatan mental. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang teori dan model dalam kesihatan mental, cabaran psikologi, dan jenis-jenis penyakit kesihatan mental. Kursus ini juga membincangkan isu berkaitan kesihatan mental, pencegahan dan penjagaan kesihatan mental, dan promosi kesihatan mental.

## SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM PSIKOLOGI

**KMY1013 Pengenalan Psikologi**
Kursus ini memperkenalkan psikologi sebagai disiplin yang mengkaji asas minda dan tingkah laku manusia. Kursus ini juga menerangkan sub disiplin utama dalam bidang psikologi. Topik-topik termasuk pengenalan kepada psikologi, teori saintifik dalam psikologi, asas biologi, kognisi, memori, kepintaran, peringkat perkembangan manusia, motivasi, emosi, personaliti, psikologi sosial, dan tingkah laku bilazim. Kursus ini akan disampaikan melalui syarahan dan para pelajar akan dinilai melalui peperiksaan bertulis, tugasan-tugasan dan pembentangan.

**KMY1023 Psikologi Fisiologi**
Kursus ini memberi pengenalan kepada konsep asas dalam psikologi fisiologi dengan penekanan khusus tentang fungsi neuron dan kimia neuron terhadap tingkah laku. Topik yang akan dibincangkan termasuklah asas neuroanatomi, perkembangan neuron, neurobiology sistem deria, sistem pembelajaran dan ingatan serta daya rangsangan dalaman. Kursus ini mengkaji asas fisiologi otak dan saraf, fisiologi persepsi, pembelajaran, perhatian dan ingatan, impak pemikaran terhadap tindakan dan emosi.

**KMY1043 Personaliti dan Perbedaan Individu**
Kursus ini direkabentuk untuk membincangkan pendekatan utama teori dalam kajian personaliti dan perbezaan individu; dan secara kritis mengkaji hasil penyelidikan dalam bidang ini. Tumpuan kursus ini adalah untuk membangunkan satu gambaran yang bersepadu berkenaan dengan manusia secara keseluruhan melalui pemahaman mengenai fakta-fakta utama personaliti dan bagaimana hal tersebut membentuk tingkah laku. Kursus ini akan mencabar pelajar untuk berfikir tentang sifat manusia yang kompleks, pembelajaran bagaimana menilai andaian, teori-teori, dan penyelidikan dalam bidang personaliti dan perbezaan individu.

**KMY2013 Psikologi Pelbagai Budaya**
Secara umum kursus ini mengkaji teori-teori psikologi dan pengetahuan berkaitan tingkahlaku samada dari sudut persamaan dan perbezaan, dan kaitannya dengan faktor kebudayaan. Pelajar juga dapat menerokai pelbagai budaya dan kepelbagaian aspek psikologi yang tidak terdapat dalam sesuatu budaya. Kursus ini memberi focus kepada penggabungan semua aspek berdasarkan psikologi dan melihat perbandingan dari sudut persamaan dan perbezaan.

**KMY2014 Penrekaan dan Pengurusan Program Latihan**
Latihan dan pembangunan sumber manusia akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Program latihan mestilah dirancang dan diuruskan dengan teliti untuk mencapai objektif organisasi dan pekerja. Kursus ini mengenengahkan konsep latihan dan pembangunan, prinsip-prinsip yang terlibat, dan juga garis panduan di dalam merancang program latihan yang berkesan. Topik yang akan diliputi adalah pengenalan konsep latihan dan pembangunan, analisis keperluan latihan, pembentukan objektif latihan, kaedah dan strategi latihan yang berkesan, pengurusan tempat latihan dan sumber, pentadbiran latihan dan penilaian program latihan. Faktor-faktor yang mempengaruhi program latihan dan pembangunan yang berkesan juga akan dibincangkan di dalam kursus ini.

**KMY2023 Psikologi Kaunseling**
Kursus ini menekankan mengenai pendekatan terkini dalam bidang psikologi kaunseling berdasarkan teori-teori berikut: Psikoanalitik, Existential, Pemusatan Individu, Gestalt, Terapi Realiti, Terapi Tingkahlaku, Kemanusian, Terapi Tingkahlaku Kognitif, Terapi Kognitif dan Teori Eklektik. Kursus ini juga akan membincangkan mengenai konsep-konsep asas mengenai setiap jenis terapi yang dimaksudkan, proses- proses terapi, aplikasi setiap teori melalui aktiviti main peranan dan penilaian kritis mengenai kesemua teori/terapi. Di samping itu, kursus ini juga akan memberi pendedahan mengenai isu-isu asas di dalam etika dan kaunseling.

**KMY2043 Psikologi Pembelajaran**
Kursus ini memperkenalkan prinsip-prinsip asas pembelajaran yang dihasilkan melalui kajian-kajian yang dijalankan ke atas manusia dan haiwan; seterusnya diaplikasikan sebagai kaedah untuk memahami dan membuat jangkaan berhubung dengan tingkah laku. Dua teori utama yang membincangkan aspek pembelajaran adalah teori tingkahlaku dan kognitif sosial. Teori tingkahlaku

menekankan dua elemen utama iaitu rangsangan dan tindakan, manakala teori kognitif sosial menfokuskan peranan proses mental dalam pembelajaran.

**KMY2063 Psikologi Bilazim**
Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar berkaitan teknik-teknik dan teori-teori psikologi, definisi tingkah laku bilazim, kecelaruan pada peringkat bayi, kanak-kanak atau remaja (kecelaruan perkembangan), kecelaruan perasaan, kecelaruan kebimbangan, kecelaruan personaliti, kecelaruan skizofrenia dan psikotik, kecelaruan tidur, kecelaruan pemakanan dan kecelaruan seksual. Pendekatan kuliah, kuiz, tugasan individu dan kumpulan akan digunakan bagi mencapai objektif pembelajaran kursus ini.

**KMY3013 Psikologi Klinikal**
Kursus ini memberikan gambaran kepada pelajar berhubung bidang psikologi klinikal. Topik yang dibincangkan adalah pengenalan kepada psikologi klinikal, tinjauan sejarah psikologi klinikal, penilaian klinikal dan diagnosis, temuduga dan penilaian, ujian psikologi, intervensi psikologi dan isu-isu semasa dalam bidang psikologi klinikal. Kursus ini disampaikan melalui pendekatan kuliah, tugasan individu dan kumpulan dan pembentangan kumpulan.

**KMY3023 Psikologi Industri dan Organisasi**
Kursus ini memperkenalkan bidang psikologi industri dan organisasi berdasarkan kajian saintifik tingkah laku manusia di tempat kerja dan organisasi. Skop tertumpu kepada peranan psikologi industri dalam organisasi, konsep utama dan prinsip, isu-isu individu dan kerja, isu-isu individu-pekerjaan: penyesuaian individu terhadap pekerjaan, penyesuaian pekerjaan terhadap individu, sistem sosial organisasi dan hasil daripada interaksi individu / organisasi. Pelajar kursus ini akan dinilai melalui tugasan individu, kumpulan dan peperiksaan bertulis.

**KMY3033 Psikologi Eksperimental**
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas ilmu pengetahuan dan latihan dalam mengendalikan kajian ekperimen di dalam makmal psikologi. Pelajar akan didedahkan kepada kemahiran untuk merancang, mengendali, menganalisis dan melaporkan dapatan kajian. Fokus perbincangan adalah pelbagai rekabentuk kajian, menjana hipotesis untuk tujuan eksperimen, mengawal pembolehubah luaran, analisis data dan menulis laporan kajian. Sepanjang kursus, pelajar dikehendaki mengendalikan beberapa siri demonstrasi ringkas eksperimen di dalam makmal psikologi dan mereka akan dinilai melalui tugasan individu dan kumpulan serta peperiksaan bertulis.

**KMY3053 Etika Psikologi**
Kursus ini menekankan kepada aspek peraturan dan piawaian yang selaras dengan APA (American Psychological Association) untuk dijadikan sebagai panduan dalam bidang psikologi. Antara topic perbincangan ialah pengenalan kepada etika, aplikasi etika, kerahsiaan, hubungan pelbagai dan etika akademik dalam penyelidikan, penyeliaan dan pengajaran. Para pelajar akan dinilai melalui tugasan individu, kumpulan dan peperiksaan bertulis.

**KMY3063 Pengujian Psikologi**
Kursus ini memperkenalkan konsep dan aplikasi pengujian psikologi. Topik yang dirangkumkan ialah pengenalan kepada ujian psikologi, norma dan statistik, kesahan dan kebolehpercayaan, pembangunan ujian, teknik temubual, ujian-ujian psikologi, aplikasi pengujian psikologi dalam bidang-bidang yang berbeza dan isu-isu berkaitan dengan ujian psikologi. Para pelajar kursus ini akan dinilai melalui tugasan individu dan kumpulan.

**KMY3103 Projek Tahun Akhir 1**
Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar berhubung konsep dan praktis mengendalikan penyelidikan dalam bidang psikologi. Topik-topik merangkumi bab pengenalan, sorotan kajian lepas dan kaedah penyelidikan. Selain itu, pelajar turut diminta untuk membentangkan tiga bab yang pertama iaitu (pengenalan, sorotan kajian lepas dan kaedah penyelidikan) dalam masa 15 minit. Pelajar akan dinilai melalui laporan Projek Tahun Akhir 1, aptitud dan pembentangan.

**KMY3104 Projek Tahun Akhir 2**
Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada pelajar tentang kaedah kajian yang dijalankan termasuk kaedah pengukuran dan analisis data. Seterusnya pelajar diberi peluang untuk melaporkan secara sistematik dapatan kajian serta merumus, mengemukakan cadangan, dan membuat ulasan mengenai kajian yang telah di jalankan. Pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek membuat rujukan, lampiran, dan penjilidan tesis.

**KMY4013 Sensori dan Persepsi**
Kursus ini mengfokuskan kepada aspek bagaimana manusia menerima maklumat dan mentafsirkan maklumat. Turut dibincangkan adalah interaksi maklumat yang diterima dengan proses-proses yang terlibat dan kesannya dari segi tindakan dan pemikiran. Topik yang terlibat ialah prinsip Gestalt dalam kelompok, keteguhan persepsi, proses-proses dalam persepsi dan aplikasi sensori dan persepsi.

**KMY4023 Motivasi dan Emosi**
Kursus ini memperkenalkan kajian-kajian dan teori-teori yang terdapat di dalam bidang motivasi dan emosi. Kursus ini mengkaji dengan lebih mendalam tentang motivasi yang mendasari niat manusia dan keinginan dalam tingkah laku harian mereka, serta faktor-faktor yang mendorong sesuatu keputusan dan tindakan. Topik yang dibincangkan ialah teori emosi (Teori Jame-Lange, Teori Cannon-Bard, Teori Schachter-Singer, Teori Lazarus, dan Facial Feedback Theory) dan teori motivasi (prinsip asas biologi, dan lima teori-teori utama motivasi (Teori Naluri, Drive Reduction Theory, Teori rangsangan, Teori psikoanalitik, dan Teori kemanusiaan - Keperluan Hierarki Maslow).

**KMY4033 Psikologi Kesihatan**
Kursus ini membantu pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana biologi, tingkah laku manusia memberi kesan kepada konteks sosial kesihatan individu dan kesejahteraan. Tumpuan subjek adalah kepada bagaimana prinsip-prinsip psikologi yang digunakan untuk menggalakkan kesihatan dan mencegah penyakit. Kursus ini akan mempertimbangkan faktor-faktor psikologi yang terlibat dalam bidang kesihatan dan penyakit dari perspektif teori psikologi sosial terutamanya yang berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Ia akan membincangkan kaedah penyelidikan psikologi dalam aplikasinya terhadap kesihatan. Topik yang dipelajari ialah kaedah menangani penyakit dan kesakitan, nasihat perubatan, merokok, pemakanan, senaman, penggunaan alkohol, amalan seks, pencegahan kecederaan, promosi kesihatan, strategi pengurusan serta kemahiran dan tingkah laku dalam pencegahan penyakit.

**KMY4043 Psikologi Jenayah**
Kursus ini mengkaji aspek psikologi tingkahlaku jenayah dengan menggunakan beberapa pendekatan teori. Topik yang dipelajari ialah teori biologi, teori psikososial, teori sosiologi dan teori pembelajaran sosial serta teori perkembangan faktor risiko. Kursus ini juga menganalisa minda jenayah dengan melihat kajian antara hubungan antara kecelaruan mental, tingkahlaku jenayah dan psikopati. Antara topik yang dibincangkan ialah proses psikologi dalam jenayah, pesalah keganasan, antisocial personality disorder, antisocial associates dan penggunaan bahan terlarang.

**KMY4053 Psikologi Pengguna**
Kursus ini mengkaji teori asas dan konsep di dalam psikologi pengguna dan tingkahlaku pengguna dengan fokus utama kepada memahami bagaimana dan mengapa pengguna memilih, mengguna, menilai barangan dan perkhidmatan. Antara topik yang dibincangkan ialah sistem nilai, personailti, gaya hidup, motivasi, pemprosesan maklumat, budaya, dan pembuatan keputusan oleh pengguna.

**KMY4059 Latihan Industri**
Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperkembangkan dan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran profesional psikologi dalam pelbagai konteks. Pelajar dikehendaki menyempurnakan 600 jam terdiri daripada aktiviti menjalankan penilaian keperluan, latihan, perundingan, menganjurkan aktiviti bimbingan dan intervensi serta melibatkan diri dalam kerja-kerja pentadbiran.

## SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)

**KMP1013 FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA**
Kursus ini memberi pengenalan dan pendedahan kepada pelajar tentang konsep falsafah pendidikan dan pengaruhnya dalam menentu halatuju sistem pendidikan sesebuah negara. Penekanan turut diberi kepada latar belakang serta perkembangan pendidikan di Malaysia semenjak kemerdekaan sehingga kini melalui perbincangan pelbagai isu dan cabaran yang berkisar dengan intipati falsafah, dasar dan matlamat pendidikan negara serta peranan yang seharusnya dimain oleh golongan pendidik untuk memastikan falsafah serta matlamat pendidikan negara dapat direalisasikan sepertimana yang dihasratkan. Pelbagai peristiwa penting dalam sejarah pendidikan negara serta kesannya terhadap perkembangan pendidikan semasa turut dibincangkan.

**KMP1023 MASYARAKAT DAN BUDAYA DALAM PENDIDIKAN**
Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang hubungan dinamik di antara masyarakat dan budaya dalam Pendidikan. Antara tajuk utama yang dibincangkan ialah peranan sekolah sebagai sebuah organisasi sosial, mengenali budaya dan komuniti di sekolah, kepelbagaian dari segi budaya dan struktur sosio-ekonomi dalam masyarakat serta pengaruhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, dan perubahan sosial semasa dan kesannya terhadap Pendidikan. Pelajar yang mengikuti kursus ini juga berpeluang untuk menganalisa perspektif global berkenaan tren dan isu-isu berkaitan peranan dan pengaruh masyarakat dan budaya dalam Pendidikan. Penekanan kepada isu komuniti, pelbagai budaya di Sarawak.

**KMP1033 NAHU BAHASA ARAB I**
Kursus ini membincangkan pembahagian kalimah: ism, fi‘l, dan harf, pembahagian ism dan fi‘l: al-Mu‘rabah, al-Mabniyyah dan alamat al-I‘rab.Marfu‘at al-Asma’ : al-Mubtada’, al-Khabar, Ism Kana wa Akhawatuha, Khabar Inna wa Akhawatuha, al-Fa‘il, Na’ib al-Fa‘il dan al-Tawabi‘. Kalimah mengikut al-Mizan al-Sarfiyy: al-Ism al-Sahih wa ghair al-Sahih al-Akhir, al-Nakirah wa al-Ma‘rifah, al-Jamid wa al-Mutasarrif, Mufrad, Muthanna dan Jama‘.

**KMP1043 PEDAGOGI PENDIDIKAN ISLAM (SEKOLAH MENENGAH)**
Kursus ini memberi tumpuan kepada pengenalan kurikulum dan perkembangan kurikulum Pendidikan Islam, Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia, analisis kandungan kurikulum dan isu-isu semasa kurikulum Pendidikan Islam. Ia juga akan menyentuh tentang Pedagogi di Sekolah Menengah untuk panduan para bakal guru.

**KMP1053 USUL FIQH**
Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada bab-bab awal dalam perbahasan Usul Fiqh. Ia akan membincangkan tentang pengenalan kepada Usul Fiqh: pendahuluan, pengertian, kemunculan, sejarah penyusunan; Hukum Syarak: pengertian, pembahagian: taklifi dan wad’iy, al-Hakim, al-mahkum fihi, al-mahkum ‘alayhi, al-ahliyah; Dalil dalil Syarak: Kehujahan al-Quran: Qat’iyah al-thubut al-wurud, dilalah nusus al-Quran, qat’iyah dan zanniyah; Hadis: kehujahan, pembahagian daripada sudut sanad dan wurud, qat’iyah dan zanniyah, fungsi hadis terhadap al-Quran; Ijma’: pengertian dan penghujahannya; Qiyas: penghujahannya; serta mengenai dalil-dalil yang tidak disepakati.

**KMP1063 PENGENALAN PENGAJIAN HADIS DAN AL-QURAN**
